

**Jilid IV
No. 38**



**Hari Ithnin
19hb Februari, 1968**

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGKAL KEEMPAT
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
5633]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968—

Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Keduabelas)—

Kepala² B. 60 hingga B. 66 [Ruangan 5659]

**Kepala² B. 42 hingga B. 46 dan Kepala² B. 48 hingga
B. 55 [Ruangan 5698]**



MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Ithnin, 19hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

- Yang Berhormat WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N. P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

„ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).

„ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).

Yang Berhormat **TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN** (Sarawak).

- „ **DR TAN CHEE KHOON** (Batu).
- „ **TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P.** (Bagan).
- „ **TUAN TAN TOH HONG** (Bukit Bintang).
- „ **TUAN TAN TSAK YU** (Sarawak).
- „ **TUAN TIAH ENG BEE** (Kluang Utara).
- „ **TUAN YEH PAO TZE, A.M.N.** (Sabah).
- „ **TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD** (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat **Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.** (Kuala Kedah).

- „ **Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.** (Sungai Siput).
- „ **Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI** (Kedah Tengah).
- „ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K.** (Ulu Selangor).
- „ **Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K.** (Sarawak).
- „ **Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.** (Kelang).
- „ **Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN** (Kubang Pasu Barat).
- „ **Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI** (Ulu Perak).
- „ **Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN** (Kota Star Utara).
- „ **Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P.** (Teluk Anson).
- „ **TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K.** (Kuantan).
- „ **TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN** (Lipis).
- „ **TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P.** (Bachok).
- „ **PUAN AJIBAH BINTI ABOL** (Sarawak).
- „ **WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM** (Sarawak).
- „ **TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN C. V. DEVAN NAIR** (Bungsar).
- „ **DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P.** (Sabah).
- „ **TUAN GANING BIN JANGKAT** (Sabah).

Yang Amat Berbahagia **TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N.** (Johor Timor).

Yang Berhormat **TUAN THOMAS KANA, K.M.N.** (Sarawak).

- „ **TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P.** (Sabah).
- „ **TUAN LIM KEAN SIEW** (Dato Kramat).
- „ **TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K.** (Alor Star).
- „ **DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S.** (Sarawak).

Yang Berhormat TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PERKEMBANGAN HASIL NEGARA, PENDAPATAN PERSA- ORANGAN DAN LAIN² (1964-1967)

1. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad
(Pasir Mas Hulu) minta kepada Per-
dana Menteri berikan butir² keterangan
yang berikut bagi tempoh antara 1964
hingga 1967:

- perkembangan hasil negara dengan memberi angka peratusannya;
- perkembangan pendapatan tiap² sa-orang;
- pembahagian hasil menurut bangsa;
- bertambah-nya hasil pengeluaran pertanian;

(e) bertambah-nya harga barang²
penting seperti beras, gula
garam;

(f) bertambah-nya hasil pengeluaran
perusahaan.

**Timbalan Perdana Menteri (Tun
Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-
Pertua, pengeluaran negara kasar ber-
tambah sa-banyak 15% antara tahun
1964 hingga 1967.

Yang kedua-nya, pendapatan per
capita bertambah sa-banyak lebih
kurang 10% dalam jangka masa yang
sama.

Yang ketiga, tidak ada angka dan
telah menjadi dasar Kerajaan tidak
hendak memberi keterangan seperti
ini menurut kaum.

Yang keempat, pengeluaran per-
tanian bertambah sa-banyak lebih
kurang 18%.

Pengeluaran beras bertambah sa-
banyak 18.9%, getah sa-banyak 13%
dan kelapa sawit sa-banyak 76.5%.

Export kayu balak yang di-gergaji dan papan telah bertambah sa-banyak 49.4%, sementara export nenas dalam tin dan ayer nenas bertambah sa-banyak 32.2%.

Mengenai barang² pengeluaran yang tersebut harga beras naik sa-banyak 30%, harga gula pasir turun sa-banyak 34% dan harga garam tidak berubah.

Pengeluaran perusahaan ada-lah di-anggarkan telah bertambah sa-banyak 45% dalam jangka masa yang tersebut, dan pengeluaran simin bertambah sa-banyak 178.8%, barang² dari tambau sa-banyak 68.3%, biskut sa-banyak 178.3% dan sabun sa-banyak 133.6%, sementara pengeluaran berbagai² jenis barang getah telah bertambah lebeh daripada dua kali ganda.

PERSAMAAN PENDAPATAN DAN PELUANG DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN BAGI SEMUA PENDUDUK² DI-MALAYSIA

2. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Perdana Menteri boleh-kah dia berikan bentok yang mudah dan terator yang akan menghasilkan persamaan pendapatan yang lebeh banyak lagi kemajuan, serta peluang bagi semua golongan manusia, terutama sa-kali bagi orang² Melayu, dalam bidang perniagaan dan perdagangan.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah setratiji yang di-gunakan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia yang Pertama dan juga Rancangan Persekutuan Tanah Melayu yang kedua dahulu, ia-lah tujuan untuk menambahkan peluang² dalam bidang ekonomi bagi semua penduduk di-negara kita, di-Malaysia ini. Sa-lain daripada itu ada-lah menjadi dasar kita untuk meninggikan pendapatan mereka yang tidak berada dan juga untuk mengurangkan perbedzaan antara mereka yang berada dengan mereka yang tidak ada. Dalam hal ini, Ahli² Yang Berhormat tentu mengetahui dan sedar bahawa melalui Rancangan² Pembangunan Luar Bandar Kerajaan dan dengan ada-nya tertuboh Badan² saperti Lembaga Kemajuan Tanah dan Lembaga Pemulehan Sa-

mula Tanah, FAMA dan MARA yang bertujuan menambahkan pendapatan ra'ayat terutama sa-kali bagi mereka yang dudok di-luar bandar. Khas-nya, peranan MARA ia-lah untuk membolehkan bimputra bagi mengambil bahagian dengan lebeh chergas dan lebeh luas lagi dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

MENUBOHKAN SA-BUAH KONSULET DI-BEIRUT, LEBANON

3. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Luar Negeri bila Kerajaan akan menubuhkan sa-buah Konsulet di-Beirut, Lebanon, mengganti Konsulet sementara itu atau hantar beberapa orang pegawai membantu Konsul sementara itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menubuhkan sa-buah Konsulet Kehormat di-Beirut, Lebanon, dalam bulan Julai tahun 1966. Semenjak itu Konsulet itu telah pun berada di-bawah jagaan sa-orang Konsul Kehormat. Di-samping itu juga Duta Besar kita di-Kaherah telah di-beri tauliah serentak di-Lebanon supaya Duta Besar dan pegawai² Kedutaan kita di-Kaherah itu dapat membuat lawatan ka-Lebanon dari satu masa ka-satu masa dan dapat bersama² dengan Konsulet Kehormat kita menjaga kepentingan negara kita di-Lebanon.

ABANG KIFLI YANG MENAMAKAN DIRI-NYA PANGLIMA TENTERA NASIONAL KALIMANTAN UTARA

4. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) ada-kah benar Abang Kifli yang menamakan diri-nya Panglima Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) itu di-pehah Malaysia;
- (b) berapa orang tentera-nya;
- (c) tidak boleh-kah dengan persetujuan kedua² buah Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia memulangkan Abang Kifli kepada Malaysia supaya tindakan²

yang sesuai akan di-ambil terhadap-nya; dan

(d) benar-kah dia itu anak saudara Gabnor Sarawak.

Menteri Muda Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, menilek kepada perbuatan² Abang Kifli pada masa yang lalu dan pada masa sekarang, nampak-nya, ia bukan memihak kepada Malaysia bahkan menentang. Saya tidak tahu dengan tegas-nya jumlah bilangan Anggota Tentera Abang Kifli. Sa-takat mana yang kita dapat ketahui penyokong Abang Kifli itu terdiri daripada sa-bilangan yang kecil sahaja.

Tentang jawapan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini maseh dalam timbangan lagi. Sa-tahu saya Abang Kifli bukan saudara kepada Gabnor Sarawak.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Ada-kah dapat di-ikuti sa-lama ini bahawa Tentera Abang Kifli ini ada berhubung rapat dengan penjahat² komunis di-Sarawak yang bertujuan hendak menghanchorkan Malaysia kita.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sa-takat yang saya tahu chara rasmi, tidak ada, sungoh pun ada khabar² yang dikeluarkan di-dalam surat khabar menyatakan perhubungan sulit di-antara Tentera Abang Kifli dengan pehak² komunis di-Sarawak.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—dapat-kah Yang Berhormat Menteri Muda Keselamatan Dalam Negeri memberitahu Dewan ini bahawa di-antara tujuan dan maksud tentera Abang Kifli ini—apa-kah tujuan-nya?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Sa-bagaimana, barangkali Ahli Yang Berhormat ma'alum satu daripada tujuan tentera Abang Kifli ini, sa-bagaimana yang di-hebahkan ia-lah berjuang kata dia, untuk menchapai kemerdekaan bagi Sarawak dan kawasan Malaysia Timor supaya terkeluar daripada Malaysia.

KENAIKAN GAJI MATA² DENGAN SHARAT²

5. Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa gaji mata² biasa akan di-naikkan kepada \$270 sa-bulan tetapi mereka tidak akan mendapat gaji apabila mereka berchuti sa-lama 3 bulan dan tidak akan di-beri kemudahan² rumah sakit, dan jika benar, ada-kah adil mengenakan sharat² gaji yang tersebut.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah tidak benar.

MENUKAR CHORAK PERKHIDMATAN PASOKAN POLIS

6. Tuan Abdul Karim bin Abu bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah benar bahawa perkhidmatan Pasokan Polis akan ditukar dari satu perkhidmatan bersenjata menjadi sa-buah perkhidmatan 'awam, jika benar, tidak-kah langkah ini membahayakan keamanan negara, dan ada-kah dia akan meneruskan langkah ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham atas maksud Ahli Yang Berhormat tentang perkataan Civil Service atau perkhidmatan 'awam; ada-kah perkhidmatan 'awam yang di-sebutkan itu sa-bagai Civil Service biasa yang tidak menggunakan senjata? Jika itu maksud-nya, tidak-lah benar semua sa-kali, ia-itu Kerajaan akan menukarkan chorak perkhidmatan Polis itu. Sa-bagai Yang Berhormat sedia ma'alum, peranan Polis ini ia-lah di-antara tentera dan perkhidmatan 'awam, dalam masa rusohan ia menjalankan tugas saperti tentera, dan di-dalam masa keamanan masa aman ia-nya menjadi sahabat dan penasihat orang² 'awam, dan menjaga keamanan dan keselamatan mereka.

ALLOWANCE FOR POLICE FIELD FORCE PERSONNEL IN MALAYSIA/THAILAND BORDER

7. Dr Tan Chee Khoon (Batu) (*dengan izin*) asks the Minister of Home Affairs to state why it is that Police Field

Force personnel who since 1966 have served in the Malaysia/Thailand Border are not getting any form of allowances while those who serve in East Malaysia do get an allowance and the reason for such discrimination.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, the Police Field Force is organised for operation in the jungle, including the border areas. Its personnel is required to serve for periods away from their base. As inducement, a commuted allowance called the Police Field Force Allowance, is approved for its personnel in lieu of subsistence and other allowances, at the following rates:

Gazetted Officers and Inspectors	...	...	\$80.00 per month
Sub-Inspectors	...	...	75.00 "
Sergeant Majors	...	...	70.00 "
Sergeants	...	...	40.00 "
Corporals	...	...	30.00 "
Constables	...	...	21.00 "

In addition, the Police Field Force personnel also receive free rations, or, in special cases, a ration allowance of \$1.50 per day in lieu thereof.

The Police Field Force operational periods in the Malaysia/Thailand border area are between 4 to 6 weeks only, after which the personnel will return to their base. However, when they are assigned for operational duties in East Malaysia, they are required to be away for a continuous period of 3 to 4 months and sometimes longer. As such, an overseas allowance is approved as follows:

Constable	...	\$4.00 per day
Corporal	...	5.00 "
Sergeant	...	6.00 "
Sergeant Major	...	7.00 "
Inspector	...	8.00 "
Gazetted Officer	...	10.00 "

It is, therefore, wrong to allege that there is discrimination in the treatment of Police Field Force personnel operating in the Malaysia/Thailand border area compared with those serving in East Malaysia. The overseas

allowance payable in the latter case is more in the nature of hardship allowance, since they have to spend longer periods away from base than they would normally be required to do.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri Muda berkata *Police Field Force* itu yang pergi ka-Malaysia Timor telah di-bayar *overseas allowance*; oleh sebab Malaysia Timor ia-lah di-dalam Malaysia juga, mengapa-kah *Police Field Force* yang di-hantar kapada Malaysia Timor dapat *overseas allowance* dan *Police Field Force* yang di-hantar ka-Malaysia/Thailand Border tidak dapat *allowance* tersebut?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya sudah beri tadi, mengatakan di-bayar *overseas allowance* kapada *Police Field Force* yang berkhidmat di-Sarawak kerana mereka ini keluar berkhidmat, keluar berlainan dengan perkhidmatan mereka di-sempadan, ma'ana-nya di-dalam kawasan Malaya, dan sa-bagaimana saya ma'alumkan tadi, perkhidmatan mereka di-sana berlainan dengan perkhidmatan di-daerah sempadan di-mana mereka terpaksa berada di-luar daripada Malaya, kampung dia sa-lama, 4 atau pun 5 bulan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua: nampaknya perbezaan di-antara *Police Field Force* di-sempadan daerah dan di-Malaysia Timor ia-lah masa sahaja—yang di-hantar kapada sempadan daerah ia-lah 6 minggu sahaja, yang di-hantar ka-Malaysia Timor 5 bulan. Oleh sebab perbezaan itu tidak berapa jauh, mengapa-kah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak beri *allowance* tersebut kapada *Police Field Force* yang pergi ka-sempadan daerah?

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Perbezaan-nya sa-bagaimana saya jelaskan tadi tidak jauh sangat, dan tentang perkataan *overseas allowance* yang sa-benar-nya bukan bermaksud *foreign service allowance* yang barangkali di-fikirkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu.

MELETAKKAN JAWATAN OLEH PEGAWAI² TINGGI BANK NEGARA

8. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah benar bahawa sa-kurang²-nya lima orang pegawai tinggi Bank Negara telah meletakkan jawatan, dan jika benar, kenapa, dan sudah-kah jawatan² itu di-isikan semanjak di-kosongkan.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan yang sa-rupa dengan ini sa-chara bertulis pada meshuarat Dewan Ra'ayat dalam bulan November 1967, dan saya merujukkan Ahli Yang Berhormat kepada jawapan itu.

MENTERI KEWANGAN, MALAYSIA

9. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Kewangan oleh kerana Menteri² Kewangan negeri² asing telah meletakkan jawatan kerana desakan politik akibat kejatuhan nilai *pound sterling*, ada-kah benar bahawa dia akan menimbang meletakkan jawatan juga, dan jika benar, tidak-kah dia dapat bersabar hingga sampai pilehan-nya tahun 1969 untuk menjaga keteguhan Kerajaan Malaysia yang ada sekarang.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu patutlah menyiasat lebih dahulu sama ada betul atau tidak, sa-belum ia mengatakan bahawa Menteri Kewangan negeri² asing telah meletakkan jawatan-nya berikutan dengan turun-nya nilai matawang *sterling*. Sa-panjang yang saya tahu, hanya Menteri Kewangan British sahaja yang telah bertukar ka-satu jawatan lain dalam Jema'ah Menteri British sa-bagai akibat kejadian ini. Dalam hal ini pun, Ahli Yang Berhormat tentu-lah sedar bahawa ia meletakkan jawatan-nya itu bukan-lah kerana matawang *pound* di-turunkan, tetapi kerana ia berasa ia terpaksa meletakkan jawatan oleh memandangkan janji² yang telah di-berikan-nya kepada rakan²-nya dalam Commonwealth tentang perkara tidak akan menurunkan nilai matawang *sterling* itu.

Oleh kerana bahagian yang pertama soalan ini telah di-jawab demikian, maka jawapan kepada bahagian kedua soalan tersebut tidak timbul lagi.

PERBEZAAN PERATURAN BILANGAN YANG LULUS PEPEREKSaan S.R.P. DAN PEPEREKSaan MASOK SIJIL PERSEKOLAHAN TINGGI ANTARA 1966 DAN 1967

10. Dr Lim Chong Eu (Tanjong) minta kepada Menteri Pelajaran memberi-tahu Dewan ini:

- (a) kenapa jauh benar beza-nya antara peraturan bilangan yang lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan peperiksaan masok Sijil Persekolahan Tinggi bagi tahun 1967 dengan peraturan bagi peperiksaan² tahun 1966;
- (b) sa-juah mana-kah ini membayangkan betapa cekap-nya jentera pemeriksa alat komputer;
- (c) jika jentera komputer di-terima sa-bagai alat yang lebih 'adil dan tepat, maka sa-jauh mana-kah ini menunjukkan sa-barang kejatuhan dalam darjah kepandaian murid² yang mengambil peperiksaan;
- (d) apa-kah pandangan dan pendapat Jema'ah Nazir mengenai masalah menjaga mutu pengajaran dan pelajaran dalam tempoh dua tahun yang lalu dan ada-kah pendapat² ini sa-bagai menguatkan lagi hasil komputer² ini atau sa-balek-nya.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua: (a) sebab bertambah jauh-nya perbezaan di-dalam peraturan yang lulus peperiksaan S.R.P. pada tahun 1967 dan 1966 ia-lah kerana murid² yang masok peperiksaan S.R.P. tahun 1967 itu ada-lah kumpulan pertama yang tidak payah menghadapi peperiksaan masok ka-Sekolah² Menengah. Dengan tidak ada-nya tapisan dari darjah enam ka-tingkatan satu maka sudah sa-mesti-nya, peraturan lulus peperiksaan S.R.P. itu lebih rendah daripada tahun² sa-belum-nya. Satu ranchian atau analysis menunjukkan bahawa peperiksaan masok ka-Sekolah Menengah di-adakan

pada kali yang akhir, lebih kurang 60% daripada murid² telah berjaya naik ka-tingkatan satu, 59% daripada chalun² yang naik darjah ini telah lulus peperiksaan S.R.P. yang di-adakan pada tahun 1966. Gulongan 59% ini ada-lah berupa 36% daripada jumlah murid² yang masuk sekolah dalam pelajaran satu dari gulongan itu. Oleh yang demikian kenaikan darjah pukol rata dengan peringkat kebangsaan sebanyak 49.1% pada tahun 1967 itu sudah tentu-lah lebih tinggi daripada kejayaan pada tahun² yang terlebih dahulu, bila chalun² terpaksa menghadapi peperiksaan masuk ka-Sekolah Menengah dalam darjah enam. Berhubung dengan peperiksaan masuk Tingkatan Enam pula chalun² bagi peperiksaan ini semakin bertambah pada tahun² yang lalu, dan oleh itu perlu-lah di-tinggikan mutu-nya kerana jumlah tempat yang ada sangat terhad. Sa-lain daripada ini, sa-peratusan tertentu tempat² yang ada dalam kelas² Tingkatan Enam Rendah ada-lah di-khaskan bagi chalun² yang mungkin layak masuk mengikut keputusan Sijil Sa-berang Laut/Sijil Pelajaran Malaysia pada bulan Mach tahun 1968.

(b) Kemerosotan dalam peratus lulus tiada kena mengena dengan peperiksaan dengan komputer ini.

(c) Mutu jawapan murid² tidak jatuh.

(d) Saya telah di-nasihatkan oleh Jema'ah Nazir bahawa pada keseluruhan-nya mutu pengajaran dan pelajaran dalam masa dua tahun yang lalu ada-lah terpelihara dan tidak ada masalah besar atau kecil yang tidak dapat di-selesaikan. Pihak Jema'ah Nazir juga mendapat bahawa soal² dalam masalah memelihara mutu itu tidak ada kena mengena langsung dengan keputusan² melalui komputer.

Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, in view of the long reply by the Honourable Assistant Minister, for which I thank him, may I ask him to assure this House that in future the Government will not make changes in the system of examinations too frequently in one instance; and, secondly, that if Government feels that it is necessary to make any changes in the system of examinations, it should

project its intention at least 2 years in advance? I think the Honourable Assistant Minister's reply has already indicated that on both occasions when there was a change in the system of examinations, there was a consequent drop in the passing percentages. Therefore, Sir, I would like the Honourable Minister to give this assurance that Government will not change examinations too frequently; and if so, that it would at least project it 2 years ahead.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi telah diterangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, oleh kerana keturunan peperiksaan itu yang pertama-nya murid² daripada Sekolah Rendah tidak mengambil bahagian dalam peperiksaan kenaikan Sekolah Menengah, ia itu darjah enam.

Yang kedua, mutu pelajaran-nya itu terlalu meninggikan, oleh sebab itu dapat-lah murid² itu, tidak sangat cukup maju di-dalam peperiksaan itu; dan juga Kementerian Pelajaran akan mengkaji sistem² peperiksaan itu sama masa ka-sa-masa untuk meninggikan taraf pelajaran dan juga mengikut standard² yang tinggi "up to date" kepada negara² yang lain di-dalam dunia.

Tuan Speaker, jadi, Kementerian saya tidak boleh; memang-lah kita sedar bila² mengkaji apa² perkara yang sesuai.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, jawapan Menteri Muda Pelajaran tidak benar atau betul. Wakil dari Tanjong bertanya boleh-kah Menteri Muda berjanji Kementerian Pelajaran tidak di-masa akan datang . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan tambahan-kah atau apa?

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Tolong-lah beri soalan tambahan itu, dan tidak usah terjemahkan soalan orang lain.

Dr Tan Chee Khoon: Ini-lah soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua; Wakil dari Tanjong bertanya boleh-kah Kementerian Pelajaran memberi

jaminan di-masa akan datang Kementerian tersebut, apabila hendak menukar sistem pelajaran, mesti beri notis sa-kurang²-nya dua tahun dahulu, sebelum Kementerian Pelajaran menukar sistem pelajaran?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sistem pelajaran ini langsung tidak tukar. Jadi, saya telah menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang itu.

Dr Tan Chee Khoo: Sistem peperiksaan, sistem peperiksaan.

Tuan Lee Siok Yew: Jadi sistem pelajaran ini saya telah menjawab, Kementerian saya akan mengkaji sa-masa dengan sa-masa bila sistem ini yang sesuai kapada sama

Tuan Yang di-Pertua: Sudah silap berchakap, dia kata sistem peperiksaan.

Tuan Lee Siok Yew: Ya, itu-lah itu juga. (*Ketawa*) Jadi, Ahli Yang Berhormat itu barangkali tidak berapa faham apa-kah bertanya? (*Ketawa*).

MERINGANKAN BEBAN PERSEKOLAHAN

11. Dr Lim Chong Eu minta kepada Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini apa-kah tindakan² dia berchadang hendak ambil untuk meringankan beban belanja yang di-tanggung oleh ibu bapa kerana membayar:

- (a) yuran sekolah;
- (b) harga buku² teks sekolah;
- (c) belanja gerak-kerja di-luar masa sekolah;
- (d) harga pakaian seragam untuk kanak² sekolah.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Speaker, langkah² yang telah atau sedang di-ambil termasuk: (a) *Yuran sekolah*—pengechualian dari membayar sa-paroh dari yuran itu mengikut peruntukan yang di-hadkan hingga sa-banyak 10% daripada jumlah murid² yang membayar. Ini di-tambahkan dengan mengadakan juga peruntukan bagi pengechualian dari membayar sa-paroh-nya

yuran itu atau tempat² perchuma hingga sa-banyak 10% daripada jumlah bilangan murid² di-Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan.

Sa-lain daripada itu terdapat juga Biasiswa Kechil Persekutuan, Biasiswa Persediaan masuk ka-Universiti, dan Biasiswa Negeri bagi murid² yang layak menerima-nya.

(b) Satu had atau ceiling telah dikenakan ka-atas jumlah harga buku² teks mengikut darjah atau tingkatan bagi tiap² sekolah, sekolah² ada-lah juga di-kehendaki menjalankan pembelian buku² teks supaya murid² tidak-lah terpaksa membeli buku yang tidak untuk kegunaan serta-merta. Murid² yang di-tukarkan ka-sekolah² baharu tidak juga di-kehendaki membeli buku² baharu jika ibu bapa mereka tidak mahu membuat demikian. Mereka juga di-benarkan menggunakan buku² teks chetakan lama dan tidak di-paksa membeli chetakan baharu jika mereka tidak mampu berbuat demikian. Sekolah² tidak-lah di-benarkan menukar senarai buku mereka dengan tidak ada kebenaran terlebih dahulu daripada Pejabat Pelajaran.

(c) Satu ceiling sa-banyak \$4.50 sa-tahun bagi sekolah rendah dan \$6.00 sa-tahun bagi sekolah² menengah adalah di-kenakan untuk bayaran² yang di-satukan bagi perbelanjaan gerak-kerja, luar bilek darjah meliputi perpustakaan, permainan dan kerja tangan atau Sains. Akan tetapi Pendaftaran sekolah² ada-lah di-beri kuasa untuk membenarkan pungutan lebih daripada ceiling itu, jika sa-kira-nya terbukti perlu. Bagi sekolah² menengah ada-lah di-dapati bahawa pada kebanyakan-nya ceiling sa-banyak \$9.00 bagi bayaran yang di-satukan memang patut. Guru² Besar sekolah ada-lah juga di-benarkan pengechualian murid² yang tidak mampu daripada membayar yuran ini.

(d) Kementerian Pelajaran sedang mengkaji kemungkinan pakaian sa-ragam yang sa-rupa bagi semua sekolah untuk membantu ibu bapa daripada terpaksa mengeluarkan perbelanjaan lebih kerana membeli pakaian baharu, bila anak² mereka bertukar sekolah. Sementara itu, Guru² Besar ada-lah

di-beritahu bahawa murid² yang bertukar sekolah hendak-lah jangan diperintahkan menukar pakaian sa-ragam mereka sa-kurang²-nya hingga akhir tahun dia bertukar itu.

Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*): Sir, will the Honourable Assistant Minister inform this House, what steps has the Ministry taken towards the establishment of a national central textbook publication unit, in order to cut down the cost of school textbooks?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran adalah menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa beiru buku teks. Jadi, Jawatan-kuasa ini akan menyiasat kepada tiap² satu buku sa-belum di-publish kepada publisher dengan satu masa ka-satu masa. Jadi Kerajaan kita, sa-bagai Kerajaan demokrasi, tidak boleh menetapkan buku teks kita sendiri. Jadi, terpulang balek kepada orang ramai, akan tetapi Kerajaan akan menjaga dengan selalu-nya apa-kah harga buku teks itu, jika buku teks itu sangat tinggi jadi memang-lah publisher² itu antara satu dengan satu yang lain selalu melawan menurunkan harga buku teks itu. Kementerian saya akan menyiasat sahaja buku teks itu mestilah mengikut syllabus yang telah di-kebenaran daripada Kementerian saya.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Menteri Muda beritahu ada-kah Kementerian Pelajaran, atau Ketua Pegawai Pelajaran, Guru Besar Sekolah, telah mengambil keputusan tentang permohonan² yuran kechualian daripada murid² masing²?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu ada-lah satu jawapan saya jawab. Jadi sila tunggu dua minit sahaja saya akan jawab perkara ini.

Dr Lim Chong Eu: Sir, the Honourable Minister has referred to the Government's democratic policy of allowing competition by publishers and the cost for the price of textbooks. I presume, Sir, that this is in reference to the Government's policy of liberally encouraging private enterprise. But, will

the Honourable Minister tell us whether the Ministry not only looks into the question of the price of textbooks in competition, but also into the question of costs of producing textbooks? Sir, with the help of the Honourable Minister of Commerce and Industry, the publishing facilities in this country have grown enormously with the demand from the school children annually for school textbooks. The cost of production has also gone down. Sir, will the Honourable Minister tell us whether the Ministry has looked into this aspect of the cost factor of textbooks as an attempt to bring down the prices of textbooks available to school children?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian boleh ambil perhatian soal ini.

Dr Lim Chong Eu: Sir, further to this, I think, during the course of the debate on the Budget, the Honourable Assistant Minister referred to the grant of \$3 million to the Dewan Bahasa dan Pustaka for the publication of textbooks. I would like to ask this question. Sir, was this sum given to the Dewan for the purposes of publishing the textbooks, or for the purposes of tendering for the publication of these textbooks?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perchakapan kepada saya itu, perkara million ringgit ini untuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memberi chetakan buku teks.

Dr Lim Chong Eu: Sir, in order to keep down the cost of school textbooks, will the Honourable Assistant Minister inform this House what checks does the Ministry have on the question of cost of production of textbooks on tender, and whether the Ministry has any control over the form of tender, the direction of tender and the acceptance of tender for the purposes of maintaining a minimum level of profit from textbooks?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bahasa dan Pustaka ia-lah satu Badan yang ada Pengarah²

sendiri. Jadi, perkara berkenaan dengan tender² itu terpulung balek kepada Director² Jawatan-kuasa itu.

Dr Lim Chong Eu: Sir, I believe some of the texts have to go through approval by the Ministry or at least some kind of approval by the Ministry before they are published as textbooks, or accepted as textbooks for use by students. Sir, in the course of accepting the text for publication, cannot the Ministry also at the same time look into probable cost of production of these textbooks?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab, perkara ini, akan di-ambil perhatian untuk penyiasaan Kementerian saya.

Tuan Chew Biow Chuon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandang kepada kejatohan harga getah pada masa ini ada-kah Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran kita akan menimbangkan supaya yuran sekolah ini di-turunkan di-masa² yang akan datang?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perchakapan kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan juga saya, yuran sekolah ini tidak boleh di-turunkan. Ahli² Yang Berhormat telah ma'alum Kementerian Pelajaran ia-lah satu Kementerian yang mengambil perbelanjaan yang banyak. Semua orang, anak² kita memasok sekolah; jadi kita perlu mendirikan sekolah baharu, tambahkan kemudahan² baharu dan juga hendak meninggikan taraf pelajaran. Dengan sebab itu, kita tidak boleh-lah menurunkan yuran sekolah tambahkan.

Dr Lim Chong Eu: Is the Honourable Assistant Minister aware of a fairly common practice which is indulged in by different boards of governors of different schools: namely, of awarding tenders for school textbooks to any one publisher, or any one group of whole-sale booksellers, and accepting the tenders on some kind of donation to the school library, or the school funds indicating, of course, that there is a fairly big margin of profit which is channelled to the school itself?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar, akan tetapi tender² buku teks itu di-pulangkan balek kepada Jemaah Pengurus Sekolah. Kementerian saya tidak bertanggung-jawab apa² dengan harga-nya. Jadi, dengan itu, jikalau sama² Ahli Jawatan-kuasa, Jemaah Pengurus Sekolah, mengambil tugas yang penoh, semangat yang tinggi, memang-lah boleh di-keluarkan tender kepada banyak publisher. Harga² buku²-nya yang rendah itu Ahli Pengurus Sekolah itu boleh di-terima-lah.

Berkenaan dengan bantuan kepada sekolah seperti *library* dan sa-bagai-nya itu, memang-lah Kementerian ada menimbangkan perkara² permintaan daripada sekolah masing². Jikalau, Kementerian fikirkan perkara itu di-perlukan kita hendak bayar, jadi kita hendak bantukan wang ringgit.

Dr Lim Chong Eu: In the Honourable Assistant Minister's reply to part (d) of my question, he indicated that the Government is considering the question of having uniform school uniforms throughout the country. Will the Honourable Minister similarly consider the possibility of the Ministry of Education establishing a buying agent for all schools and to buy textbooks for the various schools at the lowest possible price, allowing for an accepted margin of profit for the enterprise of publishing these books, in order that the school children can buy school text books at the minimum possible price available?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ini orang² kita tidak berniaga untuk di-beri perkhidmatan sahaja dengan tidak dapat untung. Jadi, perkara itu, Kementerian pulangkan balek kepada orang masing² membeli buku² dengan harga competition. Saya percaya harga itu memang-lah boleh di-turunkan.

Dr Lim Chong Eu: Supplementary question, Sir, I actually did have one, but I only started having new supplementary questions by virtue of the fact that the Honourable Assistant Minister starts talking about nothing in this

world. I do not believe that the Honourable Minister's view that there is no possibility in this world of producing textbooks apart from the competitive basis. I am just asking whether the Government would consider the possibility of a central buying agency in view of the fact that the Government cannot consider the question of a central printing agency.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kita boleh ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Any more supplementary question? (*Laughter*).

Dr Lim Chong Eu: No, Sir.

PERMOHONAN MEMINTA BANTUAN MEMBAYAR YURAN SEKOLAH

12. Dr Lim Chong Eu minta kepada Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini:

- (a) berapa ramai ibu-bapa yang telah membuat permohonan meminta bantuan membayar yuran sekolah yang telah di-naikkan dan berapa ramai murid² yang terlibat;
- (b) ada-kah apa² kaedah yang dipakai bagi menentukan berapa banyak bantuan yang di-perlukan oleh tiap² negeri. Apa-kah jenis sistem itu dan apa perbedaannya di-antara sistem² itu dan siapa-kah yang menjadi orang tengah yang mu'tamad;
- (c) berapa ramai daripada yang meminta bantuan itu telah di-beri bantuan, dan berapa orang pula yang telah di-tolak.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tawaran untuk membuat permohonan bagi di-kecualikan daripada membayar yuran sekolah dengan menggunakan borang yang tertentu hanya di-umumkan sa-lepas sekolah di-buka pada 8 haribulan Januari, tahun 1968.

Maka ma'alumat yang di-kehendaki di-bawah (a) dan (c), soal itu belum lagi dapat di-beri pada masa ini. Berhubung dengan (b) sistem menilai patut kaedah-nya mendapat kechualian di-tiap² buah negeri ada-nya berdasarkan

sa-mata² kepada kedudukan kewangan ibu-bapa yang telah menerima jaminan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri, bahawa tidak sa-orang murid pun akan hilang peluang-nya dapat pelajaran sa-mata² kerana kemiskinan, dengan terta'alok kepada arahan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dari masa ka-masa Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberikan kuasa kepada Ketua² Pegawai Pelajaran Negeri untuk menimbangkan dan meluluskan permohonan² bagi pengecualian dari membayar yuran sekolah yang di-terima daripada murid² yang benar² memerlukan-nya.

Ibu-bapa yang tidak puas hati dengan keputusan yang di-beri di-peringkat negeri itu boleh-lah membuat rayuan terus kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau saya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Muda sedar ada beberapa orang ibu-bapa oleh sebab keputusan² anak²-nya untuk mengecualikan yuran belum mengambil keputusan tentang Kementerian Pelajaran, ibu-bapa tersebut ingin mengeluarkan anak²-nya daripada sekolah oleh sebab ibu-bapa tersebut tidak boleh membayar yuran tambahan?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya belum mendengar adakah sa-saorang ibu-bapa atau murid² belajar di-sekolah sekarang di-keluarkan daripada sekolah.

Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*): Sir, the Government has already announced this 10% level of exemption. May I ask the Honourable Assistant Minister whether this 10% is based on the total enrolment on the national basis, or the enrolment on the total State by State?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ini telah di-ulangkan kepada Ahli Yang Berhormat daripada Parti Pembangkang dan juga jawapan-nya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-dalam Dewan yang mulia ini. Soalan tambahan itu sudah

banyak kali di-jawab. Dengan itu saya tiada payah berulang² lagi soalan itu di-dalam Dewan ini.

Dr Lim Chong Eu: With great deference, there is a slight difference in the framing of my question, because it is quite clear that there may be some States who may require assistance on a level much higher than 10%. There may be even some areas within a State which require relief higher than the level of 10%. Take, for example, the State which I am most conversant with, the State of Penang—even the requirement in Province Wellesley as compared with the requirement of Penang Island will differ anything between 15% to 20% on the one hand versus 8% to 9% on the other; and even taking North Province Wellesley against South Province Wellesley, the relief requirements might be different. Therefore, Sir, my question has got some bearing because if the State Education Officers have this right to dispense of 10%

Tuan Yang di-Pertua: Are you forming your question in a different way or you are pleading for your first question?

Dr Lim Chong Eu: I am pleading my first question, Sir.

Therefore, Sir, I do hope that the Honourable Minister will reply whether the Government provisions for 10% exemption will apply on a State basis 10% or 10% on the national basis.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya telah jawab; oleh sebab itu-lah Kementerian saya telah di-berikan hak berkuasa kepada Ketua Pegawai Pelajaran dengan perkara itu.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri Muda memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini, sa-takat ini ada-kah sa-orang Ketua Pegawai Pelajaran Negeri mengambil keputusan tentang permohonan² daripada murid² masing²?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu belum dapat laporan daripada Ketua Pegawai Pelajaran. Jadi, saya tidak boleh jawab perkara ini.

TUKARAN GURU² SEKOLAH MENENGAH ABU BAKAR, TEMERLOH

13. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah sebab²-nya maka 15 orang guru dari Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh, di-tukar. Sa-tengah daripada guru² yang kena tukar ia-lah:

Nama Guru	Tempat yang di-tukar
Enche' R. Subramaniam	Budu, Kuala Lipis
Enche' R. Govindarajoo	Sungei Lembing
Enche' Jejit Singh ...	Triang
Che' Samiha ...	Kuala Rompin

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada guru² yang di-tukarkan kepada luar itu telah pun menyatakan keinginan mereka untuk meninggalkan sekolah itu kerana Ketua Pegawai Pelajaran tidak dapat menunaikan permintaan mereka supaya di-pindahkan Guru Besar sekolah itu. Kira² sa-paroh daripada guru² yang telah di-tukarkan itu telah di-tetapkan mengajar di-sekolah² yang berhampiran di-dalam daerah Temerloh, Pahang.

Berhubung dengan Enche' R. Subramaniam, ia telah bertukar ka-Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Budu, Kuala Lipis, untuk mengganti Guru Besar; dan Enche' R. Govindarajoo telah di-tukarkan ka-Sungei Lembing untuk membantu Guru Besar yang tidak berapa sehat. Sekolah Menengah Rendah di-Mentakab telah menerima masuk ramai ka-dalam kelas² menengah rendah yang melibatkan bilangan murid² di-Sekolah Menengah Abu Bakar berkurangan. Berikutan dengan ini bilangan guru² pun telah berlebehan yang terpaksa di-tempatkan di-sekolah² lain, dan oleh yang demikian pertukaran² itu ada-lah perlu dan untuk kepentingan perkhidmatan, dan lagi guru² siswazah untuk Maktab Pelajaran Khas telah di-tempat di-Sekolah Menengah Abu Bakar untuk mengajar kelas² menengah tinggi di-Sekolah itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri Muda sedar pada 2hb Disember, 1967, guru² yang di-sebutkan di-dalam soalan saya telah menulis sa-puchok surat kepada Pengerusi

Lembaga Pengurus sekolah tersebut membantah pertukaran guru² daripada Sekolah itu; kalau Menteri Muda sedar apa-kah tindakan atau perhatian telah di-ambil oleh Kementerian Pelajaran?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, tiap² guru ada-lah berhak berfikir membantah pertukaran, tetapi itu melalui Ketua Pegawai Pelajaran; jadi, perkara itu saya tidak dapat laporan daripada Ketua Pegawai Pelajaran, Pahang. Oleh sebab itu, saya tidak boleh beri jawapan perkara ini.

Dr Tan Chee Khoon: Ada-kah Menteri Muda sedar Enche' R. Subramaniam telah membantah tentang pertukaran-nya oleh sebab isteri-nya ia-lah sa-orang jururawat di-Rumah Sakit Mentakab, emak-nya selalu sakit dan kena pergi ka-Rumah Sakit di-Temerloh, dan beliau sendiri ia-lah menjaga asrama untuk murid² India di-sana. Oleh sebab itu, beliau telah membantah tentang pertukaran-nya.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menimbangkan apa-kah sa-orang guru menjaga satu gulungan sahaja atau bangsa sahaja. Sa-bagai sa-orang guru memanglah bertugas berkhidmat mengajar kepada anak² atau murid² kita. Jadi, jika sa-orang guru meminta, beliau tidak mahu di-tukar oleh sebab isteri saya sakit, dan juga beliau menjaga satu gulungan beliau, Kementerian ini tidak boleh di-jalankan. Oleh sebab itu kita selalu sentiasa menimbangkan perkara² yang penting dan mustahak kepada sa-saorang guru dan kepentingan murid² dan negara kita.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa nama guru² yang di-dalam senarai ini ada-lah terdiri daripada orang² yang mengambil bahagian chergas dalam Parti Buroh; kalau sa-kira-nya sedar, ada-kah Yang Berhormat Menteri akan mengambil apa² tindakan dan jika sa-kira-nya tidak, ada-kah Yang Berhormat Menteri menjalankan penyiasatan kepada mereka itu?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat tahu guru²

ini ada mengambil bahagian chergas parti politik, Parti Buroh. Jika mengambil bahagian politik yang chergas itu memang-lah guru itu mesti minta kebenaran kepada Kementerian saya; jika tidak buat begitu, Kementerian saya akan ambil tindakan yang keras.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Ada-kah Menteri Muda sedar Enche' R. Govindarajoo mula²-nya kena di-tukar ka-Selangor; tetapi selepas Ketua Pegawai Pelajaran, Negeri Pahang, telah menukarkan Enche' John Govindarajoo ka-Sungai Lembing, boleh-kah Menteri Muda menjelaskan pertukaran ini?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan guru yang berkenaan itu di-tukarkan ka-Sungai Lembing untuk membantu Guru Besar, oleh sebab Guru Besar badannya tidak berapa sehat. Jadi, sa-bagai sa-buah sekolah kebangsaan dengan murid yang banyak, kita memang-lah berfikir siapa-kah guru itu yang sesuai di-tukarkan ka-sabuaah sekolah.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri Muda sedar Enche' Samiha mula²-nya kena di-tukarkan ka-Rompin, tetapi pertukaran-nya di-hapuskan (cancelled) dengan syarat beliau keluar daripada NUT ia-itu National Union of Teachers?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pertukaran guru² itu ia-lah hak Ketua Pegawai Pelajaran, Negeri Pahang. Tuan Speaker, di-dalam negeri ini kita ada lebih kurang 70,000 guru². Jadi, saya tidak boleh ingat siapa-kah guru yang mahu tukar dan siapa yang tidak mahu tukar. Jadi itu saya tidak berkuasa.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri Muda Pelajaran sedar, di-surat khabar *Eastern Sun* pada hari ini ada sa-puchok surat yang di-karang oleh "Guru Ulu Tembeling" yang membantah tentang pertukaran guru² di-negeri Pahang?

Tuan Lee Siok Yew: Saya tidak ada masa membaca *Eastern Sun* pagi ini.

PENYIASATAN TERHADAP PELACHORAN

14. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Kebajikan 'Am:

(a) ada-kah dia sedar bahawa pelachoran sudah sampai ka-peringkat hidup subur dalam negeri ini, dan bahawa ia di-selenggarakan oleh sa-buah badan, dan jika sedar, ada-kah Kerajaan akan menimbang menjalankan satu penyiasatan terhadap perkara ini dan menerbitkan satu kertas puteh mengenai-nya.

(b) sama ada Kementerian ini dengan kerjasama daripada Kementerian Kesihatan akan mengambil langkah² menchegeh pelachoran dan menahan pelanggan² pelachoran daripada di-serang oleh berbagai² penyakit terutama-nya penyakit syphilis.

Menteri Kebajikan 'Am (Tuan Haji Abdul Hamid Khan bin Haji Sak-hawat Ali Khan): Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada pertubohan² yang menjalankan pelachoran di-negeri ini. Saya tidak fikir soal itu sudah begitu berat sa-hingga patut di-adakan satu penyiasatan dan mengeluarkan kertas puteh terhadap perkara ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Atas pengakuan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ada-kah Kementerian ini sedia membuat satu langkah bekerjasama dengan Jabatan Ugama di-tiap² negeri bagi mengumpulkan pelachor² ini dengan di-beri nasehat² atau ajaran ugama daripada sa-tengah² Jabatan Ugama daripada mereka ini.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu Jabatan Ugama ada menjalankan penyiasatan, jika ada orang berhaluat dan di-tangkap mereka itu kalau melanggar Undang² Ugama.

KELAB BELIA DI-MALAYSIA

15. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan;

(a) berapa bilangan kelab belia di-Malaysia;

(b) apa-kah bantuan yang di-beri kepada-nya dan apa syarat yang di-kenakan;

(c) berapa bilangan kelab belia bumi-putra dan bukan bumiputra.

Menteri Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bertulis akan di-hantar.

PERUBAHAN HAK MILEK TANAH—ACT PENANAM PADJ (MENGAWAL SEWA DAN MEN- JAMIN PEMEGANGAN), 1967

16. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama ada-kah dia ketahu² bahawa perubahan hak milek tanah yang di-chadangkan tempoh hari tidak sesuai di-laksanakan kepada kaum tani kita di-sebabkan beberapa faktor sosial.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, jika soalan ini bermaksud menyentuhkan Act Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) tahun 1967, maka jawapan-nya ia-lah sunggoh pun Kerajaan mengetahu² atau pun sedar ada-nya kesulitan² akan timbul dalam melaksanakan pentadbiran Undang² tersebut, tetapi Kerajaan tidak-lah sa-pendapat dengan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Undang² itu tidak sesuai dengan keadaan masharakat kita di-sini. Nampak-nya, pendirian Ahli Yang Berhormat itu berlainan daripada pendirian parti-nya sendiri, parti PAS yang dalam bulan Ogos, 1967, telah menyokong Rang Undang² tersebut dalam perbahathan-nya.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Kedua-belas).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan*

JADUAL

Kepala² B. 60-B. 66—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah: Kepala² B. 60 hingga B. 66 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, saya menyambong ucapan saya lagi.

JABATAN PEMEREKSA KAPAL²

Sudah menjadi dasar Kementerian ini sa-lepas Singapura berpisah daripada Malaysia, Kerajaan Malaysia hendak menubuhkan Pejabat Pemeriksa Kapal² berasingan daripada Singapura. Sa-lepas Pemeriksa Besar Kapal² Singapura itu bersara pada 24hb Mei, 1967 maka Kerajaan pun melaksanakan dasar ini dan Pejabat Pemeriksa Kapal² di-Pulau Pinang tidak lagi menerima apa² nasihat daripada Jabatan di-Singapura, tetapi sa-balek-nya pula menjadi satu chawangan kepada Jabatan Laut, Malaysia Barat. Chawangan ini akan di-ketuai oleh Timbalan Pengarah Jabatan Laut (Pemeriksa Kapal²). Semenjak itu chuma-nya ada sa-orang Pemeriksa Kapal² sahaja yang menjalankan tugas² chawangan ini daripada menjalankan kerja² pentadbiran sa-hingga kepada menjalankan tanggung-jawab pemeriksa Kapal² Kerja² yang begitu banyak ada-lah tidak mampu di-buatkan oleh kaki-tangan sekarang ini yang terdiri daripada sa-orang Pemeriksa Kapal², sa-orang Kerani dan sa-orang Pelayan Pejabat.

Segala usaha Kementerian ini hendak mengambil pegawai² dagang chara konterek mengisi jawatan² yang kosong di-dalam Jabatan ini tidak berjaya. Baru² ini Kementerian telah pun meminta pertolongan menerusi Kementerian Luar Negeri daripada Kerajaan India muga² mereka dapat meminjamkan sa-orang Jurutera Laut dan Pemeriksa Kapal² dan sa-orang Akitek Laut untuk menolong Ketua Pegawai Pemeriksa Kapal² yang tunggal bagi menjalankan kerja beliau yang sangat²

berat ini dan juga mengadakan rancangan kemajuan berkenaan jabatan ini untuk keperluan Negara yang sedang maju dan terlibat di-dalam perkara² perkapalan dan keselamatan nyawa dan harta² di-laut. Saya suka-chita mema'alumkan kepada Rumah yang berhormat ini bahawa Kerajaan India telah memberi jawapan bahawa mereka akan chuba meminjamkan Pegawai² itu dari sa-tahun ka-satahun dan akan menghantarkan latar belakang pegawai² itu untuk di-timbangan.

PENGANGKUTAN JALAN

Bilangan Kenderaan di-daftarkan dan hasil² yang di-pungut dalam tahun 1967

Dalam masa 11 bulan dalam tahun 1967, sa-jumlah 48,840 buah kereta² baru telah di-daftarkan berbanding dengan 51,692 buah kereta² yang di-daftarkan dalam tahun 1966. Ini menjadikan jumlah besar kereta² baharu yang telah di-daftarkan sa-hingga 30hb November, 1967 ia-lah 500,842 buah. Hasil² yang telah di-pungut oleh Jabatan Pengangkutan Jalan telah bertambah dengan tetap-nya. Dari bulan Januari hingga November, 1967, sa-jumlah \$123,556,450 telah di-pungut berbanding dengan jumlah \$115,742,863 dalam tahun 1966. Ini ada-lah menunjukkan satu tambahan sa-banyak \$7,813,587 dari hasil² yang telah di-pungut pada masa yang sama dalam tahun 1966.

Kaki-tangan² dan Mesin² Resit

Sungguh pun pekerja² di-pejabat² Pendaftar dan Pemeriksa Kanan Kereta² Motor telah bertambah² banyak tetapi tambahan kaki-tangan²-nya tidak-lah sa-imbang. Oleh yang demikian peruntokan wang sa-banyak \$403,750 yang telah di-luluskan dalam tahun 1966 di-bawah Perbelanjaan Khas (O.C.S.E.) untuk membeli 23 buah mesin Resit (Receipting/Analysis Machines) telah di-bawa lagi ka-dalam tahun ini. Tawaran untuk membekalkan mesin² itu telah pun di-terima dan tempahan akan di-buat dalam sedikit masa lagi. Ada-lah di-jangka mesin² ini akan dapat di-gunakan sa-belum akhir tahun 1968 ini. Dengan ada-nya mesin² ini ada-lah di-harap perkhidmatan² kepada orang 'awam di-Pejabat

Pendaftar dan Pemereksa Kanan Kereta² Motor seluruh-nya akan dapat di-jalankan dengan lebeh baik dan chepat lagi.

Kepala B. 60—*Ibu Pejabat Kementerian dan Bahagian Peranchang dan Penyelidek \$1,929,669*

Tahun ini, Kepala 60 ia-lah peruntokan bagi Ibu Pejabat Kementerian saya dan Bahagian Peranchang dan Penyelidek, Kementerian ini. Peranggaran ini tidak termasuk Pemereksaan Kapal, kerana perkara ini sekarang telah diambil alih oleh Jabatan Laut. Akan tetapi, terdapat tambahan sa-banyak \$73,620 di-dalam pembayaran gaji. Ini ia-lah sebab bertambah-nya kaki-tangan² di-Kementerian ini yang terdiri daripada sa-orang Pegawai Kerja Kira², sa-orang Kerani Tingkatan-khas, 6 orang Kerani Tingkatan-biasa, dan sa-orang Jurutaip. Mereka ini telah ditukar²kan di-antara Jabatan² di-bawah Kementerian ini, sunggoh pun mereka telah mula berkhidmat di-Kementerian ini pada awal 1967. Satu lagi faktor penting yang menerangkan tambahan pembayaran gaji itu ia-lah penubohan Bahagian Penyelidek dan Peranchang yang mempunyai sa-orang Pegawai Penyelidek Kanan, Tingkatan F, 2 orang Pegawai Penyelidek, Tingkatan-biasa, sa-orang Jurutera 'Awam, sa-orang Jurutera Jentera, sa-orang Pegawai Perangkaan, sa-orang Juru-trengkas dan sa-orang Jurutaip.

Di-bawah Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas terdapat kelebihan sa-banyak \$1,431,569 daripada Peranggaran tahun 1967. Ini ada-lah kerana peruntokan² charum² tahunan bagi pertubohan² antarabangsa, yang mana pada masa lepas² di-masukkan ka-dalam peruntokan Jabatan² di-bawah Kementerian ini, tetapi pada kali ini di-masukkan di-dalam Peranggaran Ibu Pejabat Kementerian. Charum sa-banyak \$1,000,000 kepada Pusat Kawalan Terafik Udara wilayah yang akan di-belanjakan pada tahun ini dengan kebenaran Perbendaharaan, ia-lah sebab utama bertambah-nya Peranggaran tahun ini. Tambahan sa-banyak \$19,000 bagi pengangkutan dan perjalanan ia-lah kerana bertambah-

nya kaki-tangan² di-sebabkan penubohan bahagian Penyelidek dan Peranchang.

Kepala B. 61—*Penerbangan 'Awam Malaysia Barat*

Peranggaran Penerbangan 'Awam Malaysia Barat berkaitan dengan gaji, Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas menunjukkan kekurangan berseh sa-banyak \$26,600 daripada Peranggaran tahun 1967. Sebab kekurangan ini ia-lah kerana 5 Pechahan-kepala yang di-masukkan di-bawah Peranggaran Jabatan Penerbangan 'Awam tahun 1967 ini telah di-masukkan ka-dalam Peranggaran Kementerian. Pechahan²-kepala itu ia-lah saperti berikut:

Bantuan Latehan Penerbangan bagi Orang Malaysia.

Charum kepada Lembaga Pendaftaran Udara.

Charum kepada Majlis Penasihat Penyelidekan Udara Commonwealth.

Charum kepada Pertubohan Penerbangan 'Awam Antarabangsa.

Charum kepada Pusat Kawalan Terafik Udara Wilayah.

Gaji bagi tahun 1968 telah bertambah sa-banyak \$54,461 oleh kerana mengadakan jawatan² baharu sa-laras dengan perkembangan² pesat dan keperluan² khas di-dalam lapangan Penerbangan 'Awam, sunggoh pun pertimbangan telah di-beri di-atas ketegangan kedudukan kewangan.

Patut di-terangkan kewajipan² Kawalan Terafik Udara meliputi satu bidang yang luas, ia-itu dari segi menchapai keselamatan keseluruhannya dan perkhidmatannya yang memuaskan yang penting bagi penerbangan hingga-lah ka-segi penyelidekan chara² baharu dan membaiki chara² yang sedang di-perkembangkan oleh Pertubohan Penerbangan 'Awam Antarabangsa, yang mana negara Malaysia ini ada-lah salah sa-buah negeri yang menjadi anggotanya. Oleh itu, 2 lagi Pegawai Kawalan Gred I dan 2 lagi Pegawai Kawalan Gred II ada-lah di-kehendaki.

Pusat Perhubungan memerlukan sa-orang lagi Pembantu Perhubungan,

Tingkatan-Khas dan 2 orang Penolong, Tingkatan-biasa untuk membolehkan lengkungan taliprinter di-awasi dan dijalankan dengan sempurna.

Empat lagi Ahli Bomba Kanan akan di-ambil untuk menolong menjalankan 5 perkakas² pemadam api yang penting di-Lapangan Terbang Antarabangsa, Subang, dan juga untuk mengawasi Ahli² Bomba lain.

Pada masa ini ada 4 Opereter Talipon yang menjalankan satu switchboard. Ini ada-lah mengikut keperluan² yang paling sedikit. Sa-orang lagi opereter ada-lah di-kehendaki untuk menjalankan giliran².

Tambahan sa-orang kaki-tangan terafik ia-lah bagi menolong mengawal Lapangan Terbang Alor Star.

Ada-lah menjadi tanggung-jawab Kerajaan untuk menentukan yang segala yunit² pekerjaan yang penting di-jalankan dengan kaki-tangan² yang cukup bagi menjamin mutu keselamatan yang tinggi.

Di-bawah Pechahan-kepala 5

Peruntukan bagi penyenggaraan alat perkakas dan kereta yang sa-lama ini telah lebih kurang 10 tahun lama-nya, telah bertambah sa-banyak \$5,000. Ini ia-lah kerana kegunaan minyak yang banyak dan juga perbelanjaan membaiki yang tinggi oleh kerana kenderaan² ini selalu di-gunakan oleh sebab bertambah-nya terafik udara. Tambah lagi, kenderaan² ini ada-lah di-hantar ka-workshop Jabatan Kerja Raya di-Cheras, 18 batu jauh-nya di-antara lapangan terbang dan tempat² ini, oleh sebab itu banyak lagi menggunakan minyak.

Bagi mengangkut pekerja² giliran di-antara Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa, Subang, peruntukan sa-banyak \$46,000 bagi pembayaran sewa bas ada-lah di-perlukan di-bawah perkara pengangkutan dan perjalanan (Pechahan-kepala 9).

Satu peruntukan baharu di-bawah Pechahan-kepala 11 sa-banyak \$1,000 bagi penyiasatan kemalangan kapal terbang ada-lah sangat perlu.

Di-bawah Perbelanjaan Khas, satu kereta penyelamat kemalangan yang berharga \$26,000 akan di-beli untuk menggantikan kereta penyelamat kemalangan tentera yang lebih kurang 20 tahun lama-nya yang ada di-gunakan di-lapangan terbang Melaka.

Kepala B. 62—Penerbangan 'Awam dan Perkhidmatan Kajichuacha—Malaysia Timor

Satu perbezaan besar di-dalam Peranggaran Biasa ia-lah potongan hebat apabila di-bandingkan kepada Bekalan yang di-luluskan bagi tahun 1967. Potongan ini telah di-kenakan oleh Perbendaharaan bertentangan dengan nasihat² daripada Jabatan yang berkenaan. Potongan² ini akan mengakibatkan tanggong-nya sa-tengah² perkhidmatan dan penanggoahan kerja² penyenggaraan yang sa-patut-nya tidak boleh di-tanggohkan, melainkan Pechahan²-kepala ini mendapat peruntukan tambahan dalam masa yang sesuai dalam tahun 1968 ini.

Pechahan-kepala 1—Gaji

Tambahan kepada jawatan Pegawai Kawalan Terafik Udara ada-lah di-kehendaki supaya waktu kegunaan lapangan² terbang Kota Kinabalu dan Kuching dapat di-panjangkan untuk memenuhi keperluan² masa dalam jangka masa 1967-1971. Tambah jawatan ini juga dapat membolehkan peninggian mutu perkhidmatan Kawalan Terafik Udara di-satengah² lapangan terbang yang di-gunakan oleh kapal² terbang M.S.A. jenis F. 27. Terdapat juga tambahan 2 jawatan Pegawai Kawalan Terafik Udara Grade II di-dalam pechahan-kepala ini.

Tambahan 3 jawatan Juruletrik ada-lah di-perlukan untuk menjalankan dan penyenggaraan sistem Penerbangan Baharu Lapangan Terbang yang akan di-pasangkan di-Sandakan tahun ini. Satu jawatan Juruletrik tambahan telah di-adakan bagi lapangan Terbang Kuching oleh kerana pemanjangan masa kegunaan yang di-perlukan oleh M.S.A.

Pechahan-kepala 2—Pentadbiran

Potongan sa-banyak \$45,000 ia-itu daripada \$140,000 kepada \$95,000 telah di-kenakan bertentangan juga dengan

nasihat Jabatan² berkenaan dan ini akan mengakibatkan kekurangan kegunaan sistem Penerangan di-Kuching dan Kota Kinabalu. Sa-bahagian besar daripada perbelanjaan di-bawah peruntukan ini ia-lah bagi pembayaran kuasa-letrik. Sekarang pembatasan di atas kegunaan sistem penerangan Lapangan Terbang atau lampu² yang di-gunakan di-lapangan terbang di-waktu gelap, atau malam atau sa-baleknya membatas kegunaan lapangan² terbang itu terutama sa-kali bagi pehak M.S.A. yang akan mengadakan penerbangan di-sabelah malam.

Pechahan-kepala 4—Penyenggaraan Lapangan Terbang

Potongan sa-banyak \$100,000 ia-itu daripada \$850,000 kapada \$750,000 akan mengendalakan kerja² penyenggaraan yang di-jalankan di-lapangan² terbang di-Malaysia Timor dalam tahun 1968.

Pechahan-kepala 6—Penyenggaraan Tempat Radio Sonde/Wind dan Dependend Jabatan Kajichuacha

Ini ada-lah Pechahan-kepala baharu. Pada masa lepas bekalan bagi setesen Radio Sonde/Wind yang di-masokkan di-bawah Pechahan-kepala 7, yang mana telah di-potong peruntukan-nya bagi tahun 1968 sa-banyak \$18,000. Pechahan-kepala baharu ini juga memberi bekalan bagi Pejabat Kajichuacha yang baru yang akan di-dirikan di-Kota Kinabalu di-dalam tahun 1968 untuk menyediakan ramalan² kajichuacha bagi kapal² terbang yang menggunakan kawasan penerbangan wilayah Borneo.

Pechahan-kepala 10

Perkara² di-bawah pechahan-kepala ini telah di-masokkan ka-Peranggaran Kementerian Pengangkutan.

Pechahan-kepala 11—Kereta Pemadam Api

Peruntukan sa-banyak \$130,000 ia-lah untuk menggantikan 2 buah kereta pemadam api.

Pechahan-kepala 15—Membaiki Landasan Kuching

Landasan Penerbangan Kuching ada-lah kerap di-gunakan oleh kapal

terbang tentera sa-masa konfrantasi dan Pengarah Kerja Raya telah menasihatkan supaya landasan ini di-perbaiki.

Kepala B. 63—Perkhidmatan Kaji-chuacha

Peranggaran Biasa bagi tahun 1968 ia-lah sa-banyak \$1,586,662 berbanding kapada peranggaran tahun lalu sa-banyak \$1,663,177. Ini menunjokkan kekurangan sa-banyak \$76,515.

Kekurangan perbelanjaan ini ia-lah di-sebabkan perhentian pembayaran charum kapada Singapura bagi perkhidmatan² kajichuacha yang sekarang ini di-jalankan dengan sendiri, dan juga kerana penukaran satu pechahan-kepala berkaitan dengan Charum kapada Pertubohan Kajichuacha Sa-Dunia kapada peruntukan di-bawah Kementerian Pengangkutan.

Pechahan-kepala 1—Gaji

Bagi tahun 1968 Peranggaran Gaji menunjokkan tambahan sa-banyak \$47,797 daripada peruntukan tahun 1967. Tambahan ini ia-lah kerana kenaikan gaji dan elaun biasa dan juga kerana mengadakan 6 jawatan untuk mengendalikan Pejabat Kajichuacha Dependend di-Kuantan. Jawatan² tambahan itu ada-lah bagi sa-orang Pegawai Kajichuacha, sa-orang Pembantu Kajichuacha (Tingkatan Khas) 3 orang Pembantu Kajichuacha dan sa-orang Opereter Talipon.

Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun

Peranggaran keselurohan-nya menunjokkan pengurangan perbelanjaan sa-banyak \$143,020. Oleh kerana jimatian yang telah di-jangka daripada charum kapada Kerajaan Singapura apabila siaran dan penerimaan Perkhidmatan Kajichuacha berjalan dengan lancar-nya lebeh kurang di-pertengahan tahun 1968.

Perbelanjaan Khas

Tambahan sa-banyak \$18,708 di-bawah Pechahan²-kepala Perbelanjaan Khas ada-lah di-sebabkan oleh chadangan hendak membeli dan mengganti kelengkapan² kajichuacha.

Pechahan-kepala 14 menyediakan bekalan bagi pembelian alat² Kaji-chuacha yang mana telah di-gunakan sa-lama 23 tahun yang lampau hingga terdapat banyak kesilapan². Pechahan-kepala 15 menyediakan bekalan bagi pembelian borang² dan charta² kaji-chuacha yang akan habis di-pakai di-dalam pertengahan tahun 1968. Charta² ini ada-lah di-chetak mengikut jumlah besar oleh Jabatan Ukur sa-kali tiap² tiga, atau lima tahun kerana chara demikian lebeh menjimatkan belanjanya.

Kepala B. 64—Jabatan Laut, Malaysia Barat

Peranggaran Biasa bagi 1968 ia-lah sa-banyak \$2,758,583 berbanding dengan \$2,831,481 dalam tahun 1967. Ini menunjukkan pengurangan sa-banyak \$72,898 dan pengurangan ini dapat diterangkan saperti berikut:

	Kurungan	Tambahan
(A) Gaji	\$ 94,825	—
(B) Lain ² Perbelanjaan, Berulang Tiap ² Tahun	—	\$52,400
(C) Perbelanjaan Khas	30,473	—
Jumlah	\$125,298	
Kurang	52,400	
	<u>\$ 72,898</u>	

Oleh itu, terdapat pengurangan sa-banyak \$72,898.

Sebab pengurangan ini ia-lah kerana gaji Anak² Kapal Korek "Tanjong Gemuroh", "Tanjong Dungun" dan "Gannet" yang pada tahun lalu di-masokkan ka-dalam peruntokan gaji, tetapi pada tahun ini di-masokkan ka-dalam peruntokan Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun. Ini ada-lah kerana perkhidmatan mereka terta'alok di-bawah Undang² Perkapalan Perdagangan. Satu jawatan Pegawai Laut Kanan dan satu jawatan kerani di-Pulau Pinang telah di-mansokhkan.

Sebab-nya bertambah peruntokan di-bawah Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun ia-lah saperti yang diterangkan di-perenggan (2).

Pengurangan perbelanjaan di-bawah perkara Perbelanjaan Khas ia-lah kerana kebanyakan alat² kelengkapan saperti, perahu labohan, mesin rumput, dan lain² telah di-beli di-dalam tahun 1967.

Kepala B. 65—Jabatan Laut, Malaysia Timor—

Jabatan Laut Sarawak—Pechahan-kepala 1—Gaji.

Sa-lain daripada kenaikan gaji dan elaun biasa, tambahan sa-banyak \$52,998 ada-lah di-sebabkan oleh mengadakan 13 jawatan baharu dan juga menghapuskan 6 jawatan lama.

Jabatan Laut Sabah—Pechahan-kepala 1—Gaji

Jawatan² baharu yang berikut telah di-masokkan ka-dalam peranggaran tahun 1967 dan bagitu juga beberapa banyak jawatan yang lama telah pun di-hapuskan.

Terdapat pengurangan sa-banyak \$39,406 di-dalam Peranggaran Jabatan Laut, Sarawak dan di-harap sedikit lagi akan di-jimatkan di-dalam peruntokan tahun 1968.

Peruntokan 1968 bagi Sabah berbedza sa-banyak \$11,615 daripada Peranggaran 1967.

Perbelanjaan Khas—Jabatan Laut—Malaysia Timor

Perbelanjaan ini bagi Jabatan Laut, Sarawak telah di-kurangkan daripada \$27,930 dalam 1967 kepada \$26,500 tahun ini. Pechahan²-kepala baharu (21) dan (24) ada-lah terang dengan sendirinya. Peruntokan² baharu yang lain ia-lah Pechahan-kepala 20—bagi mem-baharui bateri disel untuk menggantikan unit² petrol yang lama di-kapal; Pechahan-kepala 22—bagi pembubaran barang² di-selat²; Pechahan-kepala 23—kelengkapan² yang tersebut ada-lah di-gunakan bagi perhubungan² di-antara kuasa² di-Kuching dan kapal² di-laut, lebeh kurang 23 batu jauh-nya.

Bagi Pejabat Laut Sabah juga terdapat pengurangan sa-banyak \$32,680. Peruntokan yang menarek ia-lah Pechahan-kepala 30 bagi pembelian Alat Penguji Pam Bahanapi Disel yang berharga \$12,000. Perbelanjaan lain² ada-lah bagi penggantian² biasa bagi berbagai² unit di-bawah Jabatan Laut, Sabah.

*Kepala B. 66—Pengangkutan Jalan—
Pechahan-kepala 1—Gaji*

Terdapat tambahan gaji sa-banyak \$85,874 berbanding dengan peranggaran 1967. Ini ia-lah kerana kenaikan gaji tahunan dan juga sedikit tambahan bilangan kaki-tangan². Satu tambahan jawatan Pengawal telah di-tubuhkan oleh kerana makin banyak-nya bilangan pemohon² lesen kenderaan perdagangan dan bertambah-nya kerja² penguatkuasa. Satu lagi jawatan tambahan Pendaftar juga telah di-adakan oleh sebab² yang sa-rupa.

Empat orang lagi Penchari Fail akan di-ambl untuk menolong melekaskan lagi pekerjaan² yang makin bertambah yang di-jalankan oleh kerani² saperti mengisi borang² dan mendaftar lesen² pemandu.

Kerja² di-Jabatan Pengangkutan Jalan telah berlipat ganda dengan pesat-nya di-dalam tempoh beberapa tahun yang lalu, tetapi memandangkan kapada kedudukan ketegangan kewangan, atau kesusahan kewangan Kerajaan, tambahan bilangan kaki-tangan² yang di-buat itu ada-lah yang sa-paling² rendah bagi memerlukan Jabatan ini bagi melaksanakan kerja²-nya dengan tidak ada tergendala oleh kerana kita hendak menyegerakan kehendak² orang ramai terutama sa-kali mereka² yang hendak membayar chukai pada tiap² enam bulan atau tiap² tahun.

Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun

Peruntokan bagi pentadbiran bertambah hanya sa-banyak \$1,383. Ini ia-lah bagi perbelanjaan Perkhidmatan Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kanan Kereta² Motor di-Petaling Jaya. Pechahan-kepala 3—bagi menyenggaraan pejabat dan kawasan bertambah sa-banyak \$9,000. Ini ia-lah kerana untuk pembayaran perkhidmatan 10 orang penjaga pejabat dan 4 orang tukang kebun di-beberapa pejabat di-bawah Jabatan ini seluroh Tanah Melayu. Pejabat baharu Pendaftaran dan Pemeriksa Kanan Kereta² Motor di-Petaling Jaya mempunyai kawasan yang besar dan kawasan ini mesti-lah di-jaga kebersehan-nya, oleh kerana berjiran dengan Pejabat Besar Kerajaan yang

ada di-sabelah-nya. Oleh itu tambahan kaki-tangan ada-lah perlu.

Akhir-nya Pechahan-kepala 4—bagi Lesen dan Patil Kereta Motor atau plate² kereta telah bertambah daripada \$20,000 kapada \$30,000 tahun ini. Dengan penggunaan Mesin² Resip, lesen² yang berchorak baharu yang menunjukkan jenis² kenderaan ada-lah di-perlukan.

Di-dalam Pechahan-kepala 6 terdapat tambahan sa-banyak \$4,000 bagi pengangkutan dan perjalanan. Peruntokan tambahan ini ia-lah untok perbelanjaan perjalanan dan elau hidup bagi sa-orang Pegawai dan sa-orang Pendaftar dan Pemeriksa Kereta² Motor yang telah di-masokkan ka-dalam ranchangan tahun ini baharu bertambah.

Perbelanjaan Khas

Jumlah Perbelanjaan Khas telah berkurang daripada \$424,892 ka-\$6,420 bagi 1968. Peruntokan sa-banyak \$6,420 ia-lah untok pembelian kabinet kad²-daftar, para-para fail, mesin² taip, perkakas dan kelengkapan pejabat, dan almari besi yang mempunyai sekatan² keselamatan. Juga terdapat satu token vote sa-banyak \$10 bagi pembelian Mesin² Resip. Terima kaseh.

*Persidangan di-tempohkan pada
pukul 11.30 pagi.*

*Persidangan di-sambong sa-mula
pada pukul 11.50 pagi.*

*Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-
kuasa Perbekalan.*

*(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa Per-
bekalan)*

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap berkenaan dengan B. 61. Saya telah difahamkan di-lapangan kapal terbang di-Kuala Trengganu kerja² membaiki sudah siap, tetapi sampai sekarang perkhidmatan kapal terbang di-sana belum pun lagi di-sambong sa-mula. Kalau-lah ma'aluman yang saya dapat itu benar, saya berharap sangat kapada

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya memberi perhatian dan menyambong sa-mula perkhidmatan kapal terbang di-negeri itu. Ini sangat-lah mustahak memandangkan yang pada masa sekarang ini banyak kesukaran di-alami oleh ahli² perniagaan dan juga Pegawai² Kerajaan dan juga untuk menjaga nama baik negeri Trengganu yang ada mempunyai penduduk lebih daripada 330,000 orang. Sa-kira-nya kapal terbang sementara ini tidak mencukupi, saya berharap kapal terbang yang datang daripada Kota Bharu itu singgah-lah di-Kuala Trengganu juga di-dalam perjalanan ka-Kuala Lumpur.

Mengenai Sharikat M.S.A. dan pekerja²-nya pada masa ini kita dapati telah menjadi pengetahuan umum ia-itu banyak pekerja² Sharikat M.S.A. itu terdiri daripada warganegara² daripada Singapura dan kurang sangat warganegara dari Malaysia ini. Keadaan yang saperti ini sudah tentu membangkitkan perasaan tidak puas hati di-kalangan ra'ayat di-Malaysia ini oleh kerana mereka mengetahui, ia-itu Kerajaan kita telah pun mengeluarkan wang beratus² million ringgit terhadap sharikat ini. Maka untuk membaiki kedudukan dan untuk mengimbangkan bilangan warganegara² daripada Malaysia dan warganegara² daripada Singapura menjadi pekerja² dan juga mengambil bahagian di-dalam lapangan² lain di-dalam sharikat ini saya menyeru kepada Kerajaan supaya membuat satu programme, atau pun satu scheme jangka pendek dan juga jangka panjang untuk membaiki kedudukan ini, atau pun mendapatkan lebih ramai lagi warganegara² Malaysia bekerja dengan Sharikat M.S.A. ini. Dengan jalan itu tidak-lah kita di-sini beri gambaran kepada ra'ayat jelata yang Sharikat M.S.A. ini di-bolot oleh Kerajaan atau pun orang² di-Singapura, dan juga kita dapat mengelakkan gambaran ia-itu sa-bahagian besar nikmat daripada Sharikat M.S.A. ini di-rasai oleh orang² Singapura dan sa-bahagian kecil sahaja di-rasai oleh penduduk² atau pun warganegara² di-Malaysia ini.

Sekarang saya beralah kepada B. 66—Permit Pengangkutan, atau pun Haulage Permit A dan B. Saya

berpendapat pada masa ini banyak pemohon² daripada orang Melayu untuk mendapatkan Permit A dan B ini. Dan saya juga berpendapat ia-itu perbicharaan untuk permohonan² ini ada-lah di-jalankan dengan terlalu strick atau terlalu ketat. Mithal-nya, pemohon² di-kehendaki mengeluarkan atau mendapatkan ramai saksi² untuk menyokong permohonan² itu.

Tuan Pengerusi, kadang² saksi² ini terpaksa kena datang dari pada Kuala Lumpur, Kuantan, Kelang ka-Kuala Trengganu atau pun ka-Kota Bharu atau pun ka-tempat² lain. Jadi, pada orang² Melayu dan pengusaha² Melayu di-dalam pengangkutan ini tidak mampu hendak membelanjakan wang yang banyak untuk mendapatkan saksi² ini datang ka-tempat yang jauh sabagitu. Dan juga tidak senang kita hendak mendapatkan saksi² ini meninggalkan pekerjaan mereka dan perniagaan mereka berhari² untuk pergi ka-tempat yang jauh menjadi saksi² kepada pemohon² ini yang saya kata tadi terdiri daripada orang² Melayu dan banyak pula saksi² ini kebiasaan-nya terdiri daripada orang² yang bukan Melayu.

Dasar kita ia-lah untuk mendapatkan sa-berapa ramai orang² Melayu menyertai perusahaan pengangkutan ini. Dan yang demikian saya berharap Kerajaan menyelideki perkara ini dan saperti saya katakan tadi tolong-lah supaya perbicharaan² ini tidak sabagitu strick kalau ada pemohon² daripada orang Melayu. Kalau ini di-persetujui saya berharap satu arahan yang tertentu dan dengan tegas di-beri kepada Lembaga² Pelesen yang menjalankan perbicharaan bagi permohonan² haulage permit ini.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan kemalangan jalan raya. Kita dapati maseh banyak lagi berlaku kemalangan² jalan raya yang kebanyakan juga menyebabkan maut dan luka parah kepada mangsa² itu. Apa yang saya berharap dan merayu ia-lah pihak Kerajaan akan meluas dan menambahkan lagi, atau pun dalam bahasa Inggeris-nya step up atau boost up campaign untuk mengelakkan daripada berlaku dengan banyak-nya

kemalangan² di-jalan² raya dan juga saya berseru kepada pehak Kerajaan supaya mengetatkan lagi undang² yang berkenaan supaya dengan jalan itu kita dapat manakutkan sedikit drivers motor vehicle daripada menjalankan kenderaan² mereka dengan lalai atau pun terlampau laju.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):

Tuan Pengerusi, saya minta kebenaran berchakap pendek sahaja di-atas muka 531, B. 60—Kementerian Pengangkutan perbelanjaan sa-banyak \$1,929,669. Tuan Pengerusi, dalam satu tempoh yang sengkat pada pendapat saya hal ehwal pengangkutan berjalan dengan begitu chepat dalam negara kita ini. Satu masa yang sengkat kita dapati deep water wharf di-Pulau Pinang, lapangan terbang kita begitu besar di-Subang dan juga jalan raya yang dapat ra'ayat berjalan dengan baik dan chepat daripada satu tempat ka-satu tempat. Umpama-nya, sa-belum perang dahulu kalau kita datang dari Ipoh hendak ka-Ibu Kota ini memakan masa sampai lima atau enam jam, sekarang dua jam dari Ipoh kita boleh sampai. Segala ini kebolehan dan kebaikan ini, saya rasa ra'ayat sakalian tentu bersetuju dengan saya menguchapkan ribuan terima kaseh dan tahniah kepada Menteri yang berkenaan.

Dasar Kerajaan Perikatan, Tuan Pengerusi, ia-lah mendatangkan khas-nya oleh Kementerian ini, satu perbedzaan besar bagi orang² yang memegang perniagaan hal ehwal kenderaan. Dalam jurusan ini, Tuan Pengerusi, saya sa-orang anggota sukarela bagi Sharikat Bumi Rel menguchapkan ribuan terima kaseh dan tahniah kepada Menteri yang berkenaan, kerana dengan usaha dan tenaga beliau khas-nya dan juga kepada Pesuruhaja-nya daripada satu masa ka-satu masa memanggil wakil² daripada Sharikat Bumi Rel ini menasihati dan dengan itu satu kampeni yang berhasrat ra'ayat membena ka-araf yang baik dan terator berchampur dengan pehak keretapi telah terlaksana. Ada satu Kementerian mengatakan mereka suka sangat membantu bumiputra dalam lapangan perekonomian, kerana perbedzaan ekonomi yang besar akan menjadi satu masaalah yang besar

kapada Kerajaan kita pada hari yang akan datang, tetapi chakap sahaja tidak boleh jadi, Tuan Pengerusi. Katakan umpama-nya hendak bawa keluar impot dan eksport pisang, rotan, di-beri kepada bumiputra. Ini chakap sahaja tidak boleh jadi, berbeza sangat dengan jalan² yang di-jalankan oleh Kementerian Pengangkutan; chakap dan di-jalankan. Ini-lah perkara² yang ra'ayat sakalian sanjong tinggi.

Di-jalan raya kita pada hari ini, Tuan Pengerusi, kita tengok lori² berjalan di-atas-nya ada colour merah dan di-bawah puteh, dan ini menjadi lambang, khas-nya kebesaran bagi bumiputra. Saya harap perkara ini Menteri Pengangkutan tidak sunyi dan tidak segan memberi nasihat yang tidak berputusan² kepada kampeni ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan tadi telah menyatakan orang bumiputra payah mendapat lesen², tetapi dalam Sharikat Bumi Rel ini memang ada banyak lagi saham² untuk bumiputra, datang-lah senang sahaja kita dapat memberi kepada seluroh bumiputra dalam Malaysia ini termasuk Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, ra'ayat maseh lagi tidak berapa begitu senang hati memikirkan dengan naik-nya harga lesen teksi begitu tinggi. Dengan pendek-nya, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyatakan dua kumpulan besar hal ehwal teksi ini. Saya harap Menteri yang berkenaan bedzakan ia-itu *taxi cab* dan *hire car*. *Taxi cab* mendapat untong yang besar sedikit daripada *hire car*. Jadi tidak patut sangat kalau sa-kira-nya pehak Kementerian, saya rasa Menteri tidak ada mengambil bahagian yang besar berkenaan dengan naik lesen teksi ini, tetapi saya harap Menteri yang berkenaan berunding dengan pehak Menteri Kewangan supaya lesen² ini di-kurangkan kepada *hire car*. Saya tidak menafikan lesen itu patut di-naikkan, tetapi saya harap Menteri berpakat dengan pehak Kementerian Kewangan supaya lesen bagi *hire car* itu di-kurangkan sedikit daripada *taxi cab* memandangkan keuntungan yang di-dapati oleh *taxi cab* itu berlebehan², Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan ratio kenderaan² yang ada dalam negeri kita pada hari ini. Saya kira dengan kasar sahaja ia-itu belum perang dahulu kita mempunyai lebih kurang 200 motokar bagi satu orang penduduk, jadi pada hari ini kita ada 13 motokar bagi seorang penduduk. Itu-lah ratio-nya dan ini menunjukkan kejayaan yang besar di-dapati oleh Kementerian Pengangkutan. Saya sa-kali lagi menguchapkan tahniah kepada Kementerian ini.

Satu perkara yang sangat susah pada pengundi saya di-Larut Utara, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan pemeriksa motokar. Umpama-nya di-Selama ada mempunyai 200-300 motokar. Jadi terpaksa orang² yang datang routine examination ini bawa motokar, lori, teksi, *van* dan sa-bagai-nya datang ka-Taiping. Sekarang ini kita mesti menolong orang² yang susah. Jadi, di-sini, Tuan Pengerusi, kita mempunyai pada muka 556, B. 66 Butiran (13) ada Pegawai² Tingkatan-khas perbelanjaan sa-banyak \$11,468, Tingkatan-biasa sa-banyak \$143,160.

Di-negeri Perak, Tuan Pengerusi, pemeriksa motokar, lori, *van* dan di-antara-nya *routine examination* di-jalankan di-tempat² sahaja, umpama-nya di-Taiping, di-Ipoh, di-Sitiawan, di-Tapah dan di-Tanjong Malim dan tempat² lain terpaksa; macham Selama itu terpaksa motokar semua-nya datang ka-Taiping. Mengapa tidak pegawai yang bagini banyak dari Ipoh boleh datang ka-Taiping, mengapa tidak terus ka-Selama buat satu jadual di-adakan dari satu masa ka-satu masa pemeriksa itu di-buat pada tempat² itu? Saya rasa, pandangan saya ini di-ambil perhatian oleh pihak Menteri dan minta pegawai² itu membuat jadual dan datang ka-tempat masing² supaya dari satu masa ka-satu masa kereta², lori² dan *van*² itu dapat di-periksa dengan mudah-nya dan menyenangkan tuan punya kereta² itu.

Tuan Pengerusi, muka 533, Pechahan-kepala 17—Seranta Majlis Keselamatan Jalan Raya. Saya nampak peruntokan-nya pada tahun dahulu pun perbelanjaan sa-banyak \$21,000 tahun ini pun \$21,000 juga. Saya ber-

setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan tadi mengatakan kemalangan² jalan raya ini sangat dahshat, kalau kita perhatikan pada ketika-nya lebih banyak orang mati di-langgar motokar daripada peperangan yang ada pada masa ini di-Vietnam, sampai bagitu terok, dan susah kapada negeri. Jadi seranta sa-banyak \$21,000 ini saya rasa tidak mempunyai kesan. Saya harap chara² baharu mesti-lah di-jalankan dan saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan tadi menyatakan hukuman kapada orang memandu motokar sa-chara chuai itu patut-lah di-perhatikan sa-mula. Umpama-nya satu kemalangan jalan raya mengakibatkan tiga jiwa terkorban di-pekan Malim Nawar, Tuan Pengerusi. Dalam perbicharaan akhir pemandu lori ini di-hukum jail tiga tahun dan lesen-nya di-potong sa-lama sa-tahun. Ini membunuh tiga manusia hukuman *jail*-nya tiga tahun dan kadang² saya tengok enam bulan. Oleh sebab itu, saya shorkan di-sini, Tuan Pengerusi, supaya Undang² ini di-kaji sa-mula. Kita tengok macham di-Siam, kena sahaja kemalangan, langgar sahaja orang, terus masuk jail belum ada di-bichara, di-simpan di-sana enam bulan. Saya ada dengar di-negeri Arab lagi dahshat, siapa langgar orang, dia terus masuk jail dan famili orang kena langgar itu dia kena tanggong, kalau mati, bertahun² lama-nya. Kita tidak mahu sampai bagitu, tetapi saya fikir dalam negara kita ini Undang² berkenaan dengan jalan raya sangat² sudah lama dan patut di-kaji sa-mula mengikut keadaan peredaran masa.

Di-bawah Kepala yang sama, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan di-Ibu Kota ini atau pun di-pekan² yang ramai. Saya tengok macham Jalan Tuanku Abdul Rahman ini, Pegawai Lalu-lintas telah pun menegah sa-tengah² daripada sa-tengah Jalan Tuanku Abdul Rahman itu tidak di-benarkan orang naik basikal, ini baik. Kerana kebanyakan kemalangan jalan raya ini, Tuan Pengerusi, ada kait-mengait-nya dengan orang yang naik basikal tidak mengikut atoran dan peratoran. Dia memotong macham

kilat depan² motokar jadi mendaratkan kemalangan. Saya harap macham di-Ibu Kota orang² yang naik basikal sa-tengah daripada sa-tengah jalan-nya dalam Ibu Kota dan pekan yang besar² macham Ipoh sa-tengah daripada jalan-nya patut di-hadkan. Jadi patut-lah kita beri penerangan, seranta terangkan perkara² ini tentang tidak baik-nya naik basikal di-satengah² jalan itu. Dan kereta lembu juga masa-nya kita bukan simpan kereta lembu lagi di-Ibu Kota; saya rasa macham Ahli Yang Berhormat dari Port Dickson dia pun tidak mahu kereta lembu, dia ada 200 buah lori, bas, teksi dan sa-bagai-nya, dia tidak mahu kereta lembu; jadi masa sudah bertukar, sudah berubah; kita tidak usah-lah lagi pakai kereta lembu, di-benarkan kereta lembu di-pekan yang besar². Jadi ini pada pemi-kiran saya, Tuan Pengerusi, kadang² mendaratkan bahaya kapada lalu-lintas.

Satu perkara berkenaan dengan lalu-lintas bagi budak² sekolah, Tuan Pengerusi, saya tengok ada pegawai² yang membantu budak² melintas jalan raya berhampiran dengan sekolah², pakai uniform putih. Saya shorkan lebeh molek kerana pegawai ini dudok satu tempat yang begitu merbahaya, dia pakai *robe* merah; sekarang putih di-tukar merah. Jadi ada-lah nampak kapada lalu-lintas lebeh terang daripada warna putih.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan seranta juga, saya suka mengeshorkan macham motokar² yang telah rosak di-jalan raya mesti-lah pakai lampu malam, kalau boleh lampu yang padam dan chelek supaya menarek perhatian lalu-lintas. Banyak saya tengok kemalangan oleh sebab motokar itu di-tinggal begitu sahaja tidak ada lampu, waktu malam hari gelap gelita, maka orang datang dari hadapan atau terutama sa-kali dari belakang melanggar motokar itu, dan lebeh baik saya fikir kalau sa-kira-nya ada lampu—yang lebeh² baik lagi kalau ada lampu pejam dan chelek—automatic light. Sekian uchapan saya, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Ong Kee Hui (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I just want to make

a few observations on Head B. 62. In the Estimates this year, under Head B. 62, Sub-head 15, I see that provision has been made for a sum of \$100,000 for the resurfacing of the runway of the Kuching Airport. Sir, this is a welcome provision, but I wish to draw the attention of the Minister to the fact that, perhaps, the Kuching runway is getting a little bit too short now for some of the bigger aircraft which are landing there. I believe that recently there were at least two occasions on which the Comet on arrival at the Airport landed a little bit too far in and nearly came to a stop just before the other end of the runway giving rise to a lot of concern to a lot of people, who were present at that time to receive arrivals. I wonder, Sir, whether the Minister considers that, from a safety point of view, the runway of the Kuching Airport should not be enlarged. According to my information, the runway is all right if the Comet can land right at the end of the runway, but if it happens to land at a little bit far in, then it has to brake rather quickly and on a rainy day it could skid off the runway and, therefore, could endanger lives. I wonder whether the Minister would go into this with his technical advisers and consider whether from a safety point of view something ought not to be done to increase the safety factor.

The other point which I wish to make is that although the recent extension to the terminal building has eased off the congestion a bit, in my view the time has come for the Ministry to consider whether or not, in the light of the heavy traffic at the Kuching Airport, something ought not to be done to provide, if not in this Development Plan at least in the next Development Plan, for a new terminal building altogether.

Finally, Sir, there is one other point which I wish to make, and that is, with regard to the air service now between Kuching and Jesselton and Sandakan. It is very difficult now for any one from Jesselton, or *vice versa* from Kuching, to get on the *Fokker Friendship* flight to Jesselton and from Jesselton to

Kuching. This is due to the size of the plane and the fact that that particular flight—I think it is 493 and 494—stops at every important airport on the way up and down, and it is very hard if one is up country to make a booking back to Kuching or *vice versa* back to Jesselton. Sir, I wonder whether the Minister would go into this with the M.S.A. and see whether some improvement could not be made to this very important sector of the domestic service. Sir, with the improvement caused by the construction of an entirely new airfield at Lutong, I think traffic will begin to increase and it will be very necessary for something to be done to improve this sector of the domestic service.

Sir, on the other Heads, I have nothing to contribute to the debate. I hope that the points which I raised will receive the attention of the Honourable Minister.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit sahaja di-dalam perbahathan ini ia-itu berkenaan dengan Bahagian Penyelidik dan Peranchang. Saya belum faham apa-kah tujuan mengadakan Bahagian Penyelidik dan Peranchang, tetapi kalau Bahagian ini bersangkutan dengan perusahaan² yang ada di-bawah Kementerian ini, saya ingat banyaklah perkara² yang patut di-selideki oleh Bahagian ini. Umpama-nya di-dalam perjalanan Keretapi Tanah Melayu.

Di-dalam tahun 1964 saya telah bertanya di-dalam Rumah ini juga dan telah berchakap bahawa sunggoh pun kita di-dalam zaman moden yang mana chara² transport telah pun di-perbaiki di-seluruh dunia, di-Tanah Melayu ini belum lagi ada express train. Apa yang kita ada ia-lah yang di-namakan mail train, ia-itu keretapi yang membawa mail. Saya telah meminta supaya di-adakan di-dalam negara kita ini yang telah moden, yang maju, yang kaya, yang semua-nya, ada-lah satu express train, ia-itu keretapi yang berjalan deras dengan kerana penumpang² yang hendak pergi daripada satu tempat ka-satu tempat yang lain dengan masa yang pendek. Jadi keretapi yang kita

ada sekarang yang bernamakan mail train itu berhenti hampir di-tiap² steshen sa-hingga perjalanan-nya yang sa-jauh chuma 250 batu mengambil masa hampir² 10 jam, ia-itu berma'ana berjalan sa-deras 25 batu sa-jam. Kalau kita bandingkan dengan keretapi yang berjalan daripada Osaka dengan Tokyo yang berjalan dengan chepat-nya sa-deras 130 batu sa-jam nampak-lah kemundoran chara² pengangkutan di-dalam negeri ini.

Juga di-dalam keretapi² ini saya selalu menjadi penumpang di-dalam-nya, saya dapati bahawa banyak daripada alat² yang ada semua-nya tidak berjalan dengan betul. Ada kala-nya pintu² kalau hendak di-buka, susah—terlekat; kalau hendak di-tutup, tidak boleh di-tutup, tengah² malam kadang² terbuka dengan sendiri. Apa pula chermin²-nya retak dan sa-bagai-nya. Jadi kalau-lah Bahagian ini dapat menyelideki, maka dapat-lah kita ada satu perkhidmatan yang lebih sempurna lagi.

Satu lagi perkara yang saya telah bawa dalam Rumah yang bahagia ini juga ia-lah bersangkutan dengan teksi² yang datang ka-steshen² keretapi di-sebelah pagi apabila keretapi mail daripada utara masuk ka-Kuala Lumpur. Saya telah minta supaya teksi² ini berator dan mengambil penumpang dengan tidak memilih siapa yang penumpang yang boleh penumpang di-dalam teksi itu. Tetapi malang-nya sa-hingga sekarang perkara yang kecil yang sa-macham ini pun tidak dapat di-lakukan oleh Pentadbiran Keretapi ini. Ini ia-lah satu perkara yang biasa di-mana² negeri sa-kali pun. Tidak ada satu negeri yang mana kalau kita hendak naik teksi mesti-lah kita di-beli oleh pemandu² teksi itu. Mereka bertanya sa-jauh mana-kah tuan hendak pergi, kadang² tidak "Tuan", "Enche" pun tidak—"Lu mahu pergi mana?" Itu sahaja yang di-tanya, Kalau nampak-nya kurang daripada sa-batu tidak di-jawab apa pun, chuma dia pergi tanya orang lain sahaja, jadi tidak ingin langsung kepada orang yang berjalan kurang daripada sa-batu ini. Kalau-lah kita ada satu chara yang mana teksi² ini berator dengan sempurna dan orang² yang hendak

menumpang juga berator dengan sempurna dan teksi² tidak di-benarkan memilih siapa akan menjadi penumpang-nya, maka chara yang macham ini lebeh menasabah dengan satu negara yang kita agong²kan sa-bagai moden, progressive dan sa-bagai-nya. Saya minta-lah kapada Menteri Yang Berhormat yang telah memberikan pengakuan ini dua tahun dahulu kapada saya, menjalankan supaya perkara ini sempurna sadikit, bukan sahaja untok saya yang selalu datang ka-Kuala Lumpur, tetapi juga kapada tourist² yang datang ka-negara ini.

Sa-lain daripada itu saya ingin berchakap sadikit berkenaan dengan Penerbangan 'Awam. Saya perchaya bahawa Kementerian ini juga ada berkuasa sadikit sa-banyak di-dalam menjalankan Sharikat Penerbangan yang ada di-dalam negara kita. Apa yang saya dapati baharu² ini ia-lah chara² sharikat ini nampak-nya berpandu kapada warna kulit penumpang². Kalau nampak-nya orang puteh, dia lebeh sadikit layan daripada orang yang samacham saya ini yang warna kulit-nya coklat.

Baharu² ini saya naik kapal terbang daripada Alor Star ka-Kuala Lumpur dan terpaksa berhenti di-Pulau Pinang sa-lama 20 minit dan saya telah turun daripada kapal terbang menunggu kapal terbang itu naik ka-udara samula. Di-masa penumpang² di-arah² pergi ka-kapal terbang dua orang puteh dengan anak-nya di-suroh pergi dahulu, saya di-suroh tunggu. Ini barangkali dengan kerana dia berjalan dengan famili-nya. Tetapi saya juga biasa berjalan dengan kapal terbang ini dengan famili saya, tetapi saya tidak di-beri keutamaan sa-macham ini. Adakah ini ada *colour bar* di-dalam negeri ini yang boleh di-katakan *colour bar in reverse*? Jadi kalau macham itu, saya minta-lah hendak chari jalan supaya saya di-putehkan sadikit lagi dan bolehlah saya dapat keutamaan di-dalam sharikat ini. Saya harap perkara² yang sa-macham ini dapat di-ambil perhatian oleh Menteri Yang Berhormat.

Lagi satu perkara yang saya ingin berchakap ia-lah pada muka 556, ia itu berkenaan dengan Enforcement

Officers and Pendaftar dan Pemereksa Kereta Motor. Saya perchaya Yang Berhormat Menteri telah membuat satu chara yang mana pemandu² lori tidak di-jalankan lori²-nya dengan bagitu chepat. Kita sekarang ini ada speed limit di-tulis di-belakang lori² itu, tetapi nampak-nya usaha yang di-jalankan oleh Menteri yang dahulu ini telah gagal dengan kerana sekarang ini kita dapati bahawa lori² yang mana speed limit-nya sa-banyak 35 batu sa-jam boleh berjalan sa-hingga 70 batu sa-jam dengan tidak ada siapa pun yang mengganggu perjalanan mereka. Saya berharap-lah supaya Menteri Yang Berhormat mengambil perhatian berkenaan dengan perkara ini, kerana ini bersangkutan dengan kemalangan yang selalu terjadi di-atas jalan² raya. Setakat itu sahaja-lah, terima kaseh.

Tuan Chia Chin Shin (Sarawak):
Mr Chairman, Sir, I would like to support the estimates and speak on Head B. 60, Sub-head 17, page 533, Publicity for Road Safety Council. As two other Honourable Members have spoken before me, I do not wish to elaborate on this point. However, I would like to congratulate the Minister of Transport for the Road Safety Campaign carried out last year in educating the public on the care of using public roads and the prevention of motor car accidents. This has been a success, and I think this spirit should be kept up by making this a yearly matter. In this connection, I feel that there is yet room for improvement and we should go further into the matter. From time to time, Sir, we have read in the newspapers of road accidents happening repeatedly one after another on the same spot. I would suggest that a committee in each district be formed to study the reasons for the recurrence and to see if there are ways and means of improving the conditions of the roads and the flow of traffic in order to prevent such recurrences. Any money spent in this respect will certainly receive the full support of the public in view of the number of lives saved through this expenditure.

Mr Chairman, Sir, another point I would like to touch on is Sub-head 16, on the same page, on the Subsidy

of Ulu Air Services, in respect of which there is a provision of \$250,000. In Sarawak there are several ulu districts, where there is no other means of communication, or otherwise the time taken to reach one's destination is too long. The airfields in these districts are still far from satisfactory. I would like to draw the attention of the Minister of Transport to this and would request him to consider improving the conditions of these ulu airfields, so that traffic to these areas will eventually step up. Time and again we have heard of people being prevented there, because the airfields are closed for traffic. However, Sir, when conditions are improved there will be more people going to these places. Thank you.

Tuan Tan Toh Hong (Bukit Bintang) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head B. 66, Sub-head 1, Item (7) \$150,504 for the Enforcement Officers of the Road Transport Department, and feel very strongly that they should concentrate their effort in ensuring better and safer bus services for the tax-payers in Kuala Lumpur and in Petaling Jaya. Sir, a great number of people have complained about the dangerous and reckless driving of some bus drivers. Quite often some bus drivers tear around sharp corners, without slackening their speed, and in many instances, instead of slowing down to prepare for the change of traffic lights at busy road junctions, the drivers accelerate their speed to beat the traffic lights. This is certainly not conducive to road safety and is a danger not only to the bus users but also to other road users.

In addition, Sir, quite frequently some bus drivers start moving off their buses without waiting and ensuring that passengers have alighted or have embarked on the buses properly. This is especially dangerous to the young and old people, who use buses daily for their transport, such as school children with their comparatively heavy school bags, and old ladies and house-wives with their shopping baskets loaded with vegetables, food and other household goods. It is almost a daily occurrence that somewhere in Kuala

Lumpur or Petaling Jaya, some of these unfortunate bus users have fallen off the buses because of the inconsiderate and reckless could-not-care-less attitude of some bus drivers for the safety of their bus passengers.

The other common complaint is that of poor and rude service. Some bus conductors have been known to use very crude and rude words against passengers. Also, there are many instances of bus drivers refusing to stop at the right stop even when given sufficient signal time by the passengers, or, alternatively some of them refuse to stop to pick up passengers.

Sir, the grievances I just mentioned are common and frequent occurrences. If only the Honourable Minister of Transport could find time to travel by buses incognito, he could see for himself the extent of reckless and dangerous driving and rude and poor service.

Lest it be misunderstood, I would also add that there are also some very good drivers and very considerate conductors. However, the bad ones are creating a very bad image which overwhelms the excellent services given by the good drivers and conductors. The Road Transport Department should investigate into this and punish or even cause the dismissal of the bad ones. In addition, the Ministry should insist that bus companies install automatic doors on buses as suggested by the Selangor Traffic Police Chief, or, alternatively, insist on an extra conductor to guard the door to ensure the safety of bus users, especially the young and the old.

In conclusion, Sir, there is an urgent need to provide more and frequent bus services, especially during peak hours and rainy days, as well as a proper central bus terminal in Kuala Lumpur which is absolutely essential for a growing capital of 500,000 people. I hope the Road Transport Department could cause these urgent needs to be fulfilled. Thank you.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya menyokong atas Perbekalan Kementerian

ini dan saya suka berchakap dalam Kepala Bekalan 66, muka 556, Butiran (12)—Penguji Derebar Sementara. Saya rasa patut juga Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian berat di atas penguji² derebar yang terutama sa-kali di-pekan² besar saperti Kuala Lumpur ini, kerana kebanyakan penguji² derebar ini temu-duga bakal² derebar biasa-nya dalam bahasa Inggeris dan kalau boleh pehak Kementerian memberi satu arahan supaya menggunakan Bahasa Kebangsaan, kerana saya rasa Bahasa Kebangsaan ini mudah sahaja, mithal-nya, turn right boleh dikatakan pusing kanan, kenapa terpaksa kena gunakan bahasa Inggeris. Jadi, patut-lah chara temu-duga di-gunakan dalam Bahasa Kebangsaan supaya dapat kegiatan dan mempercepatkan perkembangan Bahasa Kebangsaan kepada seluroh ra'ayat.

Yang kedua, muka 558, Pechahan-kepala 4—Lesen dan Patil Kereta Motor yang di-untokan sa-banyak \$30,000. Saya rasa suka juga beri pandangan di atas perkara ini, kerana saya dapati banyak lesen² yang di-keluarkan saperti lesen² pemandu di-keluarkan kebanyakan-nya kepada yang bukan warganegara yang berkad merah—Kad Pengenal Merah. Saya rasa patut juga kita menyekat supaya lesen² derebar ini di-beri kepada warga-negara sahaja. Juga satu perkara yang mendukachitakan saya ia-itu ada lesen² derebar di-beri kepada pelawat² yang datang ka-negeri kita untuk sementara waktu. Jadi, ini ada-lah satu perkara yang boleh menyempit dan menyusahkan penduduk² yang hidup mereka dengan chara memandu kereta. Jika sa-kira-nya kita sekat pengeluaran lesen² ini kepada pelawat² itu, maka mereka terpaksa menggunakan derebar² tempatan yang boleh meng-untongkan pehak ra'ayat² kita.

Yang kedua berthabit dengan lesen² untuk driving school instructor. Ini pun patut di-ketatkan atau pun di-sekat lesen² ini, kerana saya dapati banyak di-antara sekolah² derebar ini menyalahgunakan kuasa²-nya yang boleh merosakkan pelajaran bakal² derebar², kerana sa-tengah instructor itu latar belakang-nya tidak baik dan patut-lah sa-belum di-luluskan lesen² pada

sekolah derebar ini dan instructor² ini di-screen oleh pehak Polis terlebih dahulu. Dan satu surat kuasa atau pun surat credential di-beri kepada instructor² itu, sebab saya dapati banyak instructor² di-tukar ganti, kerja mereka dengan derebar² muda yang tidak ber-pengalaman dan yang tidak tahu tata-tertib jalan raya, yang juga berasal daripada gulungan budak² yang liar, yang tidak mempunyai akhlak yang baik. Ini boleh merosakkan dan boleh menambah kemalangan jalan raya.

Pada akhir²-nya, patut juga Kementerian ini di-beri ingat atas pengeluaran lesen² saperti lesen teksis, lesen kereta sewa, lesen haulage permit di-beri kepada warganegara sahaja. Saya suka juga menarek perhatian ia-itu saya dapati lesen² derebar yang mati boleh di-baharui sa-mula sa-hingga tempoh lima tahun, tetapi saya harap dapat di-singkatkan masa pembaruan lesen² itu kepada dua atau tiga tahun sahaja. Sa-lepas dari masa itu maka terpaksa kena di uji sa-mula, yang mana kita akan menambah hasil dalam bahagian ini sambil mengelakkan daripada banyak berlaku kemalangan jalan raya, kerana ada ujian tertentu dalam tempoh yang singkat.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian sedikit sahaja. Saya hendak menyen- toh tanggung-jawab Menteri Pengang- kutan ini dengan Jabatan Keretapi.

Tuan Pengerusi, sekarang ini dengan sa-chara agak mengejutkan juga ter- lahir-lah keterangan bahawa pekerja² dalam keretapi 1/6 daripada-nya atau 2,000 daripada 12,000 pekerja² itu bukan daripada warganegara. Dan saya rasa barangkali ada banyak lagi dalam Jabatan² lain yang kedudukan pekerja² bukan warganegara ada di-ambil men- jadi pekerja. Dalam keadaan kita sekarang ini, Tuan Pengerusi, saya merasai satu perkara yang sangat besar yang harus di-timbangkan dengan sunggoh² dan dengan chepat, kerana saya rasa 2,000 orang bukan warga- negara ini di-dalam keretapi sunggoh pun telah bekerja lama, tetapi telah merampas rezeki 2,000 orang warga- negara kita, dan pada masa sekarang

ini dan pada tahun yang lepas sahaja jumlah penganggoran di-negara kita ini bertambah sa-banyak 5% pada tiap² tahun. Tentera² penganggor ini, ra'ayat² yang menganggor ini, bertambah² dan pehak Kerajaan kita, Tuan Pengerusi, telah menjalankan berbagai² ranchangan, berbagai² chara untuk hendak mengambil dan mengurangkan penganggoran ini, memberi pekerjaan kepada warganegara. Saya rasa untuk hendak chari pekerjaan kepada 2,000 orang warganegara yang telah di-rampas pekerjaan-nya oleh orang yang bukan warganegara di-keretapi itu, Kerajaan harus membuka empat ranchangan F.L.D.A. satu ranchangan F.L.D.A. boleh di-beri kepada 500 famili, empat ranchangan baharu chukup untuk 2,000 famili. Saya kira² dua melion ringgit perbelanjaan untuk satu ranchangan F.L.D.A. yang besar-nya 5,000 ekar. Kerajaan harus belanja lapan melion ringgit untuk menchari pekerjaan bagi 2,000 orang warganegara yang patut-nya mengambil tempat pekerjaan 2,000 orang pekerja² yang bukan warganegara yang ada dalam Jabatan Keretapi itu, dan kerana ini makin bertambah berat dari sa-tahun ka-satahun. Saya harap bahawa pehak Kementerian Pengangkutan akan mengadakan perundingan dengan Kementerian Buroh dengan segera bagi mengadakan suatu peratoran dan undang² baharu supaya di-beri permit kerja kepada orang² yang bukan warganegara. Jikalau mereka ini hanya buroh kasar, dan menurut penerangan Menteri Pengangkutan memang mereka ini kebanyakan-nya 95% daripada-nya buroh kasar, maka tidak perlu kita ambil orang yang bukan warganegara. Maseh banyak mulut² yang lapar dan maseh banyak tangan² yang terhulur daripada warganegara sendiri yang harus mengambil tempat pekerjaan dalam Jabatan Keretapi dan dalam Jabatan² lain di-bawah Kerajaan yang di-penohi oleh orang yang bukan warganegara.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, di-Singapura pilehanraya² sa-chara mengejut telah di-adakan dan chara luar biasa sa-kali Kerajaan lama juga telah menang dengan chara walkover dan suatu pula masalah yang akan di-timbulkan oleh Kerajaan baharu di-

Singapura sekarang akan mengetatkan soal pass kerja ini dan daripada sini sa-kurang²-nya 60,000 orang warga-negara Malaysia yang akan di-halau balek ka-Malaysia yang akan menchari kerja balek di-negara kita ini. Kementerian Pengangkutan maseh juga berkata kasehankan 2,000 orang pekerja yang bukan warganegara ini di-keretapi, kerana mereka sudah bekerja lama, tidak-kah lebih kasehan kepada warganegara kita sendiri yang bertambah² orang yang menganggor pada tiap² tahun? Kadang² kita ini, Tuan Pengerusi, saya kira sa-rupa sa-bagai menyiapkan sa-buah kapal, siapkan dengan enjen yang baik dengan persiapan yang lengkap, tetapi kita tidak pergi tampong tempat bochor di-bawah yang tiap² masa masok ayer yang lama² karam sahaja kapal kita itu. Walau pun kita tahu enjen yang kekuatan kuasa kuda-nya 1,000 atau 2,000 kekuatan kuasa kuda, atau dengan perhiasan dan kelengkapan yang chukup dalam kapal itu sendiri, harus di-tutup segala lubang² yang bochor ini. Ini-lah akan merosakkan kapal ini walau bagaimana elok-nya kita menghiaskan kapal ini, walau bagaimana kuat pun kita memberi enjen dan motor untuk menjalankan kapal ini, maka saya merasa perkara ini satu perkara yang sangat² serious. Dan mujur-lah perkara ini kita dapat tahu, dapat di-beritahu oleh ra'ayat pada masa ini, dan saya rasa bahawa tidak boleh kita melambat²kan menimbangkan perkara menggantikan warganegara di-tempat² kerja dan peluang² kerja yang sekarang ini di-pegang oleh orang yang bukan warganegara, kerana saya rasa perkara² yang besar sekarang ini ia-lah soal penganggoran dan soal menchari kerja kepada warganegara kita sendiri. Pada masa ini, Tuan Pengerusi, suatu perkara yang kita banggakan ia-lah kemajuan pelajaran kita dan pada tiap² tahun sekarang makin ramai anak² yang keluar daripada bangku sekolah dimana mereka akan menchari pekerjaan, jikalau kita sendiri dan Kementerian kita sendiri tidak mahu mengadakan peratoran supaya warganegara dapat menggantikan tempat² yang sekarang ini yang di-rampas oleh orang² yang

bukan warganegara. Tidak ada kasehan belas dan soal lama atau tidak lama. Kasehan belas kepada anak kita sendiri.

Jangan, Tuan Pengerusi, kita buat sa-bagai kata pepatah Melayu: "Kera di-hutan di-susui, anak di-pangkuan kelaparan". Perkara ini kita harus menimbangkan dengan sunggoh² dan saya harap bagi pihak Menteri Yang Berhormat yang sentiasa rapat dan berdamping dengan ra'ayat yang tahu masaalah ra'ayat akan sunggoh² menimbangkan perkara ini dan boleh mengadakan satu peratoran yang dapat menutup lubang yang terbuka ini supaya tidak terbuka sa-lama²-nya dan mengaramkan kapal kita.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh kerana Tuan Pengerusi beri peluang kepada saya untuk berchakap.

Saya ingin berchakap di-atas muka 533, Pechahan-kepala 17—Seranta Majlis Keselamatan Jalan Raya. Saya beserta-lah dengan dua orang daripada rakan saya tadi saya meminta supaya perkara keselamatan jalan raya ini hendak-lah di-jagai dan di-baiki supaya mengurangkan kemalangan² di-jalan raya. Mengikut perangkaan kemalangan jalan raya makin bertambah dan di-harap kepada pihak Kementerian ini, supaya bagi pihak penyiasat, badan penyiasat, atau pun peranchang mengkaji bagaimana chara yang dapat kita elak ra'ayat kita mengurangkan guna jalan raya dan buat ranchangan jangka panjang, supaya kita adakan pengangkutan bawah tanah dengan letrik, atau dengan sa-chara monorail yang boleh kita gunakan supaya mengurangkan ra'ayat guna jalan raya.

Dan yang kedua, saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri kajikan undang² yang ada sekarang ini supaya di-perkuatkan lagi dan supaya orang² yang lalai dalam perkara memandu lori dan motokar supaya di-beri hukuman yang lebeh berat lagi supaya mereka ini akan takut dan akan berjaga² pada masa mereka ini memandu. Saya shorkan ia-itu Kementerian ini dapat bekerjasama dengan Kementerian

Fenerangan dan Penyiaran supaya dapat menyiarkan berita menerangkan, atau menyatakan perangkaan kejadian kemalangan jalan raya dalam masa sa-minggu sa-kali, berapa orang yang sudah mati, berapa orang yang luka parah dan juga kemalangan² yang kechil. Ini dapat memperingati kepada pemandu² khas-nya juga orang 'awam yang menggunakan jalan raya supaya mereka berjaga² pada masa mereka itu gunakan jalan raya.

Satu perkara yang kerap kali kita dengar, Tuan Pengerusi, yang orang² kampung yang tidak tahu chara bagaimana hendak mendapatkan nasihat atau pun bantuan. Sa-orang orang kampung manakala dapat kemalangan jalan raya mati di-sebabkan kemalangan itu, dan oleh kerana dia tidak tahu chara² yang hendak menuntut bela bagi si-mati itu, maka terlepas-lah orang ini daripada bayaran insuran mithal-nya, atau pun bantuan lain².

Tetapi orang² yang di-dalam bandar yang ketahu² chara² ini, mereka boleh tuntutan di-atas kematian jalan raya ini di-sebabkan di-langgar lori atau motokar, orang ini sahaja yang dapat bantuan dengan pembelaan daripada lawyer² mereka itu. Oleh yang sa-demikian, saya mengshorkan supaya Kementerian ini mengadakan satu Jabatan Khas dan adakan Peguambela khas di-Jabatan itu dan sa-kira-nya ada kemalangan² yang mana orang² kampung tidak tahu chara-nya, maka boleh-lah waris si-mati itu berurus dengan Jabatan Peguambela khas ini supaya dapat Peguambela khas ini memberi nasihat kepada waris²-nya chara² yang hendak menuntut kerugian, atau pun bantuan supaya dapat-lah yang sa-patut-nya bantuan² itu dan boleh-lah Peguambela ini berlawan dengan pihak Insuran membela orang yang telah pun kena kemalangan itu. Saya perchaya-lah Yang Berhormat Menteri akan berkata mana hendak chari wang, kalau kita hendak adakan satu Jabatan Peguambela Khas bagi orang² yang tidak mampu ini. Jadi, saya shorkan di-kenakan bayaran di-atas lesen² pemandu itu, kata-lah lori kena bayar \$2.00, bas \$2.00, kereta kechil kena bayar mithal kata \$1.00 dan motosikal

50 sen. Saya ingat kalau dengan chara kumpulan wang daripada tambahan kapada lesen ini sa-tahun kita boleh dapat hampir² satu juta ringgit dan dapat kita adakan satu Jabatan Peguambela Khas bagi orang² yang tidak ada mampu hendak mengambil lawyer, hendak berlawan dengan pehak insuran dan lain². Dan juga daripada wang itu dapat kita bagi bantuan serta-merta kapada waris si-mati itu.

Kalau sa-orang di-dapati mati di-jalan raya, atau kena kemalangan yang menyebabkan dia tidak boleh bekerja untuk hendak memberi sara hidup kapada anak-nya yang lapan orang, isteri-nya sa-orang mithal-nya, maka dapat-lah di-beri daripada kumpulan wang ini bantuan serta-merta sa-takat mana yang boleh waris-nya yang ditinggalkan oleh si-mati itu hidup buat sementara sa-hingga Peguambela kita dapat menyelesaikan kerja-nya membela bagi nasib orang² yang kena kemalangan ini.

Saya berharap-lah kapada pehak Yang Berhormat Menteri akan timbangkan di-atas perkara ini kira-nya di-fikirkan menasabah harap-lah dapat di-laksanakan.

Perkara yang kedua, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ia-lah muka 556, Butiran (12)—Penguji Derebar Sementara. Saya telah pun berchakap beberapa kali di-atas perkara ini. Kita ada 34 orang Penguji Derebar sementara. Jadi saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri supaya jawatan Penguji Derebar ini di-jadikan sa-bagai jawatan tetap, jangan lagi buat sementara supaya kalau sa-orang itu sudah pun di-ambil bekerja sa-bagai jawatan tetap, dan di-adakan tangga gaji yang dia tahu ka-mana yang dia akan meningkat dan segala kemudahan²-nya maka lebih lagi keperchayaan kapada diri-nya dan lebih lagi tegoh keperchayaan kapada diri-nya untuk hendak berkhidmat dengan tanggung-jawab dengan sa-penon-nya. Dengan chara yang macham ini dapat-lah mereka ini harapan yang lebih baik lagi daripada masa sekarang ini.

Bagaimana Tuan Pengerusi sendiri tahu, kita dengar desas-desus mengenai rasuah. Kita tidak boleh salah kapada

orang ini, sebab perkhidmatan mereka itu tidak terjamin, kalau sa-orang hendak beri rasuah kapada mereka itu, maka harus mereka itu sendiri yang tidak bertanggung-jawab, saya katakan bukan-lah semua, akan menerima akan rasuah ini. Dan orang yang menerima rasuah ini manakala menguji sa-orang bakal derebar kalau orang itu tidak chekap pun dia benarkan, dia luluskan maka sebab itu-lah banyak jadi kemalangan² jalan raya. Jadi saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri akan kaji supaya di-adakan satu tangga gaji yang baik kapada mereka ini.

Akhir-nya

Tuan Pengerusi: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepada² B. 60-B. 66—

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah mengucapkan terima kasih dan tahniah kapada Kementerian saya dan saya mengambil segala ingatan terhadap perkara² yang telah pun diterangkan. Hanya saya akan menjawab perkara yang berkenaan terutama sakali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan berkenaan dengan lapangan terbang. Yang sa-benar-nya lapangan terbang Kuala Trengganu itu hendak di-baharui supaya Fokker Friendship boleh turun ka-sana, dan boleh-lah kapal terbang yang singgah di-Kota Bharu singgah juga di-Kuala Trengganu dan di-Kuantan. Tetapi

oleh kerana belum siap dan belum dapat surat akuan daripada Jurutera Negeri yang Fokker Friendship boleh turun di-sana, sementara ini ada tiga kali sa-minggu kapal terbang Dakota ada turun ka-sana—Ahli Yang Berhormat yang mengatakan kapal terbang tidak turun di-sana itu barangkali silap. Saya harap-lah ia akan beritahu orang² Trengganu boleh naik kapal terbang, tetapi bukan-lah Fokker Friendship.

Bagitu juga berkenaan dengan permit² lori apabila mengadakan per-bicharaan membawa saksi² daripada jauh. Yang sa-benar-nya dasar Kement-terian Pengangkutan hendak menye-nangkan orang ramai yang memohon teksi², lori² dan juga saksi²; sebab itu boleh-lah di-tentukan di-mana saksi itu ada, maka Majlis Pelesen itu boleh-lah mengambil keterangan² daripada saksi² yang di-mana mereka ada. Tidak-lah mesti saksi daripada Kuala Lumpur datang ka-Kuala Trengganu, kerana hendak di-ambil keterangan² di-sana. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan dapat berhubung kapada Pesuruhjaya kira-nya beliau juga ada perkara² yang sa-macam ini.

Berkenaan dengan kemalangan jalan raya memang-lah kita mengadakan kempen sa-chara besar²an, tetapi kalau selalu hendak di-buat dengan ada \$21,000 peruntukan tentu tidak men-chukupi wang² itu. Tetapi dengan kerjasama Kerajaan² Negeri dan Ahli² Yang Berhormat dalam Negeri masing² akan memberi sokongan yang penoh kerana hendak mengelakkan merba-haya di-jalan raya ini, tentu-lah men-dapat kerjasama daripada orang ramai terutama sa-kali pengguna² jalan yang berjalan kaki, yang menaiki basikal dan pemandu² kereta² yang berjentera. Saya menguchapkan terima kasih atas chadangan² yang telah di-beri oleh beberapa orang Ahli² Yang Berhormat, dan saya harap Majlis Keselamatan lalu-lintas akan dapat menjalankan chadangan²-nya itu.

Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara, saya uchapkan sa-kali lagi terima kasih atas segala pandangan² dan saya juga mengambil ingatan ber-kenaan dengan jalan² yang merbahaya terutama sa-kali sa-belah malam mesti-

lah mengadakan tanda² dengan menga-dakan lampu merah. Yang sa-benar-nya Majlis Keselamatan Jalan raya telah pun menimbangkan perkara ini supaya kita boleh menguatkuasakan menjadi satu undang². Saya harap tidak berapa lama lagi, dengan ada-nya sa-buah Jawatan-kuasa menyemak ini dapat kita mengadakan macham di-negara yang lain mengelakkan dari-pada merbahaya.

Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, Enche' Ong Kee Hui, telah menerang-kan berkenaan dengan peruntokan lapangan terbang yang kata-nya dia juga takut kalau waktu suntok lapa-ngan terbang itu tidak panjang boleh jadi merbahaya. Yang sa-benar-nya Penerbangan 'Awam Malaysia Timor telah mengambil segala ikhtiar hendak mengelakkan daripada kapal terbang macham *Comet* ini terbabas, tetapi kita harap apabila dapat peruntokan wang, kalau tidak di-dalam rancangan yang pertama ini, dalam rancangan yang kedua, kita akan panjangkan lagi—memang ada rancangan lapangan terbang untuk kapal terbang 737 sa-kurang²-nya 7,500 kaki. Maka saya harap tunggu-lah sampai waktu itu, dan juga berkenaan dengan bangunan yang baharu—itu juga di-dalam ran-changan kita.

Bagitu juga berkenaan dengan tegoran² daripada Ahli Yang Berhor-mat dari Kota Star Selatan ber-kenaan dengan teksi² yang ada di-steshen Keretapi ini. Saya harap-lah pehak Traffic Police dan Enforcement Officer daripada Pejabat Pengangkutan akan dapat mengadakan jagaan yang tertentu waktu keretapi² itu tiba supaya teksi yang tidak mahu mem-bawa penumpang yang dekat² ini boleh di-denda, atau di-hukum, kerana itu ada-lah melanggar undang² sharat di-beri lesen² teksi itu. Bagitu juga berkenaan dengan Sharikat M.S.A., kata-nya ada discrimination kerana kulit-nya dan bagitu, bagini. Saya fikir ini tidak-lah ada discrimination. Kita bukan di-South Africa—tidak ada apartheid di-dalam Malaysia ini. Yang sa-benar-nya di-adakan peratoran², walau pun kulit-nya putih, kuning, atau pun biri, tidak menjadi soal pokok; tetapi sa-siapa perempuan

yang naik kapal terbang M.S.A. dan kapal² terbang yang lain kira-nya membawa anak² itu di-beri peluang terlebih dahulu kerana budak² itu hendak duduk dekat bersama ibu bapanya. Kalau-lah Ahli Yang Berhormat itu barangkali dapat bertanya, pada hari itu juga di-terangkan dan di-jelaskan, tidak payah di-bawa dalam Rumah yang berhormat ini, kerana kita tidak ada menjalankan dasar apartheid dan memang kita kutok dasar polisi apartheid bagaimana yang ada di-South Africa itu.

Berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat Tuan Chia Chin Shin, Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak, lapangan terbang di-ulu² hendak di-perbaiki—ini memang menjadi rancangan kita. Mana² yang belum di-baiki, ini menunggukan kewangan sahaja, bukan kita tidak mahu buat, kerana dari segi Pejabat Penerbangan 'Awam kita tidak boleh di-benarkan, kalau padang kapal terbang itu rosak atau tidak baik, dan kita tidak benarkan kapal terbang itu turun di-situ. Ahli Yang Berhormat itu senyum di-sana. Kita sudah buat peruntukan lebih kurang \$3 juta kerana lapangan terbang yang baharu di-Miri, bukan di-Lutong; padang itu sangat merbahaya jikalau musim hujan; saya tahu sebab saya sudah sampai di-sana. Saya harap supaya beliau itu bersabar sedikit dalam tahun ini, dan kita berharap sa-belum akhir tahun ini lapangan terbang di-Miri yang baharu itu akan siap.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang, saya akan minta Pesuruhjaya Kenderaan akan berhubung dengan Pengurus Besar, Sri Jaya, atau pun sharikat² bas yang lain supaya mengadakan barangkali kursus² derebar² yang lari kuat² dekat selekoh² ini, begitu juga conductor² yang kasar laku-nya supaya di-beri amaran yang keras, kerana ini akan merugikan sharikat itu dan membusukkan nama sharikat itu dan juga kami daripada pihak Kementerian Pengangkutan. Saya mengucapkan banyak terima kasih, tetapi ini kena-lah kita bersama² bekerjasama supaya kita dapat membaiki lagi per-

hubungan conductor², derebar² bas dengan orang² ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan telah menhadangkan berkenaan orang² yang bukan warganegara tidak boleh di-beri lesen² derebar ini. Perkara ini saya kena-lah siasat balek sama ada adil, atau tidak chara samacham ini, tetapi yang sa-benar-nya kita boleh-lah ketatkan syarat² itu dengan latar belakang-nya dan jangan sampai sa-tengah² derebar ini pun datang daripada gangster², ini pun menyusah² pada orang ramai. Saya ucapkan banyak terima kasih atas chadangan itu. Dan berkenaan lesen sa-orang derebar yang lima tahun tidak bawa kereta lagi mesti mahu di-pereksa sa-mula tetapi mahu di-lekaskan lagi waktu tiga tahun-kah, dua tahun-kah, tiap² tahun-kah. Kami akan selidek perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara berchakap panjang berkenaan dengan dasar mewarganegarkan pegawai² kita nampak-nya fahaman beliau barangkali Kementerian Pengangkutan tidak menjalankan dasar ini. Yang sa-benar-nya, apabila Malayanisation telah di-jalankan dahulu pun saya telah bawa perkara ini kepada Jabatan Perdana Menteri, kerana Jabatan Perdana Menteri itu menjaga berkenaan dengan dasar (policy) memakai pegawai² kaki-tangan Kerajaan, tetapi malang-nya perkara ini kita kena halusi, dan bagaimana rakan saya Menteri Buroh telah menjawab, sedang di-selideki dan menghalusi sampai waktu yang akhir ini kita akan mengambil sa-suatu tindakan yang tertentu, tetapi sabar-lah sementara menunggu keputusan, ini bukan dasar daripada Kementerian², tetapi dasar Kerajaan Malaysia ini ya'ani Kerajaan Perikatan.

Berkenaan dengan chadangan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara, saya mengucapkan terima kasih atas chara² propaganda kita bagi mereka yang kena kemalangan melalui radio supaya mengingatkan orang ramai dan pemandu². Kita memang ada bekerjasama rapat dengan Radio Malaysia, Talivishen dan lain² lagi. Saya harap kita akan banyakkkan lagi perkara ini.

tetapi berkenaan dengan menolong orang² yang kena langgar, yang tidak ada loyar dan tidak ada duit hendak mengadakan da'waan sa-benar-nya telah pun di-chadangkan dan telah diterima pada dasar-nya legal aid ya'ani membantu kepada orang yang tidak mampu hendak menggunakan peguam (lawyer), tetapi saya suka menasihatkan kepada Ahli Yang Berhormat itu kira-nya sa-siapa yang terlanggar betul² di-siasat oleh polis kalau pun tidak mampu, atau pun tidak ada keterangan yang chukup boleh-lah berhubung kepada Kementerian saya, atau pun kepada Insurance Bureau yang kita baharu luluskan baharu² ini supaya orang itu dan saudara²-nya akan dapat di-timbangkan sagu hati-nya, sa-kali pun tidak di-bawa ka-mahkamah, kerana tidak ada keterangan, tetapi ini telah pun di-persetujui oleh sharikat² insuran di-dalam Malaysia Barat ini. Oleh kerana itu, saya harap Ahli Yang Berhormat itu akan dapat bekerjasama supaya saya akan dapat memberi apa² pertolongan daripada pihak Kementerian.

Bagitu juga berkenaan dengan chadangan Ahli Yang Berhormat tadi kenapa tidak di-tetapkan kerja Penguji² Derebar yang sementara ini. Yang sa-benar-nya, Penguji² Derebar Sementara ini telah kurang bilangan-nya sekarang ini. Pada waktu yang lampau², terlampau banyak orang yang memohon hendak memandu kereta, kita kena banyak gunakan penguji² derebar ini, tetapi apabila bilangan-nya sudah kurang, kalau mereka tidak pegawai tetap kita boleh beri satu bulan notis, mereka boleh berhenti, tetapi kalau kita beri pekerjaan tetap sampai satu ribu, tiba² sekarang yang kita hendak uji berkenaan dengan orang yang memandu kereta ini chuma chukup kerja kerana lima ratus, yang lima ratus ini kita hendak berhentikan, tidak boleh kerana mereka bekerja tetap, jadi kita kena pula bayar kerana membuang jawatan itu. Jadi ini tentu-lah merugikan Kerajaan.

Tentang perkara Penguji Derebar Sementara ini boleh menggunakan kuat-kuasa dan ini menggalakkan rasuah, insha' Allah Kementerian saya, Kementerian Pengangkutan, dan kuasa²

yang lebih lagi di-beri kepada Ejensi Rasuah ini kita akan dapat hapuskan, tetapi saya harap Yang Berhormat dan mereka yang tahu berkenaan dengan Penguji² Derebar ini kira-nya ada tumbok rusok, atau minta ini dan itu lekas-lah berhubung kepada Kementerian saya atau pun kepada Ejensi Rasuah ini tentu kita akan dapat mem-baiki dan menghapuskan perkara ini, tetapi bilangan Penguji² Derebar ini tidak banyak lagi yang sementara, atau pun yang tidak tetap dan kita harap pada suatu waktu kita akan dapat habiskan Penguji² Derebar Sementara ini. Ini-lah sahaja yang saya dapat menjawab lebih kurang. Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,929,669 untok Kepala B. 60; \$2,743,039 untok Kepala B. 61; \$3,306,274 untok Kepala B. 62; \$1,586,662 untok Kepala B. 63; \$2,758,583 untok Kepala B. 64; \$3,329,831 untok Kepala B. 65 dan \$2,910,766 untok Kepala B. 66 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 42 sampai B. 46 dan B. 48 sampai B. 55—

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan, saya mohon peruntokan berjumlah \$8,782,709 bagi Kementerian Ke'adilan serta Jabatan² di-bawah-nya (B. 42 hingga B. 46), dan juga peruntokan berjumlah \$23,139,910 bagi Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian serta Jabatan² di-bawah-nya (B. 48 hingga B. 55) di-jadikan sebahagian daripada Jadual.

Sekarang saya ingin memberi penjelasan dengan sa-berapa ringkas-nya mengenai peruntokan² tersebut.

Kepala B. 42 ada-lah berkenaan dengan Kementerian Ke'adilan yang juga di-bawah jagaan saya. Jumlah perbelanjaan untok 1968 di-bawah Kepala ini ada-lah kurang sa-banyak \$10,038 dari tahun 1967, oleh kerana sa-orang Setia-usaha Sulit kepada Menteri Ke'adilan telah bersara.

Kepala 43 berjumlah \$5,844,639 ada-lah untuk Jabatan Kehakiman di-seluruh Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menerangkan anggaran Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Tinggi di-Malaysia Barat dahulu. Di-bawah peruntukan² Gaji, sa-banyak \$244,896 ada-lah untuk Mahkamah Persekutuan dan \$4,279,237 untuk Mahkamah Tinggi di-Malaysia Barat sahaja. Ini ada-lah menunjukkan jumlah tambahan sa-banyak \$76,706 lebih daripada peruntukan bagi tahun 1967. Tambahan ini ada-lah untuk pemberian kenaikan gaji² tahunan biasa untuk pegawai² dan kaki-tangan² di-Mahkamah². Di-bawah Butiran (43), lapen belas (18) jawatan jurutaip telah di-tambah oleh kerana hendak di-bahagi-kan kepada 18 Mahkamah² Rendah di-bandar² kecil dan di-seluruh Malaysia Barat. Tambahan ini ada-lah sangat perlu untuk menguruskan semua kerja² taip-menaip supaya membolehkan rekod² rayuan di-persembahkan ka-Mahkamah² Tinggi dengan sa-beberapa segera. Pada masa² yang lalu, pekerjaan ini telah di-jalankan oleh Jurubahasa² Mahkamah pada masa kelapangan mereka dan ini telah menyebabkan kelewatan yang tidak di-ingini.

Di-bawah Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun (Malaysia Barat) jumlah perbelanjaan yang di-anggarkan untuk tahun 1968 ia-lah \$571,655, ya'ani tambahan sa-banyak \$20,455 dari 1967. Ahli² Yang Berhormat akan dapati bahawa ada tambahan sa-banyak \$10,435 di-bawah Pechahan-kepala 3 ya'ani "Pekerja² Perusahaan dan Buruh Kasar", di-sebabkan oleh bertambah-nya pekerja² buruh kasar yang perlu berkhidmat di-beberapa Mahkamah seluruh negeri dan juga untuk membayar kenaikan biasa gaji², elaun² dan Charum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Tambahan sa-banyak \$7,000 di-bawah Pechahan-kepala 4—Penyata Undang² dan Buku Undang² ia-lah untuk melengkapkan bekalan Penyata Undang² dan Buku Undang² dengan sa-beberapa boleh. Tambahan sa-banyak \$1,000 di-bawah Pechahan-kepala 6—Penyenggaraan Pejabat ia-lah kerana naik harga upah penyenggaraan jentera² hawa dingin.

Tambahan sa-banyak \$3,500 di-bawah Pechahan-kepala 9—Pengangkutan dan Perjalanan ia-lah kerana pehak Perbendaharaan telah menetapkan supaya perbelanjaan perjalanan Ahli² Majlis Peguam (Bar Council) di-tambahkan sa-banyak²-nya daripada \$2,500 kepada \$6,000.

Di-bawah Perbelanjaan Khas (Malaysia Barat) jumlah peruntukan sa-banyak \$18,500 di-anggarkan bagi tahun 1968 di-banding dengan \$54,360 bagi 1967, ia-itu kurang sa-banyak \$35,860.

Sekarang saya tiba kepada anggaran Mahkamah² Tinggi di-Malaysia Timor. Ahli² Yang Berhormat akan perhatikan ia-itu di-bawah peruntukan Gaji sa-banyak \$371,630 ada-lah untuk Mahkamah² Tinggi di-Sarawak dan \$198,771 untuk Mahkamah Tinggi di-Sabah. Di-bawah peruntukan Gaji untuk kedua² Mahkamah Tinggi ini ada-lah menunjukkan kekurangan sa-banyak \$48,921. Kekurangan dalam anggaran Gaji ini ia-lah kerana gaji permulaan Ahli² Perkhidmatan Kehakiman Kedet yang muda dan juga baharu di-lantek ada-lah jauh kurang-nya dari gaji² Majisteret² yang telah berhenti.

Di-bawah Butiran (65) Sarawak mempunyai 9 jawatan Majisteret. Pada masa ini 3 jawatan itu maseh kosong. Dari 6 orang Majisteret, 2 ada-lah pegawai expatriate yang telah di-ambil bekerja dengan sechara contract, sa-orang akan berhenti pada 15hb November, 1968 dan sa-orang lagi pada 20hb Jun, 1969. 3 orang Majisteret dari Malaysia Timor yang juga di-ambil dengan chara contract akan menyambung perkhidmatan mereka. Chuma sa-orang sahaja anak tempatan yang maseh berkhidmat dan dia mulai bekerja pada 3hb Februari, 1968 ini. Sa-orang anak tempatan yang telah di-lantek pada 9hb Januari, 1967 telah menghantar surat berhenti kerja, kerana dia akan bekerja dengan sa-buah Sharikat Peguam di-Sarawak. Kedudukan Mahkamah Rendah di-Sarawak sangat-lah tidak memuaskan pada masa ini kerana kekurangan kaki-tangan.

Bagaimana pun Kerajaan berharap ia-itu dalam tahun hadapan 7 orang

penuntut undang² akan balek ka-Malaysia Timor dan ada-lah di-harap mereka akan mengisi tempat² yang kosong.

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan di-sini untuk menegaskan ia-itu jika anak² tempatan di-Malaysia Timor enggan berkhidmat dalam Jabatan Kehakiman untuk mengisi jawatan² yang kosong, maka terpaksa-lah Kementerian saya berikhtiar mendapat pegawai² yang berkelayakan dari lain tempat terutama sa-kali daripada Malaysia Barat. Saya tidak nampak apa sebab-nya warga-negara² Malaysia yang lain tidak boleh bekerja di-Malaysia Timor jika-lah anak tempatan sendiri enggan berkhidmat dengan Kerajaan, tetapi lebih suka berkhidmat dengan sharikat² sa-mata² kerana mendapat gaji besar sedikit.

Di-bawah Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun (Malaysia Timor) peruntukan sa-banyak \$158,750 ada-lah menunjukkan tambahan sa-banyak \$7,400 lebih daripada tahun 1967. Pengalaman telah membuktikan bahawa belanja di-bawah butiran Pentadbiran Pejabat terpaksa di-tambahkan supaya kecekapan sentiasa terjamin. Peruntukan sa-banyak \$4,000 di-bawah Butiran (15) ia-itu Perpustakaan Undang² dan Penyata Undang² ada-lah untuk membekal dan menyenggarakan perpustakaan Undang² untuk lima Mahkamah Tinggi di-Kuching, di-Sibu, di-Miri, di-Kota Kinabalu dan di-Sandakan. Perpustakaan yang paling lengkap hendak-lah di-sediakan di-semua Mahkamah Tinggi khas-nya di-Kuching dan di-Kota Kinabalu di-mana persidangan Mahkamah Ulang Bicara Persekutuan di-adakan. Perpustakaan² di-Pusat² ini pada masa sekarang belum lagi memuaskan. Jumlah wang yang kecil yang di-minta sekarang ia-lah untuk keperluan sederhana sahaja. Butiran ini dalam masa tidak lama lagi, Tuan Pengerusi, terpaksa di-tambah untuk membolehkan urusan² Mahkamah berjalan dengan lalin-nya.

Di-bawah Perbelanjaan Khas peruntukan sa-banyak \$1,200 ada-lah menunjukkan kekurangan sa-banyak \$9,500 daripada tahun 1967.

Tuan Pengerusi, sekarang saya berpaling pula kepada Kepala Bekalan 44—Jabatan Peguam Negara, Malaysia. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 1968 di-bawah Kepala ini ia-lah \$1,572,246 berbanding dengan \$1,490,889 bagi tahun 1967.

Di-bawah tajok gaji, butiran (6) menunjukkan tambahan 3 Jawatan Tingkatan tertinggi "F". Tetapi tambahan yang sa-benar-nya ia-lah satu sahaja, ia-itu mengadakan sa-orang pegawai kanan dalam Bahagian Penggubal Dalam Bahasa Kebangsaan: satu jawatan (Pegauam Perbendaharaan) telah di-pindahkan daripada Perbendaharaan dan yang satu lagi itu ada-lah kenaikan satu jawatan "H" daripada butiran (7). Jawatan yang di-naikkan tingkat itu ia-lah jawatan Peguam Kanan Persekutuan dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri. Pegawai yang berkenaan ada-lah mengambil alih tempat sa-orang Pakar Ranchangan Colombo.

Jawatan Tambahsentara bagi Peguam Parlimen, Butiran (4) yang di-isi oleh sa-orang Pakar Ranchangan Colombo akan di-hapuskan mulai daripada 1 haribulan Jun, 1968 dan jawatan Penggubal Undang² Kawasan di-bawah "Sarawak" telah di-hapuskan.

Jabatan Peguam Negara mempunyai beberapa orang pegawai² di-Sarawak seperti yang di-terangkan dalam Butiran (36) hingga (38). Penolong Peguam Besar Negeri ada-lah anak tempatan. Dari 5 jawatan yang diperuntukkan di-bawah Butiran (37), sa-orang ada-lah terdiri pegawai expatriate yang menyandang jawatan Peguam Negeri. Contract-nya akan tamat pada 31hb Mei, 1969. Bilangan anak tempatan yang memegang jawatan Kedet Pegawai Undang² ada-lah 3 orang sahaja. Semenjak tahun 1966 3 orang anak tempatan telah meletak jawatan mereka kerana membuka pekerjaan sendiri sa-bagai Peguambela di-Sarawak.

Jabatan ini di-Sarawak sedang mengalami kerumitan yang besar, kerana tidak mempunyai pegawai² yang berpengalaman yang cukup. Nampak-nya penuntut² yang balek ka-Sarawak sa-telah mendapat ijazah undang² di-luar

negeri memasuki jabatan itu di Sarawak chuma untuk mendapat pengalaman sahaja.

Sa-telah mereka menerima latehan yang chukup mereka meletak jawatan dan membuka pekerjaan mereka sendiri. Akibat-nya jabatan itu mengalami kekurangan pegawai yang berpengalaman. Kementerian saya sedang mengkaji chara² mengatasi kesulitan ini. Tetapi di-sini sa-kali lagi saya menegaskan, ia-itu jika anak² tempatan di-Sarawak yang mempunyai kelayakan enggan berkhidmat dalam jabatan itu, maka Kerajaan terpaksa menerima pegawai² dari tempat lain. Jika ini berlaku, saya harap Kerajaan Pusat tidak akan di-tuduh tidak menjaga kepentingan anak tempatan.

Di-bawah *Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun* tambahan² ada-lah saperti berikut :

- (a) Pechahan-kepala (2)—Pentadbiran Pejabat—\$7,050 ada-lah untuk menampung tambahan² bayaran bagi lampu, kuasa letrik, ayer dan talipon;
- (b) Pechahan-kepala (4)—Penyenggaraan—daripada \$2,800 yang di-tambahkan itu, \$2,400 ada-lah di-kehendaki untuk menggantikan beberapa jenis perkakas dalam kediaman Peguam Negara dan \$400 lagi untuk menyenggarakan Jabatan Peguam Negara;
- (c) Pechahan-kepala (5)—Perchetakan dan Alatulis—Tambahan sa-banyak \$1,900 ada-lah di-kehendaki untuk membeli borang² dan alatulis;
- (d) Sa-bahagian belanja Jabatan Peguam Negara di-Sabah—\$13,000 sahaja.

Berkenaan dengan butiran yang akhir itu, formula bagi sumbangan di-kehendaki di-buat oleh Kerajaan Pusat telah di-persetujui dalam tahun 1963 ia-itu ketika Malaysia hendak di-tubuhkan. Oleh kerana suatu salah-faham Kerajaan Negeri itu telah tidak menuntut jumlah yang betul hingga hari ini. Oleh yang demikian, maka terdapat-lah banyak perbezaan-nya di-antara angka² bagi tahun 1967 dan 1968.

Di-bawah Perbelanjaan Khas—

Pechahan-kepala (8)—Belanja untok Pakar² Rancangan Colombo—ada-lah menunjukkan kekurangan oleh kerana elaun bagi jawatan Pakar itu yang di-bayar daripada butiran ini akan di-tamatkan mulai daripada 1hb Jun, 1968—Butiran (4) di-bawah “Gaji” ada berkenaan;

Pechahan-kepala (9)—tambahan sa-banyak \$12,000 ada-lah di-kehendaki untuk membeli Perkakas Pejabat dan Kelengkapan bagi beberapa orang pegawai undang²;

Pechahan-kepala (10)—tambahan peruntukan tanda (token vote) sa-banyak \$10 ada-lah di-kehendaki untok Chetakan Sa-mula Buku Undang². Ada-lah di-harapkan bahawa pengeluaran chetakan samula dalam tahun ini dapat dipercepatkan lagi;

Pechahan-kepala (11)—tambahan sa-banyak \$300 ada-lah di-kehendaki untok membeli mesin rumput baharu bagi menggantikan mesin di-rumah Peguam Negara yang telah rosak. Mesin yang lama itu telah di-gunakan sa-lama dua tahun.

Pechahan-kepala (12)—tambahan sa-banyak \$10,000 ada-lah di-kehendaki untok menjilidkan buku undang²

Tuan Pengerusi, sekarang saya beraleh kapada Kepala Bekalan B. 45, ia-itu *Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musoh* yang mana telah di-peruntukkan wang berjumlah \$845,579.

Tuan Pengerusi, Chawangan Pejabat baharu telah di-tubuhkan baharu² ini, satu daripada-nya di-Perlis dan satu lagi di-Seremban. Dengan ini, maka Jabatan Pemegang Amanah Raya pada masa sekarang mempunyai chawangan² pejabat-nya di-seluruh Malaysia.

Di-bawah peruntukan Gaji, satu jawatan Penolong Akauntan untok pemegang-nya sendiri sahaja, telah di-mansokhkan, kerana pemegang-nya telah bersara. Tetapi buat penganti-nya satu jawatan Pegawai Kerja Kira²

Kanan di-bawah Butiran (4A) telah disediakan. Dua jawatan Penolong Pemegang Amanah Raya, Butiran (5) telah di-tambahkan bagi Chawangan² Pejabat-nya di-Melaka dan Pahang mengikut yang di-tetap oleh undang². Untuk membolehkan kerja² di-pejabat itu yang semakin bertambah banyak oleh kerana desakan dari orang² ramai, maka enam jawatan (dua pegawai kerani, dua jurutaip dan dua budak pejabat) telah di-tambahkan juga. Oleh sebab itu, anggaran bagi tahun 1968 di-bawah peruntukan Gaji ia-lah \$32,225 lebih daripada tahun 1967. Tambahan ini ada-lah termasuk pemberian kenaikan gaji² tahunan biasa dan untuk membayar elaun² kepada pegawai² dan kaki-tangan² di-Jabatan ini.

Di-bawah Pechahan-kepala Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun anggaran ada-lah bertambah sa-banyak \$2,970 sahaja. Tambahan ini ada-lah khas-nya berkenaan dengan Pentadbiran ia-itu di-bawah Pechahan-kepala (2) dan Penchetakan dan Alatulis.

Jumlah perbelanjaan di-bawah Pechahan-kepala Perbelanjaan Khas bagi tahun ini ada-lah kurang sa-banyak \$3,590 daripada tahun 1967.

Tuan Pengerusi, Jabatan yang penghabisan di-bawah Kementerian Ke'adilan ia-lah *Jabatan Pegawai Muflis dan Pegawai Penerima*—Kepala Bekalan 46. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 1968 di-bawah Kepala ini ia-lah \$441,925. Jabatan ini terus-menerus bertambah luas dan sekarang memerlukan tanggung-jawab di-seluruh Malaysia. Act Kemuflian tahun 1967 telah di-kuatkuasakan mulai daripada 30hb September, 1967, ada-lah menambahkan kuasa Pegawai Muflis untuk meliputi Sabah dan Sarawak. Di-bawah Act Sharikat (Companies Act) Pegawai Muflis ada-lah sa-bagai Pegawai Penerima Malaysia juga. Perbelanjaan Jabatan ini di-jangka akan bertambah dengan keputusan penubohan Chawangan² Pejabat di-Sabah dan di-Sarawak.

Ahli² Yang Berhormat akan dapati ia-itu bekalan bagi kali yang pertama telah di-buat dalam Anggaran tahun 1968 untuk penubohan Chawangan Pejabat Pegawai Muflis di-Sabah dan di-Sarawak mulai daripada 1hb Julai,

1968. Empat jawatan baharu untuk Chawangan Pejabat di-Sabah dan empat jawatan baharu di-Sarawak telah di-masokkan. Jumlah perbelanjaan yang di-anggarkan untuk tahun 1968 bagi Jabatan ini di-bawah peruntukan Gaji ia-lah \$411,025 dan jika di-bandingkan dengan \$386,224 untuk tahun 1967 akan menunjukkan tambahan sa-banyak \$24,801. Sebab²-nya ia-lah pembukaan chawangan Pejabat di-Sabah dan di-Sarawak.

Di-bawah Pechahan-kepala Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun peruntukan sa-banyak \$28,170 ada-lah menunjukkan tambahan sa-banyak \$14,970 lebih daripada tahun 1967. Tambahan² ini ada-lah di-sebabkan oleh pembukaan chawangan² pejabat di-Sabah dan Sarawak.

Di-bawah Pechahan-kepala Perbelanjaan Khas jumlah perbelanjaan sa-banyak \$2,730 di-untukkan bagi tahun 1968 di-banding dengan \$500 sahaja bagi tahun 1967. Tambahan sa-banyak \$2,230 ada-lah di-sebabkan oleh penubohan Chawangan Pejabat Pegawai Muflis di-Sabah dan Sarawak dan juga untuk membeli Perkakas dan Kelengkapan Pejabat bagi Jabatan Pegawai Muflis di-Malaysia Barat.

Tuan Pengerusi, sekarang saya mohon beraleh kepada Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian serta Jabatan² di-bawah-nya.

Kepala B. 48—Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian—\$885,293.

Anggaran Perbelanjaan untuk Kementerian ini bagi tahun 1968 pada keseluruhannya berlebehan sa-banyak \$36,541. Sebab²-nya ia-lah :

(a) Pechahan-kepala 1—Gaji—(Tambahan sa-banyak \$4,485)—

(i) Kenaikan tahunan gaji pegawai².

(ii) Wujud-nya satu jawatan baharu di-bawah Butiran (8) ia-itu Kerani Sementara.

(b) Di-bawah Perbelanjaan Berulang² Tiap² Tahun (O.C.A.R.) (Tambahan sa-banyak \$41,762) di-sebabkan—

(i) Tambahan yang banyak untuk Malaysia Barat ia-lah

di-Pechahan-kepala 4—ia-itu Pengangkutan dan Perjalanannya—yang bertambah sa-banyak \$8,000 dan Pechahan-kepala 5—Pengorek Penyelidikan² Galian yang bertambah sa-banyak \$36,408.

Tambahan kepada Pechahan-kepala 4 sangat² di-perlu dalam tahun ini, kerana di-dapati perbekalan asal sa-banyak \$12,000 dalam tahun 1967 dan \$10,500 dalam tahun 1966 di-dapati sangat tidak mencukupi untuk maksud perjalanan dan pengangkutan.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini di-tugaskan untuk mengawal perbelanjaan Pembangunan sa-jumlah \$6,225,739 terhadap pelaksanaan beberapa aspek dalam ranchangan² tanah di-Malaysia Barat dan juga di-Malaysia Timor. Perjalanan ka-Malaysia Timor menelan perbelanjaan yang banyak.

Mengenai Pechahan-kepala 5 pula—ia-itu Pasokan Pengorek Penyelidikan Galian (M.I.D.U.), tambahan itu sangat² di-perlu kerana ranchangan² mencharigali bagi tahun 1968 akan di-perluaskan lagi. Sa-lain daripada kawasan² Simpanan Melayu, di-mana penyiasatan akan di-tumpukan, dua tiga kawasan² lain akan di-siasat juga. Sa-lain daripada itu, wang tambahan itu juga di-perlukan untuk membeli dan mengganti alat² yang sudah rosak. Kebanyakan daripada alat² itu sudah tua dan terpaksa di-ganti supaya pasokan itu tidak tergendala pekerjaannya. Di-sini ingin juga saya menyatakan bahawa dalam tahun ini, kebanyakan daripada usaha² mencharigali akan di-jalankan dalam negeri Pahang di-mana keadaan untuk bekerja dan perjalanan ada-lah lebih sukar daripada tempat² lain.

Kemajuan yang telah di-chapai oleh Pasokan ini sangat memuaskan. Dalam tahun 1967, tujuh projek, kesemua-nya dalam Kawasan Simpanan Melayu di-Negeri Selangor telah di-sempurna siasat meliputi lebih kurang 11,000 ekar. Projek² yang sedang di-jalankan sekarang ia-lah di-kawasan Melayu Semantan, Pahang; Chenderiang, Perak; Ulu Rening, Selangor; dan Seliau, Negeri Sembilan. Di-samping itu kerja mengorek rapat (close boring)

juga telah di-jalankan di-Kawasan Melayu di-Changkat Tualang, Perak, yang berkaitan dengan Ranchangan Melombong (dahulu-nya di-bawah ranchangan Malay Reservation Mining Exploitation di-bawah Anggaran Pembangunan, tetapi sekarang ranchangan itu sudah di-tukar menjadi satu "revolving fund" yang sudah pun diluluskan oleh Dewan ini tahun sudah). Penyiasatan² tersebut akan terus dilanjutkan dalam tahun ini, dan sa-lepas itu kawasan² tertentu yang telah dipilih di-Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan akan di-siasat pula.

Berikut ia-lah senarai hasil usaha² yang telah di-laksanakan oleh Pasokan ini :

	Tahun ini	Tahun sudah
(i) Bilangan Kawasan Melayu yang sudah di-charigali	59 (Perak 35, Selangor 22, Pahang 2)	48
(ii) Jumlah luas kawasan yang sudah di-charigali	161,500 ekar	139,292 ekar
(iii) Bilangan Kawasan Melayu yang akan di-sahkan ada mengandungi bijih timah dan di-perakukan untuk siasatan lanjut	21	18
(iv) Jumlah luas kawasan yang akan di-siasat dengan lebih lanjut	13,131 ekar	11,881 ekar
(v) Bilangan Kawasan Melayu yang sedang di-charigali	3 (Pahang 1, Selangor 1, Negeri Sembilan 1)	2 (Perak 1, Selangor 1)
(vi) Bilangan Kawasan Melayu yang di-charigali teliti (close boring)	3	2
(vii) Luas kawasan yang di-charigali teliti	418 ekar	461 ekar

(c) Tuan Pengerusi, di-bawah Perbelanjaan Khas, anggaran perbelanjaan Kementerian tahun ini berkurangan sa-banyak \$5,212 daripada tahun dahulu kerana kelengkapan² Pejabat di-bawah tajuk ini sudah di-beli dalam tahun sudah.

Tuan Pengerusi, di-bawah anggaran Kementerian saya kita juga dapat butir² anggaran Jabatan Kajibumi Wilayah Malaysia Timor. Tadi apabila saya mengulaskan tentang anggaran Kementerian, saya juga telah memperhitungkan perbelanjaan Jabatan ini. Di-masa ini Pegawai² Kajibumi di-dalam Jabatan Kajibumi Sarawak ia-lah seramai 6 orang—ia-itu 4 orang pegawai tempatan dan 2 orang pegawai dagang.

Sa-orang daripada pegawai dagang itu akan meninggalkan jawatan-nya pada awal tahun ini atas permintaan-nya sendiri. Beliau sekarang sedang berkhidmat sa-chara kontrek.

Kementerian ini mengalami kesukaran untuk mendapat Pegawai² Kajibumi, baik di-Malaysia Barat mahu pun di-Malaysia Timor. Di-Malaysia Timor, sa-patut-nya ada 8 Pegawai Kajibumi (tidak termasuk 1 jawatan Tambahsantara yang akan di-mansohkan dalam bulan April, 1968 apabila sa-orang pegawai dagang yang berkhidmat sa-chara kontrek akan berhenti) tetapi jawatan² yang dapat di-penuhi ia-lah 5 sahaja—satu daripada-nya oleh pegawai dagang—sebab-nya ia-lah tidak banyak orang² tempatan yang belajar dalam jurusan ini dan juga sakira-nya mereka pergi bukan dengan biasiswa Kerajaan, mereka lebih suka bekerja dengan saudagar² kerana gaji-nya jauh lebih tinggi.

Jabatan ini akan meneruskan dasar-nya yang tetap untuk membuat peta² bumi (geological maps) dan juga untuk meneruskan usaha²-nya menchari bahan² galian di-Malaysia Timor.

Di-Sarawak, usaha² akan di-teruskan untuk membuat peta dan juga mencharigali kawasan² di-perchayai mengandongi bahan kaolin (kaolinitic clay—ia-itu tanah liat yang boleh di-buat pinggan mangkok daripada-nya). Usaha ini di-jalankan bersama dengan Jabatan Galian sejak pertengahan tahun 1967 lagi. Setakat ini, sa-banyak 9 juta tan bahan itu telah di-jumpai, sa-lain daripada 2.7 juta tan yang telah di-jumpai sa-belum ini. Pekerjaan membuat “geochemical map” yang rapi sedang di-usahkan bagi kawasan di-selatan Kuching.

Di-Sabah pula, tugas utama ia-lah untuk melanjutkan usaha memeta samula Lembah Segama. Lembah yang terpenchil dan tidak mengandongi banyak penduduk ini telah di-petakan 16 tahun dahulu. Ada-lah di-perchayai bahawa Lembah itu mungkin mengandongi logam² yang boleh di-kerjakan dengan menguntungkan. Penyiasatan “geochemical” mengenai logam tembaga akan di-buat di-lembah itu. Di-Semenanjung Sempurna pula usaha

syiasatan “geochemical” yang telah dimulakan dalam tahun 1967 akan di-teruskan. Pemetaan rapi bagi Semenanjung Sandakan juga akan di-teruskan, dan usaha ini akan menegaskan segi “engineering geology” berthabit dengan chadangan untuk membuat jalan menghubungkan Pantai Barat dan Timor Sabah.

Jabatan ini juga membuat beberapa penyiasatan yang khas berkenaan dengan “metamorphic rock” di-Sabah, dengan kerjasama Universiti Malaya.

Tuan Pengerusi, mengenai Kepala B. 49—Pesuruhjaya Tanah, saya memohon anggaran sa-banyak \$679,834 bagi tahun 1968, ia-itu tambahan sa-banyak \$37,405 daripada anggaran tahun lalu. Kenaikan anggaran dibawah Pechahan-kepala I—Gaji adalah untuk membayar kenaikan tahunan gaji pegawai² dan kaki-tangan² Jabatan itu, manakala kenaikan sa-banyak \$11,550 untuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ia-lah untuk perbelanjaan perpindahan tempat kerja bagi ranchangan Penyelesaian Tanah Kelantan daripada Kota Bharu ka-Tumpat dalam bulan Mach ini, kerana kerja² di-kawasan Kota Bharu akan di-selesaikan pada tarikh tersebut. Dengan demikian anggaran Pechahan-kepala 8—Pengangkutan dan Perjalanan terpaksa di-tambah sa-banyak \$8,000 daripada anggar tahun sudah kerana perjalanan yang terlibat dalam kerja ini akan bertambah.

Anggaran Perbelanjaan Khas juga bertambah sa-banyak \$1,000 daripada anggaran tahun 1967 untuk membolehkan Jabatan ini membeli 2 mesin taip—satu untuk Ibu Pejabat dan satu lagi untuk Pejabat di-Kelantan. Juga satu peti besi akan di-beli dalam tahun ini untuk menyimpan geran² di-Ibu Pejabat di-Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, jika di-perhatikan, anggaran gaji di-Pechahan-kepala I—Gaji, Butiran (5) dan (18), anggaran gaji untuk butiran² ini nampak berkurangan daripada tahun dahulu, walau pun jumlah jawatan-nya tetap sama. Sebab-nya ia-lah dalam tahun yang sudah², Jabatan ini mendapat perkhidmatan 4 orang Pegawai Pertempatan Tingkatan Khas yang sudah bersara. Mereka di-ambil bekerja sa-mula

dan di-beri gaji sa-rupa dengan tingkatan gaji Pegawai Pertempatan Tingkatan Khas juga. Apabila tempoh perkhidmatan mereka tamat, perkhidmatan mereka tidak di-baharu lagi dan 4 orang Pegawai Pertempatan yang baharu di-ambil, dengan demikian jumlah anggaran gaji menunjukkan berkurangan daripada tahun lalu.

Mengenai butiran (32), anggaran gaji untuk tahun 1967 tidak ada, tetapi bagi tahun ini anggaran itu di-tunjokkan sa-bagai \$3,582. Kedudukan-nya ia-lah pada tahun 1967, ada 3 jawatan Perkhidmatan Kerani 'Am (Butiran 31) tetapi hanya 2 jawatan yang di-isi. Jawatan Perkhidmatan Kerani 'Am yang kosong itu terlalu sukar untuk di-isi dan dengan demikian satu jawatan Perkhidmatan Kerani 'Am itu di-luputkan dan di-gantikan dengan satu jawatan Perkhidmatan Kerani Negeri Perlis. Tindakan ini sudah mendapat kelulusan pihak² yang berkenaan pada penghujung tahun 1967.

Pejabat Pesuruhjaya Tanah terus menjalankan dengan giat-nya tugas² terhadap:

- (a) Ranchangan Penyelesaian Tanah, Kelantan;
- (b) Ranchangan Penyelesaian Tanah, Perlis;
- (c) Mendaftarkan tanah² dan harta Kerajaan Persekutuan; dan
- (d) Pemereksaan Pejabat² Tanah di-Negeri².

Kemajuan yang telah di-chapai dengan pekerjaan tersebut tadi di-atas hingga akhir tahun 1967 ia-lah seperti berikut:

- (a) *Ranchangan Penyelesaian Tanah, Kelantan*—Ranchangan ini telah di-mulakan dalam tahun 1956 dengan tujuan membaiki kedudukan pendaftaran tanah² di-Negeri Kelantan yang mana telah di-anggap lebih kurang 400,000 keping tanah di-Negeri itu di-duduki dengan tiada mempunyai apa² Suratan Hakmilk yang tertentu.

Ranchangan ini maseh menjalankan kerja² penyelesaian tanah di-Kota

Bharu dan kejayaan yang telah di-chapai hingga akhir tahun ini ia-lah:

- (1) Jumlah keping tanah yang telah di-siasat 129,658
 - (2) Geran² di-daftarkan 88,401
 - (3) Geran² yang di-keluarkan ... 85,269
- (b) *Ranchangan Penyelesaian Tanah, Perlis*—Ranchangan ini ada-lah sa-rupa juga tujuan-nya seperti Ranchangan di-Kelantan itu, dan di-jangka lebih kurang 52,500 keping tanah ada-lah terlibat bagi menetapkan tuan punya tanah dan mengeluarkan Suratan Hakmilk Tetap yang tertentu. Hingga akhir tahun 1967, kejayaan yang telah di-perolehi ada-lah di-nyatakan di-bawah ini.
- (1) Jumlah keping tanah yang telah di-siasat banyak-nya ... 12,699
 - (2) Geran² yang di-daftarkan ... 8,030
 - (3) Geran² yang di-keluarkan ... 7,651
- (c) *Mendaftarkan tanah² dan harta Kerajaan Persekutuan*—Sa-bagaimana telah saya katakan tadi ada-lah menjadi satu daripada tugas Jabatan yang tersebut. Sa-banyak 2,060 keping tanah rezab Kerajaan Persekutuan menurut Undang² Tanah dan Perlembagaan telah dapat di-sediakan.
- (d) *Pemereksaan Pejabat² Tanah di-Negeri²*—Tuan Pengerusi, di-dalam tahun 1967 sa-banyak 14 buah Pejabat Tanah di-Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Penang, Perak dan Perlis telah di-lawati oleh Pesuruhjaya Tanah dan Penolong²-nya, dan laporan lawatan² itu telah di-sampaikan kepada Kerajaan² Negeri yang berkenaan untuk ma'aluman dan tindakan sewajarnya. Pada umum-nya kelemahan yang terdapat di-pejabat² tanah ia-lah maseh ada lagi pegawai² tanah yang belum memahami dengan sa-penoh²-nya Kanun Tanah Negara. Dalam segi ini, kursus² pentadbiran tanah sedang giat di-jalankan

di-Dewan Latehan Pegawai Kanan di-Petaling Jaya dan Pesuruhjaya Tanah, Negeri² Tanah Melayu bekerjasama dengan erat-nya dengan Pusat itu untuk memperbaiki lagi keadaan itu.

Kepala B. 50—Galian—\$1,385,132

Jumlah anggaran untuk Jabatan Galian bagi tahun ini ia-lah \$1,385,132, dan ini merupakan tambahan sa-banyak \$46,221 daripada anggaran perbelanjaan tahun lalu. Kelebehan tersebut ada-lah di-sebabkan oleh terutama sekali, kelebehan di-bawah Pechahan-kepala I—Gaji ia-itu sa-banyak \$26,740. Tidak ada jawatan baharu di-tambah. Kelebehan perbelanjaan di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun ia-lah \$12,272 manakala kelebehan perbelanjaan tahun 1968 daripada 1967 untuk Perbelanjaan Khas ia-lah sa-banyak \$7,209 sahaja. Tambahan² ini tiada besar dan ini ada-lah perkara biasa.

Tuan Pengerusi, seperti Dewan ini ma'alum, tugas utama Jabatan Galian ia-lah mengawal dan mengawasi pekerjaan mencharigali dan melombong dan juga bertanggung-jawab tentang menguat-kuasakan undang² melombong. Supaya membolehkan hasil² bumi negara ini di-keluarkan dengan lebeh banyak lagi dan dengan chara² yang lebeh baik, Bahagian Penyelidikan Jabatan ini senentiasa menjalankan penyiasatan² untuk membaiki dan menchari kaedah² baharu untuk membilas logam dan juga chara melombong yang lebeh sempurna. Bahagian ini juga menjalankan pekerjaan Chawangan Gerudi Menyiasat Galian yang kini sedang menyiasat kandungan isi bumi di-kawasan² Simpanan Melayu di-beberapa buah negeri di-Malaysia Barat. Dengan perkembangan yang demikian, tidak-lah hairan apabila didapati bahawa di-Pechahan-kepala 17 anggaran sa-banyak \$18,000 di-pohonkan untuk membeli satu alat "electro static separator" untuk bahagian ini supaya pekerjaan bahagian ini dapat di-lichinkan lagi. Alat ini akan digunakan untuk menyiasat tentang perpisahan logam² (separation of ores) yang bernilai yang terdapat sa-bagai

"by-product" perlombongan bijeh timah. Demikian juga hal-nya dengan Pechahan-kepala 15 di-mana satu peruntukan baharu sa-banyak \$22,000 di-pohonkan untuk membayar elauh kepada sa-orang pakar "mineral dressing" dalam bahagian ini. Pakar itu belum lagi bertugas, tetapi ada-lah di-harapkan bahawa perkhidmatan-nya dapat di-perolehi dalam tahun ini untuk membantu dan menasihatkan pegawai² tempatan dalam beberapa lapangan teknik yang pegawai² kita tidak berapa berpengalaman.

Tuan Pengerusi, bijeh timah terus menjadi puncha utama hasil bumi Negara kita. Pada penghujung bulan Oktober 1967, bilangan lombong bijeh timah yang bekerja ia-lah 1,109 ia-itu 7 kurang-nya daripada penghujung bulan Oktober 1966. Lombong² itu terpaksa di-tutup kerana kehabisan bijeh. Namun demikian, bagi tempoh itu tahun ini ada-lah sa-banyak 60,223 tan, ia-itu tambahan sa-banyak 3,249 tan daripada tahun dahulu 1966. Adalah di-jangka bahawa sa-hingga penghujung tahun 1967 kita telah dapat mengatasi 70,000 tan, ia-itu angka yang paling tinggi sejak tamat Peperangan Dunia II.

Sa-lain daripada bijeh timah, pengeluaran bijeh besi dan bauxite juga sangat memuaskan. Mungkin penghasilan bijeh besi berkurangan tahun ini kerana kemerosotan simpanan bijeh, tetapi penghasilan bijeh bauxite di-jangka akan melebehi angka 940,447 tan yang di-keluarkan dalam tahun 1966.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralah pula kepada Kepala B. 51—Jabatan Ukur dan jumlah anggarannya bagi tahun ini ia-lah sa-banyak \$14,331,289, ia-itu berlebehan sa-banyak \$238,107 daripada anggaran tahun sudah. Tambahan itu ada-lah di-sebabkan oleh kenaikan tahunan gaji pegawai² dan kaki-tangan dalam jabatan tersebut. Jabatan ini mempunyai 4,039 orang pekerja², ia-itu sa-ramai 2,437 Pegawai dan kaki-tangan dalam Bahagian I-IV dan sa-ramai 1,602 orang buroh kasar.

Dua jawatan Jurutaip baharu di-wujudkan dan di-samping itu dua

jawatan telah di-naikkan perengkat, ia-itu satu jawatan Juruteknik, Perengkat-biasa ka-Perengkat Khas dan satu jawatan Penyelenggara Setor daripada Perengkat-biasa ka-Perengkat Kanan.

Di-bawah lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun kekurangan belanja ia-lah sa-banyak \$44,435 jika dibandingkan dalam anggaran tahun sudah. Kemerosotan terutama sa-kali ia-lah \$30,000 bagi Pechahan-kepala 4—Belanja Ukor Rupabumi Umum. Daripada pechahan-kepala ini \$10,000 di-kurangkan bagi Butiran (2)—Alat dan Bahan Teknik dan sa-banyak \$20,000 lagi di-kurangkan daripada Butir (3) ya'ani Pengangkutan dan Perjalanan. Pechahan-kepala 6 dan 7 juga berkurangan daripada anggaran tahun sudah. Di-bawah Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun hanya Pechahan-kepala 2 sahaja yang menunjukkan tambahan daripada tahun sudah. Tambahan sa-banyak \$15,115 itu ada-lah untuk membayar yuran sekolah 81 orang budak² pejabat jabatan ini sa-banyak \$7 sa-bulan dan juga untuk membayar perbelanjaan untuk ayer dan api bagi dua bangunan pejabat yang baharu di-Melaka dan di-Kulim. Kedua² bangunan ini berhawa dingin dan memerlukan kuasa letrik yang banyak.

Bagi Perbelanjaan Khas, anggaran tahun ini menunjukkan berlebihan sa-banyak \$16,885 daripada anggaran tahun lalu. Pechahan-kepala 12 ada menunjukkan tambahan lebih kurang \$14,000. Anggaran sa-banyak \$22,000 untuk Pechahan-kepala ini kebanyakannya ada-lah untuk membeli satu set "weight and measures" kerana set yang ada sekarang ada-lah sudah lama dan tidak pernah di-sahkan atau pun dalam bahasa Inggeris-nya di-verify. Dengan demikian set yang lama itu akan di-hantar ka-England untuk di-sahkan dan sementara set itu di-England, set yang baharu mesti-lah ada di-sini kerana Penguasa Wokshop Alat ia-lah Penyimpan Timbang dan Sukat. Tanpa set timbang dan sukat itu, beliau tidak dapat menjalankan tugas²nya dengan sempurna. Pechahan-kepala 13 ada menunjukkan tambahan sa-banyak \$5,040 dan ini ada-lah untuk

membeli peti besi untuk menyimpan dengan sempurna-nya peta² dan pelan² di-Pejabat ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Kepala B. 52 pula—Jabatan Penyiasatan Kajibumi (Malaysia Barat) saya pohonkan anggaran untuk tahun ini sa-banyak \$1,209,441 ia-itu bertambah sa-banyak \$43,808 daripada anggaran tahun lalu, atau lebih kurang 3.8% tinggi-nya daripada tahun 1967. Kesemua kenaikan ini ada-lah di-sebabkan oleh Pechahan-kepala 1—Gaji ia-itu untuk kenaikan tahunan gaji² pegawai² dan kakitangan²-nya. Tidak ada jawatan baharu telah di-wujudkan. Anggaran Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun di-kurangkan sa-banyak \$1,928 daripada tahun lalu dan anggaran Perbelanjaan Khas juga dapat di-kurangkan sa-banyak \$2,428 daripada tahun sudah.

Tuan Pengerusi, Jabatan Kajibumi ini akan terus menjalankan projek jangka panjang-nya mengenai pemetaan asasi sistemetik yang berseki 1 inchi "bersama dengan 1" batu untuk seluruh Malaysia Barat. Serentak itu Jabatan ini juga menjalankan projek jangka pendek-nya yang ada hubungan erat dengan projek² ekonomi yang telah di-ranchangkan pada keseluruhan-nya. Penyiasatan kajibumi bagi Ranchangan Perbekalan Ayer Kuala Lumpur sudah pun di-selesaikan. Ranchangan ini sangat mustahak, kerana bertambah-nya penggunaan ayer di-Kuala Lumpur untuk rumah-tangga dan juga untuk kegunaan perusahaan². Penyiasatan kajibumi untuk Ranchangan Segitiga Jengka telah pun siap dan tugas Jabatan ini sekarang bersangkutan dengan Segitiga Jengka ia-lah untuk mendapat maklumat mengenai ayer bawah-tanah dalam kawasan yang tertentu untuk menolong merancang pusat² kediaman dalam kawasan itu.

Jabatan ini juga membuat analisa² kimia untuk perusahaan melombong, pehak² berkuasa chukai dan kastam, pencharigali, yayasan² penyelidik dan juga untuk orang persaorangan. Baik-nya mutu analisa², atau cherakinan Jabatan ini terbukti apabila pembeli² bijeh sa-berang laut mendesak bahawa segala cherakinan² bijeh yang di-beli

itu hendak-lah terlebih dahulu diselenggarakan oleh Jabatan ini, meskipun bayaran untuk cherakinan itu tinggi daripada yang di-kenakan oleh pencherakin suwa, atau pun private.

Tuan Pengerusi, tadi ada saya sebutkan apabila saya mengulas mengenai Jabatan Kajibumi Malaysia Timor bahawa Jabatan Kajibumi Malaysia Barat juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan Pegawai Kajibumi baharu. Di-masa ini, Jabatan Kajibumi Malaysia Barat mempunyai 12 orang Pegawai Kajibumi manakala jawatan² yang ada ia-lah 24 orang. Sebab-nya kesukaran itu berlaku ada-lah sama seperti yang telah saya sebutkan untuk Malaysia Timor, ia-itu tidak banyak anak² Malaysia yang mengambil jurusan ini dan juga jika mereka bukan belajar atas biasiswa Kerajaan, mereka lebih suka berkhidmat dengan saudagar² kerana gaji yang lebih tinggi. Jabatan ini ada mengeluarkan 2 biasiswa tiap² tahun untuk kursus Kajibumi dan 1 biasiswa lain untuk kursus "post-graduate".

Walau bagaimana pun, sungguh pun Jabatan ini bekerja dengan kekurangan tenaga sa-banyak 50% perjalanan Jabatan ini tidak-lah begitu terganggu. Semua jawatan² yang di-penuhi itu ada-lah di-pegang oleh warganegara Malaysia. Pegawai dagang yang terakhir telah menamatkan perkhidmatannya tahun lalu. Di-sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan terima kaseh kepada sakalian pegawai² yang berkenaan itu yang telah bekerja dengan begitu susah payah untuk menjalankan pentadbiran Jabatan ini.

Ada-lah di-jangka bahawa dalam tahun ini sa-kurang²-nya dua penerbitan akan di-keluarkan oleh Jabatan ini, ia-itu mengenai:

- (i) Kawasan Bentong—mengenai timah atau pun tin lode
- (ii) Kelantan Utara dan Trengganu sedang di-siasat juga oleh Jabatan ini.

Mungkin juga satu penerbitan mengenai kelompok² bauxite di-Johor dapat diterbitkan dalam tahun ini. Kaedah baharu cherakinan itu di-buat dengan

menggunakan alat X-ray fluorescence. Alat ini dapat mempercepatkan kerja dan cherakinan-nya juga sangat-lah tepat.

Kini ada 6 orang ahli kajibumi Kanada yang bertugas dalam Jabatan ini. Perkhidmatan mereka di-perolehi menerusi Ranchangan Pertolongan Teknikal dari Kanada. 4 daripada mereka sedang melaksanakan penyiasatan luar di-Pahang dan Johor yang meliputi kawasan sa-luas lebih kurang 3,500 batu persegi.

Jabatan ini juga sedang membuat penyiasatan lanar atau pun alluvium di-Lembah Kinta untuk mengesahkan perhubungan bijih timah dengan jenis² lanar.

Tuan Pengerusi, saya sekarang beralah pula kepada Kepala B. 53—Perhutanan dan untuk Kepala ini saya pohonkan sa-banyak \$2,082,122, ia-itu bertambah sa-banyak \$269,053 atau 14.8% daripada tahun 1967. Butir² tambahan anggaran perbelanjaan² itu terbahagi seperti berikut:

(a) Gaji	\$1,405,152	tambahan	\$176,683
(b) Lain ² Perbelanjaan Berulang Tiap ² Tahun ..	566,460	tambahan	65,860
(c) Perbelanjaan Khas	110,510	tambahan	26,510
Jumlah tambahan ..			\$269,053

Tambahan anggaran kepada Pechahan-kepala 1—Gaji—di-sebabkan kenaikan tahunan gaji semua pegawai² dan kakitangan dan juga kerana wujudnya 32 jawatan² baharu, termasuk 20 jawatan baharu khas untuk menjayakan Ranchangan Ladang Pemandu Pokok² Chepat Besar Pilot Plantation of Quick Growing Industrial Tree Species dibawah ranchangan United Nations Development Programme (Special Fund) yang sedang berjalan. Anggaran projek ini ada-lah dalam Anggaran Pembangunan. Jawatan² bagi ranchangan U.N.D.P. itu telah pun di-luluskan dalam tahun lalu, dan peruntukan gajinya ada-lah di-masokkan dalam Anggaran Biasa. Jawatan² baharu yang di-wujudkan untuk projek ini ia-lah:

1 Pelayan Pejabat	...	Bahagian IV
1 Attendan Makmal	...	Bahagian IV
6 Pengawas Hutan	...	Bahagian III
1 Jurutaip	...	Bahagian III
2 Pembantu Makmal Rendah	...	Bahagian III

3 Pembantu Penyelidek	Bahagian III
3 Juruteknik	Bahagian III
2 Penolong Teknik ...	Bahagian II
1 Penolong Rendah Pemeliharaan Hutan ...	Bahagian II

12 Jawatan lain yang baharu diwujudkan itu ia-lah:

1 Attendan Makmal ...	Bahagian IV
1 Juruteknik Rendah ...	Bahagian III
2 Jurutaip	Bahagian III
2 Pembantu Makmal ...	Bahagian III
1 Pembantu Penyelidek	Bahagian III
1 Renjer Hutan—Tingkatan Biasa	Bahagian III
1 Penolong Perpustakaan	Bahagian II
2 Pegawai Perchubaaan	Bahagian II

Jawatan² baharu ini ada-lah perlu kerana perkembangan usaha² yang dijalankan oleh Jabatan ini di-Kepong. Umpama-nya mulai tahun ini, Maktab Hutan Kepong akan melateh 90 orang Pegawai² Hutan Rendah tiap² tahun dan bukan 60 orang saperti dahulu. Jawatan Penolong Perpustakaan pula di-perlukan untuk menyesuaikan Pusat Penyelidekan Kepong menyimpan buku² dalam perpustakaan-nya yang banyak itu dalam keadaan yang lebeh sempurna lagi.

Anggaran Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun pula menunjukkan kelebihan anggaran sa-banyak \$65,860 daripada tahun sudah kerana melichinkan lagi urusan² penyelidekan yang productive dan membena. Makmal penyelidekan kayu dan makmal kimia, pengukoran hutan (forest mensuration) dan makmal penyelidekan tumbuhan² hutan perlu di-modenkan lagi. Ladang² perchubaaan, penyenggaraan jalan² dan bangunan² juga mustahak di-perbaiki untuk menyenangkan pekerjaan. Dalam bidang pentadbiran pejabat, perbelanjaan mengenai api dan ayer, talipon dan alat² chetak tidak dapat di-elakkan dan perbelanjaan ini tentu-lah bertambah sa-imbang dengan penggunaan makmal² dan bilek² sejok untuk menyimpan chontoh² botanical serta biji benih.

Anggaran Perbelanjaan Khas bertambah sa-banyak \$26,510 daripada tahun sudah. Ini ia-lah kerana beberapa perkakas dan kelengkapan khas perlu di-beli untuk bahagian penyelidekan di-Kepong. Pechahan-kepala 12—Perkakas dan Kelengkapan Pejabat umpama-nya

memerlukan wang sa-banyak \$44,200 dan daripada jumlah itu, sa-banyak \$40,000 ada-lah untuk makmal penyelidek sahaja. Pechahan-kepala 14 dan 15 ia-lah untuk bayaran elaun² pakar² dan sukarelawan² daripada luar negeri.

Satu ranchangan baharu, Tuan Pengerusi, ia-itu Ranchangan Pembangunan Perusahaan Hutan (Forest Industry Development Project), satu lagi pertolongan daripada U.N.D.P. (Special Fund) mungkin dapat di-mulakan pada tahun ini dan ini juga memerlukan perkhidmatan pegawai² tempatan. Jika demikian, sa-orang pegawai kanan di-Ibu Pejabat Hutan akan di-tugaskan untuk menjadi Co-Manager dalam projek ini yang akan meliputi ranchangan perusahaan hutan bagi seluroh Malaysia. Dengan ada-nya projek ini dan juga projek² yang saya sebutkan tadi, tidak-lah hairan jika anggaran Jabatan ini bertambah lebeh kurang \$269,000 daripada tahun lalu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beraleh kapada Kepala B. 54—Jabatan Mergastua dan Anggaran yang di-minta bagi tahun ini ia-lah \$251,299 sahaja. Angka ini menunjukkan kekurangan daripada tahun 1967 sa-banyak \$2,125. Kekurangan ini tidak menunjukkan sesuatu yang ganjil kerana jika di-perhatikan, Pechahan-kepala 1—Gaji, Butiran (1)—Ketua Pelindung Mergastua, gajinya di-“turunkan” daripada \$16,320 kapada \$3,240 sahaja. “Turun”-nya gaji itu bukan-nya apa² melainkan bahawa Ketua Pelindung Mergastua sekarang ini sedang memangku jawatannya. Jawatan “substantive” beliau ia-lah Pelindung Mergastua Taman Negara dan gaji-nya di-bayar daripada Butiran (12). Anggaran gaji \$3,240 di-Butiran (1) ia-lah elaun pangkuan bagi beliau.

Dalam tahun ini, Jabatan ini mendapat satu jawatan baharu, ia-itu Renjer Mergastua, Tingkatan II di-Butiran (6). Jawatan ini di-perlukan untuk antara lain, membantu sa-orang pakar Ranchangan Colombo dalam bidang Penghidupan Binatang² Liar (Wild Life Expert) yang sedang berkhidmat dalam Jabatan ini.

Lain² anggaran, baik di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun

mahu pun untuk Perbelanjaan Khas tidak menunjokkan tambahan yang banyak melainkan tambahan biasa sahaja.

Tuan Pengerusi, sekarang saya sampai kapada Kepala B. 55—Jabatan Orang Asli yang memerlukan anggaran sa-banyak \$2,315,500 ia-itu \$110,098 atau pun 5% berlebihan daripada tahun dahulu.

Tambahan² ini di-sebabkan oleh kenaikan tahunan gaji dan juga beberapa jawatan baharu di-bawah Pechahan-kepala 1—Gaji. Tahun ini sa-banyak 13 jawatan baharu di-perlukan, ia-itu :

- (a) satu jawatan Pelindong Orang Asli (untuk pentadbiran Bahagian Perubatan) untuk merengankan pekerjaan pegawai² Perubatan di-Rumah Sakit Orang Asli, Gombak daripada mengendalikan tugas² yang tidak bersangkutan dengan bahagian itu. Ini membolehkan mereka menumpukan segala usaha² mereka kapada perkhidmatan perubatan sahaja.
- (b) satu jawatan Matron Grade I untuk menyelia Hospital Orang Asli di-Gombak. Jawatan ini sangat² di-perlukan supaya rumah sakit itu dapat berjalan dengan baik lagi.
- (c) 7 jawatan Pembantu Orang Asli (Perubatan) untuk menjaga pos² perubatan yang telah di-bena didalam hutan di-bawah Anggaran Pembangunan.
- (d) 4 jawatan Pengurus Orang Asli (Pelajaran) untuk mengajar² di-sekolah² Orang Asli yang telah di-bena dalam kawasan di-pendalaman.

Untuk Perbelanjaan Lain² Berulang Tiap² Tahun, tambahan anggaran untuk tahun ini daripada tahun sudah ia-lah sa-banyak \$19,663 di-sebabkan oleh bertambah-nya pos² perubatan di-pendalaman dan di-Gombak dan juga bertambah-nya perkhidmatan pelajaran untuk anak² Orang Asli. Bagi tahun ini, ada-lah di-jangka bahawa Orang Asli yang akan di-rawat di-Gombak sahaja akan melebihi 4,500 orang

berbanding dengan 4,000 tahun sudah, manakala kanak² Orang Asli yang di-bangku sekolah, dan semua-nya mendapat bantuan Kerajaan Perikatan kita, akan meningkat daripada 3,900 kapada 4,500.

Anggaran Perbelanjaan Khas hanya bertambah sa-banyak \$651 daripada tahun lalu. Kesemua tambahan di-Pechahan-kepala 15, ia-itu lebih kurang sa-banyak \$10,000 ia-lah untuk elaun anggota² sukarela dari luar negeri.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan mengucapkan terima kasih kapada kesemua pegawai² di-bawah Kementerian Ke'adilan dan Kementerian Hal Ehwal Tanah dan Galian yang telah bekerja begitu kuat dan begitu susah payah sungguh pun beberapa jabatan itu seperti Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kajibumi tidak mempuhnyi pegawai² yang cukup. Jika di-dalam menjalankan tugas mereka ini di-dapati ada kelewatan sedikit, saya harap Ahli² Yang Berhormat dan orang² ramai akan faham bukan-lah kelewatan itu di-sengaja oleh Pegawai² itu, tetapi sa-mata² kerana mereka itu penoh dengan tugas sedangkan bilangan pegawai-nya tidak cukup.

Tuan Pengerusi, saya memohon per-untukan² yang telah saya nyatakan di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.20 petang.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 5.35 petang.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambung sa-mula.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran perbelanjaan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya mengambil

bahagian dalam perbahathan ini dalam beberapa Kepala di-antara-nya dan menarek perhatian kapada B. 42—Kehakiman. Sa-bagaimana yang kita sedia ketahui telah menjadi amalan dalam negeri ini ia-itu sa-saorang yang di-da'awa di-mahkamah waktu bichara mereka itu kena berdiri. Oleh itu saya pohonkan supaya dapat di-kaji dan di-timbangkan satu sistem yang membolehkan mereka itu dudok waktu di-da'awa menghadapi perbicharaan. Ini saya fikir, Tuan Pengerusi, memberikan peluang yang bebas, mereka berfikir, berchakap waktu di-da'awa hendak mendapatkan kea'adilan itu, kerana sa-tengah² mereka itu lebeh sesuai, lebeh bebas mereka dudok pada waktu mengemukakan hujjah².

Yang kedua, Tuan Pengerusi, B. 43, ia-itu Mahkamah Tinggi. Kita melihat bagaimana hebat-nya gerakan² hendak menggulingkan supaya menjatuhkan Kerajaan yang ada sekarang yang di-usahkan oleh sa-tengah² parti saperti Parti Buroh yang terdiri daripada warganegara Malaysia kita yang bekerjasama, yang di-anjorkan oleh Parti Komunis China atas tujuan hendakkan sa-buah Kerajaan yang berdamping dengan negeri itu sa-bagaimana yang di-umumkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita waktu merasmikan Persidangan Gempor baharu² ini.

Sa-lain daripada itu saya memahamkan bahawa gulongan ini juga membuat kachau, membuat huru-hara, merosakkan perpaduan negara, merosakkan keamanan negara. Tujuan-nya tidak lain ia-lah supaya bertambah hebat maksud-nya hendak menggulingkan Kerajaan yang ada sekarang. Saya nampak, Tuan Pengerusi, menurut hemat saya, Kementerian Ke'adilan ini telah sampai masa-nya menubuhkan sa-buah Mahkamah Tertinggi Keselamatan Negara atas tujuan membi-charakan musoh² ra'ayat dan musoh² negara yang sa-benar-nya. Ini akan mengurangkan kerja yang di-tanggung oleh Mahkamah² yang ada sekarang.

Kemudian saya beraleh dalam B. 49, ia-itu Pesuruhjaya Tanah. Walau pun masaalah ini ada-lah kuat-kuasa

Negeri, tetapi kita sedang mengamalkan Undang² Tanah Kebangsaan. Satu perkara yang saya hendak bangkitkan dalam perkara tanah ini, ia-itu berhubong dengan pungutan chukai. Pungutan Chukai sekarang kira-nya tuan punya tanah itu lewat membayar chukai dalam masa yang di-tentukan, maka tanah-nya akan di-batalkan oleh Pejabat Tanah. Oleh itu saya minta-lah dengan kerjasama Yang Berhormat Menteri ini kapada Kerajaan² Negeri supaya dapat merengankan, atau mengurangkan tempoh ini demi untuk kepentingan ra'ayat yang dalam keadaan meleset. Sekarang harga getah murah, musim banjir, tambahan pula sekarang sudah musim kemarau pula. Jadi dengan kekurangan, kemelesetan hidup ra'ayat itu kadang kala mereka tidak berupaya hendak membayar chukai yang di-tentukan oleh Pejabat² Tanah.

Kemudian satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, berhubong dengan Perhutanan, B. 53 Penggunaan Kayu. Ini ada dua perkara yang saya patut menarek perhatian Dewan yang mulia ini, ia-itu kita sedia ma'alum kayu balak ia-lah satu hasil negara yang besar, tetapi tidak sunyi juga ada taukeh² kayu balak ini melarikan diri mengelakkan diri-nya daripada dikenakan chukai. Kadang-kala mereka membawa kayu² balak waktu malam² hari. Hal yang macham ini saya harap supaya dapat di-adakan kawalan yang ketat yang sempurna supaya tidak-lah hasil negara kita itu terlepas dengan angkara yang di-buat oleh mereka.

Yang kedua, taukeh kayu balak ini pula mengambil kayu jenis yang baik² sahaja bila mana dia sudah tebang kayu di-hutan, itu sahaja yang di-ambil untuk di-keluarkan. Pada hal banyak pula kayu yang di-tinggalkan-nya didalam hutan itu. Kayu ini kalau di-ambil, boleh di-jual dan boleh mengeluarkan hasil negara. Perkara yang macham ini juga kita patut mengambil perhatian kapada manusia² yang tamak yang merosakkan hasil negara ini.

Kemudian saya mengalehkan pandangan saya dalam usaha menyelesaikan permohonan tanah. Saya sangat

berterima kaseh dan ra'ayat dalam negeri ini sangat berterima kaseh atas usaha yang baharu di-buat oleh Kerajaan berhubung dengan menyelesaikan permohonan tanah pada tiap² Negeri. Hal ini, Tuan Pengerusi, dalam masaa-lah tanah ini memang menjadi satu masaa-lah yang besar kepada ra'ayat. Kadang² ra'ayat yang tidak sabar dia telah mencheroboh tanah Kerajaan itu, di-tanam-nya barang² yang ada hasil, kemudian apabila dapat hasil, ada kala-nya sampai 10 tahun atau 15 tahun tanah itu belum ada kebenaran yang di-beri oleh Kerajaan atas kadar A.O. dan jauh daripada geran. Jadi masaa-lah² yang di-jumpa sa-umpama ini, kira-nya kita dapati benar² orang yang mencheroboh ini, orang yang tidak mempunyai tanah, patut kita anugerahkan kepada dia dan kita denda dia sedikit untuk hasil negara. Bila kita kenakan denda bagini, Tuan Pengerusi, saya fikir patut juga Kerajaan memberi satu pertimbangan chara membayar. Ada-kala-nya sa-tengah² Negeri menjalankan pertadbiran orang yang mencheroboh tanah, kena membayar premium sa-kali gus \$500. Bagi ra'ayat yang miskin dan tidak ada mempunyai hasil yang lumayan, sangat sulit-lah dia hendak membayar sa-kali gus \$500 dalam tempoh satu bulan. Oleh itu saya fikir patut di-longgarkan masaa-lah ini demi hendak memberi ra'ayat tanah. Kita boleh beri dia tempoh ber-ansor dengan perengkat², kalau \$500 dalam masa lima bulan mithal-nya.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, dalam urusan Penyelidikan. Kita telah mendengar satu pakar telah datang ka-dalam negeri ini untuk menanam sa-jenis pokok yang saya ingat bernama pokok pine—kalau salah Yang Ber-hormat Menteri Tanah dan Galian boleh membetulkan.

Menurut apa yang saya faham pokok ini boleh menjadi bahan untuk mem-buat kilang kertas. Jadi yang saya ingin tahu sa-takat ini ranchangan menanam pokok ini chara berleluas, sa-takat mana di-buat dan saya merayu kepada Kerajaan supaya di-usahakan dengan lebeh besar supaya satu masa kelak negeri ini kita dapat mendirikan kilang

kertas dan tidak lagi kita mengimpot kertas daripada luar negeri.

Saya fikir itu sahaja, Tuan Pengerusi, dan dengan ini saya menyokong Rang Undang² ini.

Tuan Siow Loong Hin (Seremban Barat) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, in rising to support the estimates for the Ministry of Lands and Mines, I would like to bring out a number of points for the consideration of the House and the Honourable Minister.

As was said just now by my Honour-able colleague opposite, this question of land which is being utilised by people under temporary occupation licences is a serious one. Under Section 65 of the National Land Code, provision is made for temporary occupation of land. This concept, Mr Chairman, Sir, of a T.O.L., I think, is a concept that could only be applied during the time of the colonial days. The reason I say this, Sir, is that the term "TOL" itself denotes tem-porary occupation. As provided for in the Land Code, it is for a period of one year and it is renewable for the purposes it is applied for. I think all of us are aware that in this country there are T.O.Ls that have existed for some 30/40 years. Now, these T.O.Ls had been issued during the time when we were a colonial country. In fairness to the citizens of this country, who would like to have security of tenure, who would like to have a stake in this country, these T.O.Ls should, as far as possible, be converted into either quali-fied titles or title lands as provided for in the National Land Code. It is rather invidious for a situation like this to go on for years. Normally, when people apply for a T.O.L., after having taken some trouble to search for the land, they are not quite sure whether they would like to have a title to the land; but after a period of time, I think, when they are satisfied with the land, they should be encouraged to apply for title for ownership of the land.

On this subject of T.O.L., Mr Chair-man, Sir, it is a known fact that, in the case of T.O.Ls, today most of the rural people have to undergo considerable hardships even to renew their licences.

The procedure is rather lengthy. First and foremost, the person will have got to search for the *Penghulu* in that area to certify, or to recheck the land and sign on a slip of paper, before he or she could present it to the Land Office for paying the yearly fees; and after paying the yearly fees, normally, they have got to wait for a person of authority, the Collector, or the Assistant Collector of Land Revenue, to sign the documents before the licence is issued. On many occasions kampong people have come and complained that sometimes it takes as long as two or three weeks, and going two, three, or even four times to the District Office before they could even get the T.O.L. renewed. Mr Chairman, Sir, I think this situation can be ameliorated if the Collector of Land Revenue would delegate powers to a senior member of the staff in the Land Office to sign these documents. This would help in expediting the yearly issue of T.O.Ls to these people who at present have got to go to the District Office a number of times and thereby not only is time wasted but also man-hours are wasted in terms of work—and in terms of revenue the loss is also considerable.

Whilst on this question of T.O.L., Mr Chairman, Sir, I would like to appeal to the Honourable Minister to consider issuing titles, in particular titles to the new villagers. It has now been many years since the new villages have been in existence, but in most cases the new villagers have not yet been issued with titles for their land. A couple of years ago, the Government made a move to issue titles to house lots in the new villages and some of them have been asked to pay the required fee. The fee has been paid, but up to now in most cases titles have not been issued as yet. We can realise the difficulty the Government is facing, because survey has got to be undertaken and, according to the provisions laid down, it must be done by Government Surveyors. The Government Surveyors are very busy, because of the fact that we have got a rural development programme. I wonder, Mr Chairman, Sir, whether the Honourable Minister would consider allowing private surveyors to under-

take this survey of new village lots, so that they could expedite the issue of qualified titles for these people. Again, Government survey costs something like \$150, whereas a private survey costs about half the amount. In that case, I think it will be a great help to these poor people, if the Government would permit them to approach private licensed surveyors to do this work, as we do allow for any sub-division of private lands.

Whilst on this question of land, Mr Chairman, Sir, I would like to refer to the Land Acquisition Act, No. 34 of 1960, Section 69. I am bringing this point up by reading Section 69, under Rules, which says: "The Minister may, with the approval of the National Land Council, make rules generally for carrying out the provisions of this Act and, without prejudice to the generality of such power, may (a) provide for the guidance of officers in all matters connected with this Act; (b) and to, amend or revoke all or any of the forms in the Second Schedule; (c) provide for the return to the owners of documents and deeds of historic or other interest, pursuant to the provisions of subsection 3 of Section 26".

Mr Chairman, Sir, at present there are no rules for the workings of this Land Acquisition Act, 34 of 1960. The present rules of working are on past procedures. In fact, if there is a proper set of rules set out, it would provide for uniformity of procedure. As we know, the methods under this acquisition are different; experienced Collectors would know the procedure regarding this collection but new Collectors will find great difficulty as they have no experience, especially in reference to enquiries on values, on compensation of appeal, and time factor. I would suggest, Mr Chairman, Sir, to the Honourable Minister for his consideration whether it would be possible to set up an Appeal Board to hear appeals instead of referring them to the High Court, thereby removing costly judication. On valuation itself, it is discretionary at present, and there are no guidelines on which to act. This probably is due to the fact that properties in this country, especially in the

urban areas, have not been valued and is left completely to the free market. This undoubtedly gives room to inflationary prices of property depending on the rate of investment. Though this may appear right in a free economy, it does give rise to unrealistic prices for property and open the way to inflationary trends. The acquisition procedure, at present, is, on enquiry a value is set and the owner is given the order notice and informed of the valuation arrived at. He could then accept the valuation under protest *in toto*, or if he does not accept the money within 6 months, he must appeal to the High Court. If we have this Appeal Board or a Board of Assessors established, it would assist the Collectors to give proper valuation to properties, and at the same time remove this question of lengthy and costly judication between the Government and the land owners.

Under Head B. 50, Mr Chairman, Sir, I would like to touch on a section under the Mining Ordinance. I think the Honourable Minister is aware, in the first instance, that there have been lot of difficulties for people applying for mining land, despite the fact that the Government has agreed that mining takes priority over agriculture. Normally, the case has been that a man spends considerable time and money to find an available piece of land for mining, after which he submits his plans to the Collector of Land Revenue for consideration by the various Departments. What happens is that in the length of time that elapses from the time he applies and the time he has been notified, a large number of conflicting applications have come in on the same piece of land. If we could have the principle of, if a person has applied for a land, he is given immediate permission to do prospecting, then this delay would not have arisen, and it would not give rise to a number of allegations of malpractices. It is a known fact that on practically all mining applications there are heaps and heaps of conflicting applications on the same area.

I would not go into the reasons how it happened, but I think it is quite obvious how it has happened: Mr "A"

has applied for a piece of land; in course of time, there would be some 10 or 20 people applying for the same piece of land. It is provided for in the Mining Ordinance, of course, that a person who applies for a piece of land does not have a right that he should be given it. I do not question this; I do not say that he must be given the right for mining lease; but, at least he should be given the first right to do prospecting; and in the course of prospecting too there are many hazards to be encountered, because one has got to refer it to the Forest Department, to the Agriculture Department, even though it is forest land, and so forth.

I am wondering, Mr Chairman, Sir, whether the Honourable Minister would consider, after all if it is a prospecting permit, in what way will it actually harm the land, because if a man has prospected and found no mineral deposits in the land, he will eventually relinquish his prospecting licence and the land reverts back to what it was originally before. But if he has prospected the land and found mineral deposits, then, in view of the Government's policy of mining taking precedence over agriculture, the mining lease could then be opened up for him. There are many instances where people have got to wait even for a prospecting permit as long as one, two or three years, and there are instances, even when prospecting has been done and application submitted for the issue of mining leases, where it has taken them quite a considerable time. This, I think, has been the bugbear of most miners in this country, and in particular the small miners, who are finding it hard to get good mineral land, good deposits, to extract mineral.

Mr Chairman, Sir, referring to Head B. 48, regarding the Geological Section, we understand that a geological survey has been done in this country on mineral deposits that can be extracted. I wonder, Mr Chairman, Sir, regarding this extraction of mineral deposits in this country, to what extent are we pushing this hard enough to get the mineral deposits out. There have been instances where people, applying or who

wish to apply for the extraction of minerals, have got to undergo a considerable amount of red-tape before they can do so. I wonder whether the Honourable Minister, in encouragement of this extraction of minerals which will be a revenue income for the country, would relax some of these administrative rules that may be in existence at present. In fact, there should be greater encouragement for people to go around, just like in the early days when in America people went to Yukon to look for gold, pan-handlers going to a gold rush, people going around looking for all the minerals available in the land. There must be some easier way out to help the extraction of minerals in this country, rather than the long devious procedures which we have got to adopt at present. Thank you, Sir.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan bagi Kementerian Kehakiman, dan saya ingin berchakap atas muka 442—Mahkamah Tinggi Malaysia Barat, Butiran (21). Di-sini saya lihat ada tambahan sa-banyak 6 orang Mejis-teret dan saya perchaya Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam negara kita ini sangat kurang Hakim² untuk hendak membicharakan kes² yang banyak tertangguh—ada di-tangguhkan di-antara tiga bulan sa-hingga sa-tahun pun ada—dan kes² yang di-tangguhkan yang tidak di-bicharakan. Jadi, saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri boleh tambah lagi Mejis-teret² supaya dapat segerakan pelaksanaan perbicharaan terhadap orang² yang di-da'awa di-mahkamah supaya dapat di-selesaikan. Oleh kerana perkara ini sangat mustahak, kalau kes² ini tertangguh, orang yang di-da'awa pun tidor tidak lena, makan tidak lalu. Jadi, kalau kes² ini di-hadapkan ka-mahkamah dan di-selesaikan sa-chepat mungkin, maka akan memberi kelapa-ngan kepada orang² yang di-da'awa dalam mahkamah itu.

Kita tidak ada kurang, saya perchaya orang² yang berkebolehan untuk menjadi Hakim—barangkali tangga gaji-nya tidak begitu baik. Oleh itu saya meng-shorkan supaya pehak Menteri boleh

buat satu tangga gaji yang lebeh lumayan sadikit untuk menarek beberapa orang² kita, anak² warga-negara kita, yang berkelulusan dalam bahagian undang² supaya dapat mereka ini berkhidmat di-Mahkamah² Rendah khas-nya yang boleh menyelesaikan beberapa banyak kes² yang tertangguh² itu.

Dan saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai bagaimana susah-nya Hakim² kita membicharakan kes² di-Mahkamah² yang ada sekarang ini—boleh kata di-seluruh negara kita ini pada keselurohan-nya Bangunan² Mahkamah ini tidak begitu sesuai dan perabut-nya pun lama, dan patut-lah di-adakan satu bangunan yang sesuai, sa-imbang dengan nama-nya Bangunan Mahkamah. Yang menjadi susah kapada Hakim² kita pada masa menjalankan bichara ia-lah mengenai bising daripada luar: di-antara Mahkamah² kita dapati di-tepi² jalan dengan lalu-lintas, motokar, lori kenderaan dan lain², maka Hakim² tidak dapat memikirkan, tidak dapat menimbangkan di-atas perkara² itu oleh kerana bising daripada luar.

Saya berharap-lah supaya Yang Berhormat Menteri memikirkan kemungkinan mengadakan bilek² bichara yang kita kata sound-proof yang tidak boleh bising² daripada luar masuk mengganggu perbicharaan yang sedang di-lakukan. Saya berharap-lah perkara ini dapat di-ambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang kedua ia-lah muka 446—Lain² Perbelanjaan Berulang² Tiap² Tahun Pechahan kepala 4 Penyata Undang² dan Buku Undang². Saya dapat tahu banyak di-antara Mahkamah kita ini sangat kekurangan buku² undang² yang boleh Hakim² kita semak di-atas apa² undang² yang berkenaan dengan kes yang di-bicharakan itu.

Di-sini ada saya lihat tambahan daripada \$23,000 kapada \$30,000. Saya perchaya—sungguh pun tambahan \$7,000—ini tidak akan menchukupi juga, dan kalau boleh di-tambahkan lagi supaya melengkapkan Mahkamah² Rendah khas-nya dengan buku² undang² supaya dapat memberi kemudahan yang lebeh lagi kapada

Hakim² kita untuk membicarakan kes² di-hadapan mereka itu.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap di-atas Jabatan Peguam Negara. Saya berharap kepada pehak Jabatan ini supaya mengadakan satu ranchangan ia-itu ranchangan yang di-namakan peguambela perchuma bagi orang² yang di-da'awa di-Mahkamah yang tidak mampu mengambil peguam untuk membela bagi kes², atau da'awaan di-atas mereka ini. Ini ada-lah satu perkara yang sangat mustahak demi kepentingan keadilan dan patut sangat²-lah pehak Kerajaan memandang berat di-atas perkara ini, kerana kita kerap kali dapati manakala di-bicarakan satu² orang yang di-tudoh, orang yang ada wang dapat mereka pertolongan, bantuan daripada peguam² yang boleh membela nasib mereka itu dan dapat-lah peguam-nya sendiri memberi dengan sa-jelas²-nya kenyataan bagi maklumat kepada Tuan Hakim, tetapi ada di-antara ra'ayat kita yang susah, yang miskin, yang tidak mampu mengambil peguam, maka di-dapati kerap kali-nya orang ini manakala di-hadapkan ka-Mahkamah yang satu pehak lagi ada peguam, maka kita dapati kerap kali orang ini di-bully oleh peguam orang yang ada kemampuan itu sehingga hilang-lah kenyataan yang hendak di-beri kepada Tuan Hakim. Jadi, sa-kira-nya ada satu ranchangan peguambela perchuma bagi orang² yang tidak mampu ini, maka dapat-lah kita memperbaiki lagi keadilan terhadap orang² yang di-da'awa di-Mahkamah itu.

Sakian-lah, terima kaseh.

Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, saya bangun berchakap sedikit atas Kepala B. 55 mengenai Jabatan Orang Asli. Tuan Pengerusi, kita telah meng-untukkan banyak wang untuk Orang Asli, tetapi saya sendiri merasa ragu akan dasar Kerajaan kita terhadap Orang Asli. Ada-kah Kerajaan kita pandang bahawa mereka itu sa-jenis makhlok yang mustahak hidup seperti manusia² lain, atau pun Kerajaan memandang bahawa Orang Asli itu

chuma sa-jenis makhlok yang bersendirian. Puncta-nya, ia-lah kerana dalam peruntukan kita ini banyak terdapat perkara² yang memberi kenekmatan kepada mereka seperti masaalah² perubatan, masaalah pelajaran dan lain-nya, tetapi nampak-nya di-sini kosong daripada peruntukan yang terpenting sa-kali bagi satu makhlok manusia, ia-itu perkara yang di-sebut ugama. Orang Asli tetap-lah ia sa-bagai makhlok manusia. Ia-nya mempunyai hak yang sa-rupa dengan kita dalam menekmati kelazatan beragama dan kelazatan jiwa dalam mengenali Tuhan dan beribadat. Jadi, kalau mereka kita beri kesempatan untuk merasai nikmat sihat sa-kali pun terpaksa di-gunakan jarum² injection pedeh, pisau² operation yang sakit, maka kenapa kita tidak beri peluang kepada mereka merasai kelazatan jiwa, merasai kelazatan mengenali Tuhan yang maha besar. Saya dengar khabar, entah betul entah tidak, bahawa Kerajaan tidak suka menakut²kan mereka dengan pengajaran ugama; dengan sebab itu-lah Kerajaan tidak membuat satu projek yang khas untuk ugama, takut² mereka itu lari, takut² mereka itu akan lari balek sa-mula ka-hutan. Tuan Pengerusi, kalau-lah khabar² ini betul—maka amat-lah mendukachitakan kerana yang pertama sa-kali kita ingat kepada kata² orang bijaksana, ia-itu bahawa manusia mungkin hidup di-muka dunia dengan tidak berumah tangga dengan tidak mempunyai bandar dan market, tetapi tidak mungkin manusia hidup di-dunia dengan tidak ber-Tuhan dan tidak mempunyai rumah ibadat—satu. Yang kedua, kita takut Orang Asli ini lari ka-hutan kerana takutkan ugama sedangkan kita telah berjaya mendidik mereka itu sa-hingga mereka itu tidak takut kepada jarum², atau injection dan pisau² belah sedangkan jarum chuchok dan pisau belah ini satu perkara baharu bagi pandangan mereka itu. Jadi kalau-lah kita telah berjaya membawa mereka itu ka-dalam hospital, dalam wad² sakit menggunakan alat² yang moden, maka kenapa kita tertakut² dan teragak² daripada memberi kepada mereka pelajaran ugama yang langsung tidak mempunyai kepedeahan

dan tidak langsung mempunyai kesakitan?

Akhir-nya saya minta kepada pihak Kementerian kita chuba mula dari pada tahun ini atau bagaimana pun kita chuba mengadakan satu rancangan khas dalam hal ugama kalau pun kita tidak mahu bawa mereka itu terus ka-dalam bahagian ibadat selalu pun, kita chuba juga dalam masaalah iktikad. Jangan²-lah kita habiskan wang untok mereka itu supaya sihat, untok mereka itu belajar pelajaran² umum, tahu² mereka itu besar dan sihat dengan keadaan tidak mempunyai satu pegangan hidup nanti, mereka itu sama ada terdedah kepada fahaman kominis, atau fahaman² kachau, atau pun bererti Kerajaan kita menambah lagi bilangan orang² yang di-sebut *free thinker* hari ini, ia-itu orang yang langsung tidak mempunyai ugama.

Kedua-nya sama ada orang ini terdedah kepada fahaman kominis, atau pun menjadi sa-orang yang *free thinker* yang tidak menguntongkan kita, kalau kita buat juga bererti kita pelihara Orang² Asli sa-rupa-lah kita pelihara benda² dalam Zoo Sakian, terima kaseh.

Tuan Toh Theam Hock (Kampar) (*dengan izin*): Sir, in supporting the estimates of the Ministry of Lands and Mines, I would like to congratulate the Honourable Minister for the successful implementation of his policies in the past year—particularly, I would like to congratulate him on his successful decision in respect of off-shore mining within the 12-mile limit in the three States of West Malaysia. I am particularly happy to note that my capable and energetic Menteri Besar of Perak, Dato' Ahmad Said has been chosen to head the delegation on the Government side. Sir, now that a firm and definite step is made, I hope that the Honourable Minister will see that the scheme is quickly implemented, so as to bring into the country the much needed foreign exchange and provide employment opportunities for the many jobless. However, Mr Chairman, Sir, I note with regret that under Head B.

50—Mining—there are no provisions for special expenditure to investigate the possibilities of the existence of other minerals in Malaysia. I would urge the Honourable Minister to take a more realistic view in relation to the world demand for mineral ores and our nation's basic primary commodities and spare no efforts to search for other mineral ores which might be in abundance in West Malaysia.

Mr Chairman, Sir, I would now like to refer to Head B. 51—Survey. Sir, as far as the work involving rural development is concerned, I have only praise for the Department. But I cannot say so where the work involves surveys, sub-division and the issue of new titles. There is no proper or sufficient co-operation between the local Land Officer, Survey Officer, and the Registrar of Titles in the various States. Sir, this has been the old colonial system which we adopt and follow. Why it has not been streamlined, I do not know. With the stepping up of our rural development and the rapid industrial and housing development from the private sector, we must cut down red-tape. It is an established fact that to get a piece of land sub-divided it sometimes takes several years, and, if you know the right people and the right strings to pull, you might get your title in about a year. Sir, the files go up and down the three Departments and sometimes, if you are unfortunate, the files get lost. As far as the Survey Offices are concerned, especially the Perak Survey Office, I have only very high praise for the Chief Surveyor. Files are cleared as fast as they arrive. It is in the Land Offices that the files are always delayed. This state of affairs, Sir, is very unsatisfactory and the Honourable Minister should find ways and means to do away with the lengthy procedures handed down to us by the old colonial regime. If only new or qualified titles could be issued within a few months instead of a few years, I feel certain that the development and progress of our country will increase at a much faster rate than it is at the moment.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan

Pengerusi, saya suka berchakap berkenaan dengan B. 43 Mahkamah. Pada masa ini di-dapati ada banyak kes², baik kes mal mahu pun kes jenayah yang belum lagi di-selesaikan atau pun di-bicharakan di-dalam Mahkamah² Tinggi. Untuk mengurangkan sedikit kerja² di-Mahkamah Tinggi, saya berseru kepada Kerajaan supaya menambahkan lagi kuasa² kepada Mahkamah Tengah atau pun Sessions Court dan juga Mahkamah Mejiesteret (Magistrate Court).

Pada masa ini Mahkamah Tengah hanya boleh membicharakan kes² mal yang tidak lebeh daripada \$2,000. Saya rasa kuasa patut di-beri kepada Mahkamah Seshen ini atau Mahkamah Tengah supaya dapat Mahkamah Tengah membicharakan kes sampai kepada jumlah \$7,500 dan Mahkamah Mejiesteret pula di-beri kuasa sa-hingga boleh membicharakan kes² mal yang berharga sampai \$2,500. Pada masa penjajah dahulu banyak Yang di-Pertua² Mahkamah Tengah tidak berkelulusan dan tidak mempunyai ijazah undang². Tetapi pada masa sekarang ini kedudukan telah berubah, boleh dikatakan 100% Yang di-Pertua² Mahkamah Tengah telah pun mempunyai ijazah undang² dan banyak pula di-antara Mejiesteret² yang juga mempunyai ijazah undang².

Dari sebab itu saya tidak nampak mengapa kita tidak boleh menambahkan kuasa kepada mereka itu. Pada masa ini satu² kes di-dalam Mahkamah Tinggi khas-nya kes mal—(civil case) terpaksa menunggu sampai lebeh daripada dua tahun sa-belum kes itu dapat di-bicharakan dan saya rasa dengan kelambatan itu sangat-lah kita tidak adil kepada ra'ayat jelata.

Dengan ada-nya perubahan ia-itu dengan di-beri lebeh banyak kuasa kepada Mahkamah Seshen dan Mejiesteret tadi, saya perchaya kes², baik kes mal dan juga kes jenayah dapat-lah di-bicharakan dengan lebeh chepat lagi daripada masa sekarang ini. Di-dalam kes jenayah juga, Tuan Pengerusi, kuasa yang lebeh boleh di-beri kepada Mahkamah Tengah dan Mahkamah Mejiesteret.

Satu perkara lagi ia-lah berhubung dengan Jabatan Peguam Negara, ia-itu B. 44. Pada masa ini buku undang² yang lama tidak dapat di-beli. Saya beri chontoh buku undang² daripada tahun 1947 sa-hingga tahun 1957 tidak boleh di-beli di-mana². Jabatan Chetak tidak lagi menchetak buku undang² yang lama ini. Saya rasa, Tuan Pengerusi, kalau kita hendak ra'ayat kita mengetahui hal undang² dalam satu² negeri patut-lah ada tempat-nya di-mana buku² undang² itu boleh di-beli. Sekarang ini apa yang saya ketahui buku² ini tidak boleh di-beli semenjak daripada enam tahun dahulu. Dari sebab itu, saya berseru-lah kepada Jabatan Peguam Negara supaya memberi perhatian kepada perkara itu dan mendapatkan buku² undang² yang lama ini di-chetak sa-mula untuk jualan kepada orang ramai.

B. 48—Kementerian Tanah dan Galian. Saya dengar banyak sangat sungutan berkenaan bayaran survey (survey fee) yang pada masa ini terlampau tinggi. Saya berharap Kementerian Tanah dan Galian dapat menyemak sa-mula bayaran survey ini dan menurunkan bayaran ini dengan segera supaya dengan jalan itu dapat-lah kita elakkan kesukaran orang² kampung untuk membayar bayaran survey ini.

Saya beralah kepada B. 53—Perhutanan. Pada masa ini kita dapat lihat banyak benar tanah² hutan telah pun di-kerjakan kayu kayan di-bawa keluar dan tanah tertinggal kosong begitu sahaja. Untuk menjaga hasil negara di-masa hadapan, saya minta kepada pehak Kerajaan berikhtiar dan berusaha menchari jalan untuk mendapatkan tanah yang beratus² ribu ekar ini di-tanam sa-mula dengan jenis kayu² kayan yang berharga. Jadi, kalau kita tinggalkan dengan keadaan tanah itu kosong sa-lepas di-buat kerja dan sa-lepas kayu² di-bawa keluar, maka peluang untuk kita mendapatkan hasil yang lebeh baik di-masa yang akan datang itu tidak-lah sa-bagitu cherah.

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula. 48 hingga B. 55, Kementerian Tanah dan Galian dalam Jadual Rang Undang² ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Ahli² Yang Berhormat, saya suka ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1968 telah sampai kepada B. 42 hingga B. 46, Kementerian Keadilan dan Kepala B.

Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi besok.

Persidangan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.